



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 832**

**AKTA PERTUBUHAN 1966**

(Disemak—2021)

DISEMAK OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
2021

**AKTA PERTUBUHAN 1966**

Disemak sehingga ... .. 14 November 2021

Tarikh penyiaran dalam *Warta*  
bagi edisi semakan ini ... .. 15 November 2021

Tarikh yang ditetapkan untuk mula  
berkuat kuasanya edisi semakan  
ini menurut perenggan 6(1)(xxiii)  
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 ... 1 Disember 2021  
[*Akta 1*]

---

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1966 sebagai  
Act Parlimen No. 13 tahun 1966

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 832

### AKTA PERTUBUHAN 1966

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERTUBUHAN SECARA AMNYA

#### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
- 2A. Pertubuhan berdaftar hendaklah bertindak melaksanakan Perlembagaan
3. Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan pegawai lain
- 3A. Kuasa Pendaftar
- 3B. Kuasa perwakilan
4. Pertubuhan disifatkan ditubuhkan di Malaysia
5. Kuasa Menteri mengisytiharkan pertubuhan sebagai menyalahi undang-undang
6. Permohonan bagi pendaftaran
- 6A. Kuasa Pendaftar membuat pertanyaan, dsb., berhubung dengan mana-mana permohonan di bawah Akta ini
7. Pendaftaran dan penolakan pendaftaran
8. Perakuan pendaftaran
- 8A. Liabiliti pertubuhan berdaftar berkenaan dengan kontrak yang dibuat oleh cawangan
9. Peruntukan yang terpakai bagi pertubuhan berdaftar
- 9A. Kehilangan kelayakan yang terpakai bagi pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan berdaftar

## Seksyen

10. Pemeriksaan dokumen dan nilai keterangan salinan yang diperakui oleh Pendaftar
11. Perubahan nama, tempat urusan dan kaedah-kaedah pertubuhan
12. Cawangan pertubuhan
13. Pembatalan dan penggantungan
- 13A. Kuasa Pendaftar membuat perintah tertentu berkenaan dengan pertubuhan berdaftar
14. Maklumat yang kena diberikan oleh pertubuhan, dsb.
15. Orang yang bertanggungjawab bagi membekalkan maklumat
16. Pertikaian
17. Akibat perintah Menteri di bawah seksyen 5, penolakan pendaftaran pertubuhan tempatan oleh Pendaftar di bawah seksyen 7 dan pembatalan pendaftaran sesuatu pertubuhan berdaftar di bawah Akta ini
- 17A. Pemakaian seksyen 17 bagi cawangan yang menyalahi undang-undang
- 17B. Peletakhakan harta pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan pada pertubuhan berdaftar yang baharu
18. Rayuan

## BAHAGIAN IA

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI  
BAGI PARTI POLITIK SAHAJA

- 18A. Pemakaian Bahagian I dan III
- 18B. Hal keadaan yang tidak menjadikan sesuatu pemilihan tidak sah
- 18C. Keputusan parti politik adalah muktamad dan konklusif

## BAHAGIAN II

PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI  
PERTUBUHAN FAEDAH BERSAMA SAHAJA

19. Pemakaian Bahagian I dan III

Seksyen

20. Kecualian
21. Sekatan ke atas pendaftaran pertubuhan faedah bersama
22. Keanggotaan orang belum dewasa
23. Sekatan ke atas penama
24. Kedahuluan apabila pemegang jawatan mati, menjadi bankrap, dsb.
25. Pelantikan pemegang amanah
26. Audit
27. Permintaan bagi maklumat dan pemeriksaan buku dan dokumen oleh Pendaftar
28. Hak membekalkan salinan kaedah-kaedah
29. Hak membekalkan salinan penyata tahunan
30. Pemeriksaan buku oleh anggota
31. Yuran dan faedah
32. Hak, dll., pertubuhan berdaftar tidak terjejas oleh perubahan nama
- 33-34. (*Dipotong*)
35. Inspektor dan mesyuarat khas
36. Pembubaran pertubuhan berdaftar
37. Surat cara pembubaran
38. Pembubaran oleh Pendaftar
39. Notis prosiding untuk mengetepikan pembubaran
40. Keputusan pertikaian

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN PELBAGAI YANG TERPAKAI BAGI PERTUBUHAN SECARA AMNYA

41. Pertubuhan yang menyalahi undang-undang
42. Penalti ke atas pemegang jawatan, dsb., pertubuhan yang menyalahi undang-undang
43. Penalti ke atas anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang
44. Orang yang membenarkan pertubuhan yang menyalahi undang-undang dalam premis

## Seksyen

45. Penalti kerana menghasut, dsb., seseorang supaya menjadi seorang anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang
46. Penalti kerana mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan yang menyalahi undang-undang
47. Menyiarkan, dsb., dakyah pertubuhan menyalahi undang-undang
48. Bertindak bagi pihak atau mewakili pertubuhan yang menyalahi undang-undang
49. Liabiliti pemegang jawatan pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan
50. Bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain bagi pertubuhan
51. Liabiliti pemegang jawatan berkenaan dengan kesalahan oleh pertubuhan
52. Pertubuhan yang menggunakan upacara kongsi gelap disifatkan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang
53. Penalti kerana salah guna wang atau harta pertubuhan berdaftar
- 53A. Penalti kerana mempamerkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang telah dibatalkan
54. Hukuman bagi fraud, akuan palsu dan penggelapan
- 54A. Penalti kerana memberikan maklumat palsu
55. Anggapan
56. Anggapan mengenai keanggotaan, dsb., pertubuhan
57. Keterangan pakar
58. Perlindungan pemberi maklumat
59. Pelucuthakan
60. Kesalahan yang tidak boleh dijamin dan yang kena didaftarkan yang tertentu
61. Keizinan untuk pendakwaan
62. Penyampaian saman
63. Kuasa untuk masuk dan memeriksa rekod
64. Kuasa untuk masuk, menggeledah dan menyita oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar dalam hal khas
65. Kuasa untuk masuk dan menggeledah
66. Kuasa Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk memanggil saksi
67. Peraturan-peraturan

Seksyen

- 68. Pemansuhan
- 69. *(Ditinggalkan)*
- 70. Kuasa untuk mengecualikan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA





# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 832

### AKTA PERTUBUHAN 1966

Suatu Akta yang berhubung dengan pendaftaran pertubuhan.

[1 Februari 1966, P.U. 24/1966]

#### BAHAGIAN I

#### PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERTUBUHAN SECARA AMNYA

#### **Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan 1966.  
(2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“faedah” ertinya pembayaran yang dibuat oleh sesuatu pertubuhan faedah bersama bagi bantuan atau nafkah bagi anggota atau peyuran atau apabila ada kelahiran atau kematian mengikut kaedah-kaedah pertubuhan faedah bersama itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendaftaran pertubuhan;

“parti politik” ertinya—

- (a) mana-mana pertubuhan yang menurut mana-mana tujuan atau kaedahnya, tidak kira sama ada tujuan atau kaedah itu merupakan tujuan atau kaedah utamanya, atau semata-mata merupakan tujuan atau kaedah yang menjadi tambahan kepada tujuan atau tujuan-tujuan utamanya atau kepada kaedah atau kaedah-kaedah utamanya, mengadakan peruntukan bagi pertubuhan itu menyertai, melalui calon-calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri, atau ke pihak berkuasa tempatan, atau mengadakan peruntukan baginya mengusahakan pelantikan atau pemilihan ke Dewan Negara seseorang yang dicadangkan atau disokong olehnya; atau
- (b) mana-mana pertubuhan yang, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam tujuan atau kaedah-kaedahnya, menjalankan apa-apa aktiviti atau meneruskan apa-apa tujuan yang melibatkan penyertaannya, melalui calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri, atau ke pihak berkuasa tempatan, atau yang melibatkan ia mengusahakan pelantikan atau pemilihan ke Dewan Negara seseorang yang dicadangkan atau disokong olehnya;

“pemegang jawatan”, berhubung dengan sesuatu pertubuhan, ertinya mana-mana orang yang menjadi yang dipertua, naib yang dipertua, setiausaha atau bendahari pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, atau yang menjadi anggota jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhan itu, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atau yang memegang dalam pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu apa-apa jawatan atau kedudukan yang sama dengan mana-mana yang tersebut di atas;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Pertubuhan yang dilantik di bawah seksyen 3 dan termasuklah mana-mana Timbalan Pendaftar Pertubuhan yang dilantik di bawah seksyen yang sama;

“Penolong Pendaftar” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik sebagai seorang Penolong Pendaftar Pertubuhan di bawah seksyen 3;

“pertubuhan” termasuklah mana-mana kelab, syarikat, perkongsian, atau persatuan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal, yang mengandungi tujuh orang atau lebih tetapi tidak termasuk —

- (a) mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;
- (b) mana-mana syarikat atau persatuan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan atau dikehendaki didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kesatuan sekerja yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;
- (d) mana-mana syarikat, persatuan atau perkongsian yang dibentuk bagi maksud semata-mata menjalankan apa-apa urusan yang sah yang mempunyai tujuan untuk memperoleh keuntungan oleh syarikat, persatuan atau perkongsian itu, atau oleh anggota perseorangan syarikat, persatuan atau perkongsian itu;
- (e) mana-mana koperasi, yang didaftarkan sedemikian, di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (f) mana-mana organisasi atau persatuan yang berkenaan dengannya pada masa ini berkuat kuasa suatu perakuan (yang boleh diberikan, ditolak, atau dibatalkan menurut budi bicaranya) oleh seseorang atau sesuatu pihak berkuasa yang dilantik di bawah peruntukan undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan pendaftaran sekolah bahawa organisasi atau persatuan itu menjadi sebahagian daripada kurikulum sesuatu sekolah; atau
- (g) mana-mana sekolah, jawatankuasa pengurusan sesuatu sekolah, persatuan ibu bapa atau persatuan ibu bapa dan guru yang didaftarkan atau dikecualikan daripada pendaftaran di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang mengawal selia sekolah;

“pertubuhan berdaftar” ertinya mana-mana pertubuhan yang pada masa ini didaftarkan di bawah seksyen 7;

“pertubuhan faedah bersama” ertinya mana-mana pertubuhan yang menurut tujuan atau kaedahnya sama ada sebagai tujuan utama atau sebagai tujuan tambahan, mengadakan peruntukan melalui yuran sukarela daripada anggota pertubuhan itu atau peyuran kepada pertubuhan itu sama ada berserta dengan bantuan derma atau tidak bagi—

- (a) bantuan atau nafkah anggota atau peyurannya, suami, isteri, anak, bapa, ibu, saudara lelaki, saudara perempuan, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan atau peliharaan mereka, semasa sakit atau kelemahan lain, sama ada pada badan atau otak, pada masa tua atau pada masa menjadi balu atau bagi bantuan atau nafkah anak yatim anggota atau peyuran dalam masa belum dewasa;
- (b) pembayaran wang apabila lahir anak seseorang anggota atau peyuran atau apabila mati seseorang anggota atau peyuran atau apabila mati anak, suami, isteri, ibu atau bapa, atau datuk atau nenek seseorang anggota atau peyuran atau apabila mati mana-mana orang lain atau bagi belanja pengebumian anggota atau peyuran atau anak, suami, atau isteri seseorang anggota atau peyuran atau balu seseorang anggota atau peyuran yang telah mati; atau
- (c) bantuan atau nafkah anggota atau peyuran apabila menganggur atau apabila dalam keadaan menderita;

“pertubuhan tempatan” ertinya mana-mana pertubuhan yang diatur dan ditubuhkan di Malaysia atau yang mempunyai ibu pejabat atau tempat utama urusannya di Malaysia, dan termasuklah mana-mana pertubuhan yang disifatkan ditubuhkan di Malaysia menurut kuasa seksyen 4;

“yuran” ertinya yuran yang dibayar oleh seseorang anggota atau peyuran kepada sesuatu pertubuhan faedah bersama dan jika sesuatu pertubuhan faedah bersama menjalankan aktiviti selain aktiviti bagi pertubuhan faedah bersama ertinya yuran yang dibayar oleh anggota atau peyuran itu bagi maksud mendapat faedah yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah pertubuhan itu.

**Pertubuhan berdaftar hendaklah bertindak melaksanakan Perlembagaan**

**2A.** (1) Menjadi kewajipan tiap-tiap pertubuhan berdaftar dalam menjalankan aktiviti dan dalam mengendalikan hal ehwalnya memastikan bahawa ia selaras dengan, dan berfaedah bagi pelaksanaan dan pematuhan, peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri, dan jika mana-mana aktiviti atau hal ehwal mana-mana pertubuhan itu adalah dengan apa-apa cara melanggar, atau mengurangkan, atau bertentangan dengan, atau menampakkan sikap tidak mengendahkan—

- (a) sistem pemerintahan berdemokrasi yang diketuai oleh seorang raja berperlembagaan Malaysia, dan, oleh Raja berperlembagaan atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri;
- (b) kedudukan agama Islam sebagai agama Malaysia, dengan agama lain diamalkan dengan aman dan damai;
- (c) penggunaan bahasa kebangsaan bagi maksud rasmi;
- (d) kedudukan orang Melayu dan anak negeri di Negeri Sabah dan Sarawak;
- (e) kepentingan sah kaum-kaum lain,

sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri, Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan itu selepas memberi pertubuhan itu suatu peluang untuk membuat representasi kepadanya.

**Pelantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan pegawai lain**

**3.** (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang Pendaftar Pertubuhan dan apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar yang difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.

(1A) Menteri boleh melantik apa-apa bilangan Penolong Pendaftar dan pegawai lain yang difikirkannya perlu bagi pentadbiran yang sepatutnya Akta ini.

(1B) Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai lain yang dilantik masing-masing di bawah subseksyen (1) dan (1A) hendaklah berada di bawah arahan dan kawalan Pendaftar.

(2) Semua pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan (1A) hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].

(3) Tiada apa-apa guaman boleh dibawa terhadap mana-mana pegawai awam bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati tanpa kecuaiian dan dengan tujuan menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya atau dikenakan ke atasnya oleh Akta ini.

### **Kuasa Pendaftar**

**3A.** Sebagai tambahan kepada kuasa, tugas dan fungsi yang diberikan kepada Pendaftar oleh Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, Pendaftar hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan segala kuasa, menunaikan segala tugas dan melaksanakan segala fungsi yang perlu bagi maksud menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan Akta ini.

### **Kuasa perwakilan**

**3B.** (1) Pendaftar boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini, kecuali kuasa perwakilan di bawah seksyen ini, kepada mana-mana Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3.

(2) Perwakilan di bawah subseksyen (1) boleh dijadikan tertakluk kepada apa-apa sekatan dan batasan yang ditetapkan oleh Pendaftar dalam surat cara perwakilan itu.

(3) Kuasa perwakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan oleh Pendaftar sendiri.

### **Pertubuhan disifatkan ditubuhkan di Malaysia**

**4.** Sesuatu pertubuhan hendaklah disifatkan ditubuhkan di Malaysia, walaupun ia diatur dan mempunyai ibu pejabat atau tempat utama urusannya di luar Malaysia, jika mana-mana pemegang jawatannya

atau anggotanya bermastautin atau berada di Malaysia, atau jika mana-mana orang di Malaysia menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan itu atau mendapatkan atau memungut wang atau yuran bagi pihak pertubuhan itu:

Dengan syarat bahawa tiada pertubuhan boleh disifatkan sebagai ditubuhkan sedemikian jika dan selagi—

- (a) ia diatur dan beroperasi keseluruhannya di luar Malaysia;
- (b) tiada pejabat, tempat urusan atau tempat mesyuarat disenggarakan atau digunakan di Malaysia oleh pertubuhan itu atau oleh mana-mana orang bagi pihaknya;
- (c) tiada daftar mengenai semua atau mana-mana anggota pertubuhan itu disimpan di Malaysia; dan
- (d) tiada yuran dipungut atau didapatkan di Malaysia oleh pertubuhan itu atau oleh mana-mana orang bagi pihaknya.

### **Kuasa Menteri mengisytiharkan pertubuhan sebagai menyalahi undang-undang**

5. (1) Sah bagi Menteri menurut budi bicaranya yang mutlak melalui perintah mengisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang mana-mana pertubuhan atau cawangan atau kelas atau perihalan mana-mana pertubuhan yang pada pendapatnya digunakan atau sedang digunakan bagi maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagian di Malaysia, ketenteraman awam atau kemoralan.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah berkuat kuasa untuk membatalkan dengan serta-merta pendaftaran mana-mana pertubuhan itu, jika telah didaftarkan di bawah Akta ini; dan tiada pertubuhan yang terhadapnya sesuatu perintah telah dibuat di bawah seksyen ini boleh didaftarkan sedemikian.

(3) Peruntukan seksyen 17 hendaklah terpakai berkenaan dengan sesuatu pertubuhan tempatan yang terjejas oleh perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.

**Permohonan bagi pendaftaran**

**6.** (1) Tiap-tiap pertubuhan tempatan, selain pertubuhan tempatan yang berkenaan dengannya suatu perintah dibuat di bawah seksyen 5 sedang berkuat kuasa, hendaklah, mengikut cara yang ditetapkan, memohon kepada Pendaftar bagi pendaftaran di bawah Akta ini.

(2) Sehingga sesuatu pertubuhan tempatan didaftarkan di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis Pendaftar, mengatur atau mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti pertubuhan atau bagi pihak pertubuhan itu, kecuali hanya untuk memohon kepada atau berutus surat dengan Pendaftar.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan, jika kesalahan itu ialah kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas hari yang pertama.

**Kuasa Pendaftar membuat pertanyaan, dsb., berhubung dengan mana-mana permohonan di bawah Akta ini**

**6A.** (1) Pendaftar boleh, berhubung dengan mana-mana permohonan di bawah seksyen 6, subseksyen 11(1), subseksyen 12(1), seksyen 49, subseksyen 50(1), atau mana-mana peruntukan lain Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, meminta apa-apa maklumat lanjut, dan membuat apa-apa pertanyaan, yang difikirkannya perlu.

(2) Jika seseorang yang membuat apa-apa permohonan yang disebut dalam subseksyen (1) gagal membekalkan maklumat lanjut yang diminta itu, atau menjawab pertanyaan yang dibuat itu, hingga memuaskan hati Pendaftar, dia boleh menolak permohonan itu.

**Pendaftaran dan penolakan pendaftaran**

**7.** (1) Apabila sesuatu permohonan di bawah seksyen 6 diterima, Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada peruntukan seksyen ini dan apa-apa syarat yang disifatkan oleh Pendaftar patut dikenakan, mendaftarkan pertubuhan tempatan yang membuat permohonan itu.



(2) Pendaftar boleh menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan tempatan jika—

- (a) dia berpuas hati bahawa pertubuhan itu ialah cawangan mana-mana pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah perenggan 13(1)(c);
- (b) dia tidak berpuas hati bahawa pertubuhan tempatan itu telah mematuhi peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (c) sesuatu pertikaian wujud di kalangan anggota pertubuhan tempatan itu tentang orang yang akan menjadi pemegang jawatan atau yang akan memegang atau mentadbirkan apa-apa harta pertubuhan itu sehingga pertikaian itu diputuskan oleh Mahkamah atau melalui timbang tara atau melalui perjanjian antara anggotanya atau selainnya.

(3) Pendaftar hendaklah menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan tempatan jika—

- (a) didapati oleh Pendaftar bahawa pertubuhan tempatan itu adalah menyalahi undang-undang menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau mungkin digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi apa-apa maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, keadaan baik atau kemoralan di Malaysia;
- (b) pertubuhan itu telah diisytiharkan oleh Menteri sebagai menyalahi undang-undang di bawah seksyen 5;
- (c) Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu tidak wujud;
- (d) nama yang dengannya pertubuhan itu hendak didaftarkan—
  - (i) didapati oleh Pendaftar akan mengelirukan atau dikira akan mengelirukan orang awam tentang sifat atau maksud pertubuhan itu yang sebenarnya atau hampir menyerupai nama pertubuhan lain sehingga boleh memperdayakan orang awam atau anggota salah satu pertubuhan itu;

- (ii) adalah serupa dengan nama mana-mana pertubuhan tempatan lain yang sedia ada; atau
- (iii) adalah, pada pendapat Pendaftar, tidak diingini; atau
- (e) perlembagaan atau kaedah-kaedah pertubuhan itu tidak mengandungi peruntukan bagi segala perkara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau, jika pertubuhan itu ialah suatu pertubuhan faedah bersama, perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua atau apa-apa perkara lain yang semunasabahnya dikehendaki oleh Pendaftar.

(4) Jika Pendaftar telah menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan tempatan di bawah seksyen ini, peruntukan seksyen 17 hendaklah terpakai bagi pertubuhan tempatan itu.

(5) Mana-mana pertubuhan yang melanggar mana-mana syarat yang dikenakan ke atasnya oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

### **Perakuan pendaftaran**

8. Pendaftar, apabila mendaftarkan sesuatu pertubuhan tempatan di bawah seksyen 7, hendaklah mengeluarkan kepada pertubuhan itu suatu perakuan pendaftaran mengikut borang yang ditetapkan, dan perakuan itu, melainkan jika dibuktikan telah dibatalkan, hendaklah menjadi keterangan konklusif bagi segala maksud bahawa pertubuhan itu telah didaftarkan dengan sewajarnya di bawah Akta ini.

### **Liabiliti pertubuhan berdaftar berkenaan dengan kontrak yang dibuat oleh cawangan**

8A. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 12, sesuatu pertubuhan berdaftar tidak boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya berkenaan dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh mana-mana cawangan pertubuhan itu, atau oleh mana-mana pemegang jawatan cawangan itu, melainkan jika kontrak itu—

- (a) telah dibuat oleh cawangan menurut kebenaran nyata yang diberikan kepada cawangan itu oleh jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhan berdaftar itu; atau

(b) ialah suatu kontrak dalam kelas atau perihalan tertentu yang cawangan itu diberi kuasa secara am atau khusus oleh pertubuhan itu untuk membuat kontrak.

(2) Perenggan 9(c), (d) dan (e) hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya dalam pemakaiannya bagi apa-apa guaman, prosiding, penghakiman, atau permohonan bagi pelaksanaan, berhubung dengan apa-apa kontrak yang dibuat oleh suatu cawangan suatu pertubuhan berdaftar.

(3) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), jika sesuatu cawangan, yang dalam subseksyen ini disebut “cawangan bawahan”, adalah di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada suatu cawangan lain, yang disebut “cawangan atasan” dalam subseksyen ini, cawangan atasan itu boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya bagi kontrak yang dibuat oleh cawangan bawahan jika—

(a) kontrak itu dibuat menurut kebenaran bertulis yang nyata yang diberikan oleh cawangan atasan; atau

(b) kontrak itu ialah suatu kontrak yang termasuk dalam kelas atau perihalan kontrak yang cawangan bawahan itu diberi kuasa oleh cawangan atasan untuk membuatnya:

Dengan syarat bahawa suatu cawangan hendaklah dalam apa-apa hal disifatkan berada di bawah kawalan dan bertanggungjawab kepada suatu cawangan lain jika anggota cawangan atasan itu adalah dinamakan atau dipilih atau selainnya dipilih daripada anggota cawangan bawahan.

### **Peruntukan yang terpakai bagi pertubuhan berdaftar**

**9.** Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi pertubuhan berdaftar:

(a) harta alih bagi sesuatu pertubuhan, jika tidak terletak hak pada pemegang amanah, hendaklah disifatkan terletak hak pada masa itu pada badan pengelola pertubuhan itu, dan boleh, dalam semua prosiding sivil dan jenayah, diperihalkan sebagai harta badan pengelola pertubuhan itu dengan gelaran badan pengelola pertubuhan itu yang betul jika diketahui;

- (b) harta tak alih bagi sesuatu pertubuhan boleh, jika tidak didaftarkan atas nama pemegang amanah, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, didaftarkan atas nama pertubuhan itu, dan segala surat cara yang berhubungan dengan harta itu adalah sah dan berkuat kuasa seolah-olah surat cara itu telah disempurnakan oleh seorang pemunya berdaftar dengan syarat bahawa surat cara itu disempurnakan oleh tiga orang pemegang jawatan pertubuhan itu yang ada pada masa itu, dan pelantikan mereka adalah disahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar, dan dimeteraikan dengan meterai pertubuhan itu;
- (c) sesuatu pertubuhan boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya atas nama mana-mana seorang daripada anggotanya sebagaimana yang dinyatakan kepada Pendaftar dan didaftarkan oleh Pendaftar sebagai pegawai awam pertubuhan itu bagi maksud itu, dan, sekiranya tiada seorang seperti itu didaftarkan, adalah kompeten bagi mana-mana orang yang mempunyai suatu tuntutan atau permintaan terhadap pertubuhan itu untuk membawa guaman terhadap pertubuhan itu atas nama mana-mana pemegang jawatan pertubuhan itu;
- (d) tiada guaman atau prosiding oleh atau terhadap suatu pertubuhan berdaftar dalam mana-mana mahkamah sivil boleh terhenti atau diberhentikan disebabkan oleh orang yang membawa atau yang terhadapnya guaman atau prosiding itu dibawa atau diteruskan, meninggal dunia atau tidak lagi memegang jawatan yang atas namanya dia telah membawa guaman atau dibawa guaman, tetapi guaman atau prosiding yang sama boleh diteruskan atas nama pengganti, atau terhadap pengganti orang itu;
- (e) tiada penghakiman dalam apa-apa guaman terhadap suatu pertubuhan berdaftar boleh dikuatkuasakan terhadap orang atau harta orang yang dibawa guaman itu kecuali terhadap harta pertubuhan itu;
- (ea) permohonan bagi pelaksanaan sesuatu penghakiman hendaklah mengandungi penghakiman itu, fakta pihak yang terhadapnya penghakiman itu telah didapati yang telah membawa guaman atau dibawa guaman, mengikut

mana-mana yang berkenaan, bagi pihak pertubuhan itu, dan hendaklah menghendaki supaya penghakiman itu dikuatkuasakan terhadap harta pertubuhan itu;

(f) mana-mana anggota yang—

- (i) gagal membayar yuran yang, mengikut kaedah-kaedah pertubuhan yang dia menjadi anggota, dia terikat untuk membayar;
- (ii) terhutang wang kepada pertubuhan;
- (iii) mengambil milik atau menahan, apa-apa harta pertubuhan berlawanan dengan kaedah-kaedah pertubuhan itu; atau
- (iv) merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta pertubuhan itu,

boleh dibawa guaman bagi yuran atau wang atau bagi kerosakan yang timbul daripada perbuatan memiliki secara salah, menahan, merosakkan atau memusnahkan harta itu:

Dengan syarat bahawa sekiranya defendan berjaya dalam guaman itu dan diawardkan kos, defendan boleh memilih untuk menuntut kos itu daripada pegawai yang atas namanya guaman itu telah dibawa atau daripada pertubuhan dan sekiranya daripada pertubuhan, dia boleh mendapat pelaksanaan terhadap harta pertubuhan itu;

(g) mana-mana anggota yang—

- (i) mencuri, atau menyalahgunakan dengan curang atau menjadikan untuk kegunaannya sendiri, apa-apa wang atau harta lain pertubuhan itu;
- (ii) dengan sengaja dan niat jahat memusnahkan atau merosakkan apa-apa harta pertubuhan; atau
- (iii) memalsukan apa-apa surat ikatan, bon, cagaran untuk wang, resit atau surat cara lain yang mendedahkan dana pertubuhan kepada kerugian,

bolehlah didakwa dan dihukum seolah-olah dia bukan seorang anggota; dan

- (h) jika tiada apa-apa peruntukan yang tertentu dalam kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan, apa-apa bilangan yang tidak kurang daripada tiga perlima daripada bilangan anggota bagi mana-mana pertubuhan itu yang pada masa itu bermastautin di Malaysia boleh memutuskan supaya pertubuhan itu dibubarkan dengan serta-merta atau pada masa yang dipersetujui, dan segala langkah yang perlu hendaklah diambil untuk melupuskan dan menyelesaikan harta pertubuhan itu, tuntutan dan liabilitinya, mengikut kaedah-kaedah, jika ada, pertubuhan yang tersebut itu yang berkenaan dengannya dan jika tiada kaedah-kaedah sedemikian, hendaklah mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh badan pengelolanya:

Dengan syarat bahawa jika apa-apa pertikaian timbul di kalangan anggota badan pengelola atau anggota pertubuhan itu di bawah perenggan (h), pertikaian itu boleh diputuskan oleh Pendaftar; dan mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Pendaftar di bawah perenggan ini boleh dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Mahkamah.

### **Kehilangan kelayakan yang terpakai bagi pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan berdaftar**

**9A.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (4), seseorang hendaklah hilang kelayakan daripada menjadi, dan tidak boleh menjadi atau terus menjadi, pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar—

- (a) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan terhadap Akta ini;
- (b) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain dan dihukum denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;
- (c) jika ada dikuatkuasakan terhadapnya apa-apa perintah tahanan, sekatan, pengawasan atau pengusiran di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan atau ketenteraman awam di Malaysia atau mana-mana bahagiannya, atau berhubungan dengan pencegahan jenayah, tahanan pencegahan atau imigresen;

(d) jika dia seorang bankrap belum lepas; atau

(e) jika dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal.

(2) Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (1)(b) hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun bermula dari tarikh orang yang disabitkan itu dilepaskan daripada jagaan atau tarikh yang denda yang disebut dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Jika Pendaftar, melalui notis yang ditandatangani sendiri olehnya memberitahu sesuatu pertubuhan bahawa mana-mana pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan telah hilang kelayakan di bawah subseksyen (1), pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta menguatkuasakan kehilangan kelayakan itu.

(4) Mana-mana orang yang tertakluk kepada apa-apa kehilangan kelayakan di bawah perenggan (1)(a), (b) atau (c) boleh memohon kepada Pendaftar supaya dikecualikan daripada pemakaian kehilangan kelayakan itu, dan Pendaftar boleh, jika difikirkannya adalah patut berbuat demikian, memberi pengecualian kepadanya bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pendaftar dan tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan, terma atau syarat yang diputuskan untuk dikenakan olehnya.

(5) (*Dipotong oleh Akta A557*).

(6) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan subseksyen (1) atau apa-apa batasan, sekatan, terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(7) Bagi maksud subseksyen (1), “pemegang jawatan” termasuklah—

(a) anggota mana-mana jawatankuasa kecil atau badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pengelola sesuatu pertubuhan berdaftar, atau oleh badan pengelola cawangan pertubuhan itu;

- (b) mana-mana orang yang sedikit sebanyak bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal atau perjalanan apa-apa aktiviti sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan itu; dan
- (c) mana-mana orang yang dilantik atau diberi kuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara, selain seseorang yang bukan anggota pertubuhan itu, diambil bekerja oleh pertubuhan itu untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atas sifat profesionalnya atau melalui perkiraan kontrak.

### **Pemeriksaan dokumen dan nilai keterangan salinan yang diperakui oleh Pendaftar**

**10.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), dokumen yang difailkan dengan Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan apa-apa salinan bagi mana-mana perakuan, perintah, notis atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh, apabila fi yang ditetapkan dibayar—

- (a) diperiksa oleh mana-mana orang; atau
- (b) didapatkan oleh mana-mana orang daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar:

Dengan syarat bahawa orang yang meminta pemeriksaan atau salinan itu menyatakan maksud yang dia berkehendakkannya dan Pendaftar berpuas hati bahawa maksud itu ialah suatu maksud sah, dan bahawa pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

(2) Tiada seorang pun, selain seseorang yang Pendaftar berpuas hati menjadi anggota sesuatu pertubuhan, boleh memeriksa atau mendapatkan daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar akaun pertubuhan itu atau suatu salinan akaun itu.



(3) Suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang diterima di pejabat Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang diperakui sebagai salinan atau cabutan yang benar yang ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding sebagai sama sahnyanya dengan dokumen asal.

### **Perubahan nama, tempat urusan dan kaedah-kaedah pertubuhan**

11. (1) Tiada pertubuhan berdaftar boleh—

(a) mengubah nama atau tempat urusannya; atau

(b) meminda kaedah-kaedahnya,

tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar, dan sesuatu permohonan bagi apa-apa perubahan, atau pindaan kepada kaedah-kaedahnya hendaklah dibuat kepada Pendaftar dalam masa enam puluh hari dari tarikh keputusan untuk membuat perubahan atau pindaan itu.

(2) Jika sesuatu pertubuhan berdaftar tidak mematuhi seksyen ini, pertubuhan itu dan tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) ungkapan “pinda” dan ungkapan seasalnya hendaklah termasuk sesuatu kaedah-kaedah baharu dan sesuatu ketetapan yang membatalkan sesuatu kaedah-kaedah; dan

(b) ungkapan “kaedah-kaedah” termasuklah matlamat dan tujuan yang kerananya sesuatu pertubuhan ditubuhkan, atau yang ia berusaha hendak meneruskan, atau yang kerananya kumpulan wangnya, atau mana-mana daripadanya, boleh digunakan, kelayakan bagi menjadi anggota dan bagi memegang apa-apa jawatan, kaedah pelantikan atau pemilihan bagi apa-apa jawatan, kaedah-kaedah yang dengannya pertubuhan itu akan ditadbirkan dan kaedah dan cara bagaimana mana-mana perkara di atas itu boleh dipinda.

**Cawangan pertubuhan**

12. (1) Tiada pertubuhan berdaftar boleh menubuhkan sesuatu cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh enggan memberi keizinan bagi penubuhan sesuatu cawangan pertubuhan berdaftar jika—

(a) kaedah-kaedah pertubuhan itu tidak mengadakan peruntukan bagi penubuhan sesuatu cawangan pertubuhan itu; atau

(b) kaedah-kaedah cawangan pertubuhan itu adalah sedemikian hingga menjadikan cawangan pertubuhan itu suatu pertubuhan yang bebas yang tiada ada di bawah kawalan pertubuhan itu dengan secukupnya.

(3) Jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan suatu cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar, cawangan yang ditubuhkan sedemikian hendaklah menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang:

Dengan syarat bahawa sesuatu cawangan bagi sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan dan yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini tidaklah menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang jika dalam tempoh enam bulan dari permulaan kuat kuasa Akta ini atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan, yang tidak lebih daripada tiga bulan, sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar, pertubuhan berdaftar itu membuat permohonan kepada Pendaftar secara bertulis bagi kelulusannya di bawah seksyen ini; dan dalam menimbangkan permohonan itu Pendaftar hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2).

(4) Peruntukan Akta ini, selain subseksyen 6(1), dan seksyen 7 dan 8, hendaklah terpakai bagi mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang diluluskan di bawah seksyen ini seolah-olah cawangan itu ialah suatu pertubuhan berdaftar di bawah peruntukan Akta ini, sebagaimana pertubuhan yang ia menjadi cawangan itu.

(5) Bagi maksud seksyen ini, sesuatu cawangan pertubuhan berdaftar termasuklah mana-mana pertubuhan yang mengikut apa-apa cara menjadi pertubuhan di bawah sesuatu pertubuhan lain.

(6) Jika kelulusan untuk menubuhkan suatu cawangan telah diberikan, cawangan itu hendaklah ditubuhkan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh kelulusan itu melainkan jika Pendaftar telah memberikan pelanjutan masa.

### **Pembatalan dan penggantungan**

**13.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pendaftar boleh, dalam hal yang berikut, membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7:

- (a) apabila pertubuhan dibubarkan oleh pertubuhan berdaftar itu yang hendaklah ditentusahkan mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Pendaftar atau apabila dibubarkan oleh Pendaftar mengikut Akta ini;
- (b) atas perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5;
- (c) jika Pendaftar berpuas hati—
  - (i) bahawa pendaftaran itu telah dibuat disebabkan oleh fraud atau kesilapan atau salah nyataan mengenai apa-apa butir yang material;
  - (ii) bahawa pertubuhan berdaftar itu mungkin digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keadaan baik atau kemoralan di Malaysia;
  - (iii) bahawa pertubuhan berdaftar itu meneruskan tujuan selain tujuan yang pertubuhan berdaftar itu didaftarkan;
  - (iv) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah dengan sengaja melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedahnya atau bahawa mana-mana anggota pertubuhan berdaftar itu telah pada lazimnya melanggar peruntukan subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] melalui apa-apa perbuatan atau sebutan yang baginya perenggan 3(1)(f) Akta itu terpakai;

- (v) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak lagi wujud;
  - (vi) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak mematuhi sesuatu perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen 13A;
  - (vii) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak mematuhi peruntukan seksyen 2A;
  - (viii) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah melanggar peruntukan seksyen 52; atau
  - (ix) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak mematuhi notis yang disampaikan oleh Pendaftar di bawah subseksyen 16(1); dan
- (d) apabila pertubuhan berdaftar itu menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen 14(7) kerana gagal memberikan maklumat bertulis.

(2) Jika Pendaftar bercadang untuk membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan berdaftar di bawah perenggan (1)(c) Pendaftar—

- (a) hendaklah memberitahu seorang pemegang jawatan pertubuhan itu atau lebih tentang niatnya untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan itu; dan
- (b) hendaklah memberinya atau mereka peluang untuk mengemukakan sebab secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu mengapa pendaftaran itu tidak patut dibatalkan.

(2A) Pendaftar boleh, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b), melalui perintah secara bertulis menggantung semua atau mana-mana aktiviti pertubuhan berdaftar itu—

- (a) jika difikirkannya perlu berbuat demikian—
  - (i) demi kepentingan awam; atau
  - (ii) demi kepentingan pertubuhan berdaftar itu; atau

(b) untuk menghalang pertubuhan berdaftar itu daripada terus melanggar atau mencabuli mana-mana peruntukan Akta ini, mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah pertubuhan itu.

(2B) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2A)—

(a) boleh mengandungi apa-apa syarat yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Pendaftar; dan

(b) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga perintah itu dibatalkan atau pendaftaran pertubuhan itu dibatalkan.

(2C) Seseorang pemegang jawatan atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan sesuatu pertubuhan yang tidak mematuhi perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2A) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit, dan jika kesalahan itu ialah kesalahan yang berterusan, boleh, sebagai tambahan, didenda secara harian tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas hari yang pertama.

(3) Jika Pendaftar membatalkan pendaftaran sesuatu pertubuhan berdaftar di bawah seksyen ini atau di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini, seksyen 17 hendaklah terpakai bagi pertubuhan berdaftar itu dan pembatalan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

### **Kuasa Pendaftar membuat perintah tertentu berkenaan dengan pertubuhan berdaftar**

**13A.** (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa adalah perlu berbuat demikian demi kepentingan mana-mana pertubuhan berdaftar, atau demi kepentingan ketenteraman awam, kesejahteraan awam atau keselamatan awam atau selainnya demi kepentingan awam, Pendaftar boleh pada bila-bila masa, selepas memberi pertubuhan itu suatu peluang membuat representasi kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis—

(a) menghendaki pertubuhan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, mengadakan peruntukan dalam kaedah-kaedah atau perlembagaannya bahawa pemegang jawatan pertubuhan itu hendaklah merupakan warganegara, dan, seterusnya, menghendaki pertubuhan itu supaya memecat

daripada jawatan semua orang, yang bukan warganegara, yang merupakan pemegang jawatan pertubuhan itu sebaik sebelum perintah itu dibuat; atau

- (b) melarang pertubuhan itu daripada mempunyai, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa gabungan, hubungan, komunikasi, atau urusan lain, dengan mana-mana pertubuhan, organisasi atau badan lain di luar Malaysia, atau dengan mana-mana pihak berkuasa, baik kerajaan atau selainnya, di dalam mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia.

(2) Pendaftar boleh pada bila-bila masa, selepas memberi pertubuhan berdaftar suatu peluang untuk membuat representasi kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis menghendaki pertubuhan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, meminda kaedah-kaedah atau perlembagaannya supaya—

- (a) kaedah-kaedah atau perlembagaan itu menuruti, atau selaras dengan dan mengikut peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) menghapuskan apa-apa ketaksaan atau kekaburan, atau memperuntukkan maksud yang lebih jelas dan tepat dalam mana-mana peruntukan; atau
- (c) memperuntukkan apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Pendaftar perlu, munasabah atau suai manfaat untuk dikehendaki.

(3) Jika Pendaftar membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) atau (2) dia boleh memasukkan ke dalam perintah itu, atau membuat atau memberi pada bila-bila masa selepas membuat perintah itu, apa-apa kehendak atau arahan yang berbangkit atau tambahan berhubung dengan apa-apa perintah yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk dibuat atau diberikan.

(4) Pendaftar boleh, atas permohonan secara bertulis yang dibuat kepadanya oleh pertubuhan berdaftar, melanjutkan masa yang telah diperuntukkan olehnya kepada pertubuhan itu dalam mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) jika dia berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah memberikan alasan yang baik dalam permohonannya dan adalah patut dan wajar diberikan pelanjutan itu.

(5) Bagi maksud subseksyen (1), “pemegang jawatan” termasuklah orang yang dinyatakan dalam perenggan 9A(7)(a) dan (b).

(6) *(Dipotong oleh Akta A557).*

(7) Mana-mana pertubuhan yang melanggar mana-mana perintah yang diberikan oleh Pendaftar di bawah subseksyen (1) atau (2) atau apa-apa kehendak atau arahan yang dibuat atau diberikan olehnya di bawah subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Maklumat yang kena diberikan oleh pertubuhan, dsb.**

**14.** (1) Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah, mengemukakan kepada Pendaftar dalam masa enam puluh hari selepas mengadakan mesyuarat agung tahunannya atau jika tiada mesyuarat agung tahunan diadakan, dalam masa enam puluh hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar, mengemukakan kepada Pendaftar—

- (a) suatu salinan yang benar dan lengkap bagi apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah pertubuhan itu yang dibuat sejak tarikh pendaftaran atau tarikh penyata terakhir;
- (b) suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan dan bilangan anggota pertubuhan itu yang bermastautin atau yang berada di Malaysia pada tarikh penyata itu atau, jika pertubuhan itu tiada pemegang jawatan yang bermastautin atau yang berada di Malaysia, nama, alamat dan pekerjaan orang di Malaysia yang diberi kuasa untuk bertindak untuk atau bagi pihak pertubuhan itu dan bilangan anggotanya seperti yang disebut terdahulu bersama-sama dengan suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan bagi semua cawangan, jika ada, pertubuhan itu;
- (c) alamat atau tempat urusan pertubuhan itu;
- (d) akaun bagi tahun kewangan terakhir bagi pertubuhan itu bersama-sama dengan kunci kira-kira yang menunjukkan kedudukan kewangan pada penutup tahun kewangan terakhir bagi pertubuhan itu;

- (da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di luar Malaysia yang dengannya pertubuhan itu mengikut apa-apa cara bersekutu atau bergabung;
- (db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau kelebihan kewangan yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau apa-apa organisasi, pihak berkuasa, kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(2) Pendaftar boleh, pada bila-bila masa melalui notis yang ditandatangani sendiri olehnya, memerintahkan mana-mana pertubuhan berdaftar supaya memberikan kepadanya secara bertulis—

- (a) suatu salinan yang benar dan lengkap kaedah-kaedah mana-mana pertubuhan itu yang berkuat kuasa pada tarikh perintah itu;
- (b) suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan dan anggota bagi mana-mana pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu yang bermastautin atau yang berada di Malaysia pada tarikh perintah itu;
- (c) suatu penyata yang benar dan lengkap bilangan mesyuarat yang telah diadakan oleh mana-mana pertubuhan itu atau cawangan pertubuhan itu di Malaysia dalam tempoh enam bulan sebaik sebelum perintah itu dengan menyatakan tempat mesyuarat itu diadakan;
- (d) akaun yang telah diaudit dengan sewajarnya;
- (da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di luar Malaysia yang bergabung dengan pertubuhan itu dan butir-butir lain yang berhubungan dengan pertubuhan itu;



(db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau kelebihan kewangan yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau apa-apa organisasi, pihak berkuasa, kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia dan butir-butir lain yang berhubungan dengan pertubuhan itu; atau

(e) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.

(3) Suatu perintah yang diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan masa, yang tidak kurang daripada tujuh hari, yang dalam masa itu maklumat itu hendaklah dibekalkan:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh menurut budi bicaranya, apabila permohonan dibuat kepadanya dan ditunjukkan sebab yang baik, memberikan pelanjutan masa.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “telah diaudit dengan sewajarnya” ertinya telah diaudit oleh seorang juruaudit yang diluluskan oleh Pendaftar, yang boleh memberikan kelulusan secara amnya atau bagi mana-mana audit tertentu; dan juruaudit yang diluluskan itu hendaklah membuat laporan tentang akaun yang diperiksa olehnya mengikut apa-apa bentuk yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(5) Jika butir-butir yang dikehendaki diberikan di bawah subseksyen (2) tidak diberikan dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, atau apa-apa pelanjutan masa yang dibenarkan oleh Pendaftar, Pendaftar boleh membuat suatu perintah sementara bagi pembubaran pertubuhan itu.

(6) Jika sebelum habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu butir-butir yang dikehendaki diberikan di bawah subseksyen (2) diberikan sedemikian, Pendaftar boleh membatalkan perintah itu.

(7) Apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh perintah sementara itu, atau jika ada sesuatu rayuan yang belum selesai, apabila rayuan itu ditolak, perintah itu hendaklah menjadi mutlak dan pertubuhan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pendaftarannya hendaklah dibatalkan.

(8) Sesuatu pertubuhan berdaftar yang, atas alasan kegagalannya mematuhi suatu perintah di bawah seksyen ini, telah dibatalkan pendaftarannya di bawah seksyen 13 tidak berhak memohon bagi pendaftaran sehingga perintah itu telah dipatuhi atau melainkan jika dibuktikan hingga memuaskan hati Pendaftar bahawa adalah mustahil untuk mematuhi perintah itu.

### **Orang yang bertanggungjawab bagi membekalkan maklumat**

**15.** (1) Kewajipan yang dikenakan ke atas pertubuhan berdaftar oleh seksyen 14 hendaklah mengikat tiap-tiap pemegang jawatan dan tiap-tiap orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan itu di Malaysia:

Dengan syarat sentiasanya bahawa mana-mana pemegang jawatan atau orang lain itu tidak boleh terikat sedemikian melainkan jika perintah yang diberikan oleh Pendaftar telah disampaikan kepadanya.

(1A) Jika suatu notis, perintah, atau dokumen lain disampaikan kepada seorang yang telah terhenti menjadi pemegang jawatan sesuatu pertubuhan berdaftar, dia hendaklah dengan serta-merta menyerahkan notis, perintah atau dokumen itu kepada pemegang jawatan yang sedia ada bagi pertubuhan berdaftar itu, atau jika tidak diketahui, hendaklah mengembalikannya kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang menghantarnya; dan mana-mana orang yang gagal berbuat demikian boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

(2) Jika mana-mana pertubuhan berdaftar tidak mematuhi kesemua atau sebahagian daripada apa-apa perintah yang diberikan di bawah seksyen 14, setiap orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang telah disampaikan dengan perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit melainkan jika dia membuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa dia telah menjalankan usaha yang wajar dan tidak dapat mematuhi perintah itu kerana sebab yang di luar kawalannya.

(3) Jika apa-apa maklumat yang dibekalkan kepada Pendaftar bagi mematuhi suatu perintah yang diberikan di bawah seksyen 14 adalah palsu, tidak betul atau tidak lengkap tentang mana-mana butir yang material, orang yang telah membekalkan maklumat itu

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit melainkan jika dia membuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa dia mempunyai sebab yang baik untuk mempercayai bahawa maklumat itu adalah benar, betul dan lengkap.

### **Pertikaian**

**16.** (1) Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pertikaian telah berlaku di kalangan anggota atau pemegang jawatan sesuatu pertubuhan berdaftar yang akibatnya Pendaftar tidak berpuas hati mengenai identiti orang yang telah dilantik dengan sepatutnya sebagai pemegang jawatan pertubuhan itu, Pendaftar boleh menyampaikan notis kepada pertubuhan itu yang menghendaki pertubuhan itu, dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu disampaikan, supaya mengemukakan kepadanya keterangan mengenai penyelesaian pertikaian itu dan mengenai pelantikan yang sepatutnya bagi pemegang jawatan yang sah bagi pertubuhan itu atau permulaan prosiding yang telah diambil bagi menyelesaikan pertikaian itu.

(2) Jika mana-mana notis yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tidak dipatuhi hingga memuaskan hati Pendaftar dalam tempoh satu bulan atau apa-apa pelanjutan tempoh yang dibenarkan oleh Pendaftar, Pendaftar boleh mengambil langkah untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah seksyen 13.

### **Akibat perintah Menteri di bawah seksyen 5, penolakan pendaftaran pertubuhan tempatan oleh Pendaftar di bawah seksyen 7 dan pembatalan pendaftaran sesuatu pertubuhan berdaftar di bawah Akta ini**

**17.** (1) Apabila sesuatu perintah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5 atau apabila Pendaftar menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan tempatan di bawah seksyen 7, atau apabila pendaftaran sesuatu pertubuhan berdaftar dibatalkan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, akibat yang berikut hendaklah berlaku:

- (a) harta pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta terletak hak sama ada pada Ketua Pengarah Insolvensi atau jika mana-mana pegawai lain, mengikut terma perintah di bawah seksyen 5, dilantik oleh Menteri bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan itu, harta pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta terletak hak pada pegawai itu;

- (b) Ketua Pengarah Insolvensi atau pegawai lain itu hendaklah meneruskan penggulangan hal ehwal pertubuhan itu, dan setelah menyelesaikan dan mengadakan peruntukan bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan itu dan kos bagi penggulangan itu hendaklah membayarkan aset lebihan pertubuhan itu, jika ada—
- (i) ke dalam Kumpulan Wang Disatukan jika pendaftaran itu telah ditolak atau dibatalkan menurut kuasa perintah di bawah seksyen 5 atau atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan 7(3)(a) atau subperenggan 13(1)(c)(ii) atau jika anggota pertubuhan itu meminta sedemikian, dan Menteri mengarahkan sedemikian supaya aset lebihan itu dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan; dan
  - (ii) dalam segala hal lain, kepada anggota pertubuhan mengikut kaedah-kaedah pertubuhan itu, atau jika tiada kaedah-kaedah sedemikian, maka Ketua Pengarah Insolvensi atau pegawai lain itu hendaklah menyediakan suatu skim bagi penggunaan aset lebihan itu untuk kelulusan Mahkamah Tinggi;
- (c) permohonan bagi kelulusan skim itu hendaklah dibuat melalui saman pemula dan boleh dipinda oleh Mahkamah mengikut cara yang difikirkannya patut mengikut hal keadaan kes itu;
- (d) apabila kelulusan Mahkamah terhadap skim atau skim yang dipinda itu diperolehi, aset lebihan itu, yang menjadi subjek skim itu hendaklah dipegang dan digunakan oleh Ketua Pengarah Insolvensi atau pegawai lain itu mengikut terma dan bagi maksud yang ditetapkan dalam perintah Mahkamah itu; dan
- (e) bagi maksud penggulangan hal ehwal pertubuhan itu, Ketua Pengarah Insolvensi atau pegawai lain itu hendaklah mempunyai segala kuasa yang terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebangkrapan bagi maksud penemuan dan penyelesaian harta seseorang penghutang, dan juga apa-apa kuasa yang melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat yang terletak hak pada pelikuidasi rasmi dan segala

peruntukan undang-undang tersebut yang berhubungan dengan kebangkrapan dan penggulangan syarikat, setakat yang peruntukan itu berhubung dengan penemuan dan penyelesaian harta seseorang penghutang dan penggulangan sesuatu syarikat, hendaklah *mutatis mutandis*, terpakai bagi penggulangan hal ehwal pertubuhan itu di bawah Akta ini.

(2) Pendaftar boleh menggantung kuat kuasa seksyen ini setakat dan selama tempoh yang difikirkannya suai manfaat.

(3) Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi boleh menghendaki atau membenarkan badan pengelola pertubuhan itu, yang merupakan badan pengelola yang wujud sebaik sebelum mula berkuat kuasanya subseksyen (1) berhubung dengan pertubuhan itu, atau mana-mana anggota badan pengelola itu, atau mana-mana orang yang telah ketika itu atau pada bila-bila masa dahulunya menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, untuk memberikan kepada Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi, apa-apa maklumat berhubung dengan harta, hal ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan itu, atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan pertubuhan itu, yang mungkin dikehendaki bagi maksud seksyen ini, dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (4), badan pengelola itu, atau anggota badan pengelola itu, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, tidaklah oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan olehnya menurut kehendak atau kebenaran itu melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dengan syarat perkara itu dilakukan selainnya menurut undang-undang.

(4) Jika badan pengelola pertubuhan itu, atau mana-mana anggota tertentu badan pengelola itu, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, pada bila-bila masa sebelum mula berkuat kuasanya subseksyen (1) berhubung dengan pertubuhan itu, tidak mematuhi apa-apa kehendak Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen (3), atau melakukan apa-apa perkara di luar bidang, atau berlawanan dengan, apa-apa kebenaran Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen (3), setiap anggota badan pengelola itu, atau anggota tertentu badan pengelola

itu, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud subseksyen (3) dan (4), “pemegang jawatan” termasuklah mana-mana orang yang disebut dalam perenggan 9A(7)(a), (b) dan (c).

(6) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa jika harta sesuatu pertubuhan terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi di bawah perenggan (1)(a), harta tiap-tiap cawangan pertubuhan itu, tidak kira sama ada ia merupakan suatu cawangan yang sah atau menyalahi undang-undang, hendaklah juga terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi, dan peruntukan perenggan (1)(b), (c), (d) dan (e), dan subseksyen (2), (3), (4) dan (5), hendaklah dengan demikian itu terpakai bagi tiap-tiap cawangan itu dan hartanya.

(7) Bagi maksud subseksyen (3), (4), (5) dan (6), “Ketua Pengarah Insolvensi” termasuklah, berhubung dengan suatu pertubuhan yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5, mana-mana pegawai lain yang, mengikut terma perintah itu, telah dilantik oleh Menteri bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan itu.

### **Pemakaian seksyen 17 bagi cawangan yang menyalahi undang-undang**

**17A.** Jika cawangan sesuatu pertubuhan—

- (a) telah diisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang melalui suatu perintah Menteri di bawah seksyen 5;
- (b) diberitahu oleh Pendaftar kepada Ketua Pengarah Insolvensi sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah perenggan 41(1)(c); atau
- (c) telah, selainnya, menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen 41(1),

peruntukan seksyen 17 hendaklah terpakai bagi cawangan itu dan hartanya mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi sesuatu pertubuhan dan hartanya, dan sebutan dalam subseksyen 17(3) dan (4) mengenai badan pengelola sesuatu pertubuhan hendaklah dalam hal yang sedemikian ditafsirkan dengan sewajarnya sebagai sebutan mengenai badan pengelola cawangan yang berkenaan, dan sebutan dalam subseksyen 17(6) mengenai cawangan sesuatu pertubuhan hendaklah dalam hal yang sedemikian ditafsirkan dengan sewajarnya sebagai sebutan mengenai cawangan yang di bawah cawangan yang berkenaan itu.

**Peletakhakan harta pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan pada pertubuhan berdaftar yang baharu**

**17B.** (1) Jika harta mana-mana pertubuhan telah terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi di bawah perenggan 17(1)(a), maka walau apa pun subperenggan 17(1)(b)(ii), Ketua Pengarah Insolvensi boleh, jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) suatu pertubuhan lain telah didaftarkan di bawah Akta ini (selepas ini disebut “pertubuhan baharu”);
- (b) perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan baharu adalah pada matannya serupa dengan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan berdaftar itu yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 13 (selepas ini disebut “pertubuhan lama”); dan
- (c) majoriti orang yang menjadi anggota yang sah dalam pertubuhan lama sebaik sebelum pembatalan pendaftarannya ialah anggota pertubuhan baharu,

memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah bagi meletakhakan segala aset, hutang dan liabiliti pertubuhan lama itu dan semua cawangannya pada pertubuhan baharu, dengan syarat Ketua Pengarah Insolvensi telah mula-mulanya menerima permintaan bertulis dan keizinan badan pengelola pertubuhan baharu bagi peletakhakan itu dan suatu aku janji bertulis bahawa pertubuhan baharu itu akan mengambil alih tanggungjawab bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama yang sedia ada ketika itu, dan Mahkamah boleh, jika ia berpuas hati tentang segala perkara yang dinyatakan sebelum ini, meluluskan permohonan itu dengan apa-apa ubah suaian atau ubahan sebagaimana yang dikehendaki mengikut keadilan hal itu.

(2) Permohonan itu hendaklah dibuat melalui saman pemula yang hendaklah diiklankan melalui penyiaran dalam *Warta* dan dalam dua surat khabar, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris, yang diedarkan di Malaysia, dan mana-mana orang yang mungkin terjejas atau terkilan dengan keputusan Mahkamah atas sifatnya sebagai anggota sama ada pertubuhan lama atau pertubuhan baharu atau sebagai seorang pemiutang pertubuhan lama boleh memohon kepada Mahkamah untuk hadir dan membuat representasi mengenainya mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012].

(3) Mana-mana orang yang merupakan anggota yang sah dalam pertubuhan lama sebaik sebelum pembatalan pendaftarannya dan yang bukan seorang anggota dalam pertubuhan baharu yang tidak membantah terhadap permohonan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah dilepaskan daripada segala liabiliti diri bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama dan semua cawangannya apabila perintah yang diminta oleh Ketua Pengarah Insolvensi itu dibuat.

(4) (*Dipotong oleh Akta A859*).

(5) Apabila suatu perintah peletakhakan dibuat oleh Mahkamah di bawah subseksyen (1), segala harta yang terkandung dalam perintah peletakhakan itu hendaklah terletak hak dengan sewajarnya pada pertubuhan baharu itu tanpa apa-apa pemindahhakan, pemindahan hakmilik atau penyerahhakan selanjutnya.

(6) Walau apa pun permohonan di bawah subseksyen (1) belum selesai dalam Mahkamah, adalah sah bagi Ketua Pengarah Insolvensi untuk melakukan atau mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk menguruskan apa-apa harta atau melepaskan hutang dan liabiliti pertubuhan lama seolah-olah permohonan itu telah tidak dibuat.

(7) Jika Mahkamah meluluskan permohonan di bawah subseksyen (1) dengan atau tanpa ubah suaian atau ubahan, Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah menyiarkan keputusan itu dalam *Warta* dan dalam dua surat khabar, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris, yang diedarkan di Malaysia, dan sesudah itu Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah terlepas sepenuhnya daripada segala tanggungjawab dan liabilitinya dalam perkara itu.



(8) Segala kos dan belanja yang dilakukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi dalam perkara itu hendaklah dibayar daripada aset pertubuhan lama dan semua cawangannya, dengan diberi keutamaan mengatasi segala hutang dan liabiliti lain.

(9) Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang ada sebaik sebelum penyiaran dalam *Warta* keputusan Mahkamah yang meluluskan permohonan Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen (1), hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada pertubuhan baharu dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesannya seolah-olah, sebagai ganti pertubuhan lama, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pertubuhan lama itu, pertubuhan baharu telah dinamakan dalam permohonan itu atau telah menjadi suatu pihak dalam permohonan itu.

(10) Peruntukan subseksyen 17(3), (4) dan (5) hendaklah terpakai berhubung dengan seksyen ini mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai berhubung dengan seksyen 17.

## **Rayuan**

**18.** Mana-mana pertubuhan tempatan atau pemegang jawatan atau anggota pertubuhan tempatan itu atau mana-mana orang lain yang terkilang dengan keputusan Pendaftar dalam mana-mana hal yang berikut:

- (a) pembatalan pendaftaran pertubuhan di bawah seksyen 2A;
- (b) keengganan mendaftarkan pertubuhan itu di bawah seksyen 7;
- (c) keengganan memberi pengecualian di bawah subseksyen 9A(4) kepada orang yang hilang kelayakan untuk memegang jawatan dalam mana-mana pertubuhan berdaftar;
- (d) keengganan meluluskan penukaran nama atau tempat urusan pertubuhan itu, atau pindaan kepada kaedah-kaedahnya di bawah seksyen 11;
- (e) keengganan meluluskan penubuhan sesuatu cawangan pertubuhan di bawah seksyen 12;

- (f) pembatalan pendaftaran pertubuhan di bawah seksyen 13;
- (g) perintah yang melarang bukan warganegara daripada memegang jawatan dalam suatu pertubuhan atau yang melarang gabungan, hubungan, komunikasi atau urusan lain dengan mana-mana pertubuhan di luar Malaysia dan perkara lain yang dinyatakan dalam subseksyen 13A(1);
- (h) perintah supaya meminda kaedah-kaedah atau perlembagaan di bawah subseksyen 13A(2);
- (i) keengganan meluluskan seorang juruaudit atau meluluskan seseorang juruaudit di bawah subseksyen 14(4) yang tidak diterima oleh pertubuhan;
- (j) pembuatan suatu perintah sementara bagi membubarkan pertubuhan di bawah subseksyen 14(5);
- (k) pembatalan pendaftaran suatu pertubuhan berdaftar di bawah seksyen 16 kerana gagal menyelesaikan pertikaian dalam pertubuhan; atau
- (l) keengganan memberi kebenaran di bawah seksyen 49 untuk menjadi seorang pemegang jawatan,

boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan Pendaftar itu, merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri; dan Menteri boleh mengesahkan, menolak atau mengubah keputusan Pendaftar itu, dan keputusan Menteri itu adalah muktamad.

## BAHAGIAN IA

### PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PARTI POLITIK SAHAJA

#### **Pemakaian Bahagian I dan III**

**18A.** Peruntukan yang terkandung dalam Bahagian ini hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada peruntukan yang terkandung dalam Bahagian I dan Bahagian III bagi parti politik yang didaftarkan di bawah Akta ini dan jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan dalam Bahagian

ini dengan mana-mana peruntukan dalam mana-mana Bahagian lain dalam Akta ini, peruntukan dalam Bahagian ini hendaklah dipakai setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu.

### **Hal keadaan yang tidak menjadikan sesuatu pemilihan tidak sah**

**18B.** (1) Tiada pemilihan dalam mana-mana parti politik boleh menjadi tidak sah oleh sebab apa-apa kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan perlembagaan parti politik itu atau mana-mana kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perlembagaan itu, atau mana-mana orang yang hilang kelayakan daripada menjadi anggota atau pemegang jawatan di bawah Akta ini atau perlembagaan parti politik itu telah mengambil bahagian dalam pemilihan itu, jika didapati oleh parti politik itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau oleh perlembagaannya atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perlembagaan, bahawa keputusan pemilihan itu akan tetap sama sekiranya tidak ada apa-apa kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan sedemikian, atau sekiranya orang tersebut telah tidak mengambil bahagian dalam pemilihan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika seseorang yang hilang kelayakan di bawah Akta ini atau perlembagaan sesuatu parti politik dipilih memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana pemilihan parti politik itu, apabila kehilangan kelayakannya itu diketahui, parti politik itu hendaklah, walaupun pemilihan itu sah menurut subseksyen (1), menguatkuasakan kehilangan kelayakannya itu dan menjalankan suatu pemilihan baharu berkenaan dengan jawatan itu dengan secepat yang dapat dilaksanakan mengikut perlembagaan, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturannya.

### **Keputusan parti politik adalah muktamad dan konklusif**

**18c.** Keputusan sesuatu parti politik atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya atau oleh perlembagaannya atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perlembagaan itu tentang pentafsiran perlembagaan, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturannya atau tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan hal ehwal parti itu adalah muktamad dan konklusif dan keputusan itu tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau

dipersoalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan, dan tiada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk melayani atau memutuskan apa-apa guaman, permohonan, soal atau prosiding atas apa-apa alasan berkenaan dengan kesahan keputusan itu.

## BAHAGIAN II

### PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERTUBUHAN FAEDAH BERSAMA SAHAJA

#### **Pemakaian Bahagian I dan III**

**19.** Peruntukan yang terkandung dalam Bahagian ini hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada peruntukan yang terkandung dalam Bahagian I dan Bahagian III berkenaan dengan pertubuhan faedah bersama yang didaftarkan di bawah Akta ini dan ungkapan “pertubuhan berdaftar” hendaklah dalam Bahagian ini bererti pertubuhan itu.

#### **Kecualian**

**20.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh terpakai bagi mana-mana orang, badan atau pertubuhan yang baginya \*Akta Insurans 1963 [Akta 89] terpakai dan adalah diisytiharkan bahawa mana-mana pertubuhan faedah bersama yang telah didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai bukan suatu penanggung insurans bagi maksud \*Akta Insurans 1963 dan bahawa peruntukan seksyen 67 Akta Setem 1949 [Akta 378] tidak terpakai bagi mana-mana pertubuhan faedah bersama itu.

#### **Sekatan ke atas pendaftaran pertubuhan faedah bersama**

**21.** (1) Sesuatu pertubuhan faedah bersama tidak berhak didaftarkan di bawah seksyen 7 jika kaedah-kaedah pertubuhan faedah bersama itu mengadakan peruntukan bagi—

- (a) sesuatu faedah yang melebihi dua ribu ringgit bagi mana-mana satu hal;

---

\*CATATAN—Akta Insurans 1963 [Akta 89] telah dimansuhkan oleh Akta Insurans 1996 [Akta 553] dan kemudiannya dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013—lihat P.U. (B) 276/2013 kecuali seksyen 129 dan Jadual 9, 1 Januari 2015—lihat P.U. (B) 552/2014.

- (b) kemasukan seseorang anggota atau peyuran yang berumur lebih daripada enam puluh tahun, melainkan jika anggota itu menginsuranskan seorang lain yang berumur tidak lebih daripada enam puluh tahun; atau
- (c) kemasukan seseorang anggota atau peyuran yang tidak tinggal di dalam kawasan sesuatu bandar di Malaysia yang pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu pertubuhan faedah bersama ditubuhkan di suatu tempat kerja yang tertentu bagi faedah anggota atau peyurannya, pertubuhan itu berhak didaftarkan walaupun kaedah-kaedah pertubuhan itu mengadakan peruntukan bagi kemasukan anggota atau peyuran yang tinggal di luar kawasan bandar yang pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya;

atau melainkan jika jadual caruman yang akan dibayar oleh anggota pertubuhan faedah bersama itu dan kaedah-kaedahnya yang mengawal faedah yang kena dibayar kepada anggotanya, jagaan, pelaburan dan penilaian berkala barang-barang, aset dan liabilitinya yang diperakui oleh seorang aktuari yang diluluskan oleh Menteri dihantar kepada Pendaftar bersama-sama dengan permohonan bagi pendaftaran.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “bandar” termasuklah mana-mana kampung, mukim, perbandaran atau bandar raya.

### **Keanggotaan orang belum dewasa**

**22.** (1) Kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan berdaftar boleh mengadakan peruntukan bagi kemasukan seseorang yang berumur di bawah dua puluh satu tahun sebagai seorang anggota atau peyuran.

(2) Mana-mana anggota atau peyuran itu boleh, jika dia berumur lebih daripada enam belas tahun, dengan sendirinya dan jika dia berumur kurang daripada itu, oleh ibu atau bapa atau penjaganya, menyempurnakan segala surat cara dan memberi

segala penyelesaian yang perlu disempurnakan atau diberikan di bawah kaedah-kaedah itu, tetapi tidak boleh menjadi seorang anggota jawatankuasa, atau seorang pemegang amanah, setiausaha, pengurus atau bendahari bagi pertubuhan berdaftar itu.

### **Sekatan ke atas penama**

**23.** Tiada seorang pun anggota atau peyuran bagi sesuatu pertubuhan berdaftar boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima faedah yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah pertubuhan itu seseorang selain suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua, menantu, saudara seibu dan sebapa, saudara seibu atau sebapa, anak kepada saudara seibu dan sebapa atau anak kepada saudara seibu atau sebapa, bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa, bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa kepada anggota atau peyuran itu:

Dengan syarat bahawa seseorang anggota atau peyuran boleh menamakan mana-mana orang lain secara bertulis yang ditandatangani olehnya sendiri di hadapan dan diaku saksi oleh seorang Jaksa Pendamai atau seorang Majistret atau Pendaftar.

### **Kedahuluan apabila pemegang jawatan mati, menjadi bankrap, dsb.**

**24.** Dalam hal yang berikut, iaitu:

- (a) apabila seseorang pemegang jawatan pertubuhan berdaftar mati atau menjadi bankrap yang ada dalam milikannya oleh sebab jawatannya apa-apa wang atau harta yang dipunyai oleh pertubuhan itu; atau
- (b) jika apa-apa pelaksanaan, penahanan atau proses lain dikeluarkan atau apa-apa tindakan diambil terhadap pemegang jawatan itu atau terhadap hartanya,

waris, wasi atau pentadbirnya atau Ketua Pengarah Insolvensi atau Bailif Mahkamah Tinggi atau orang lain yang melaksanakan proses itu atau pihak yang mengambil tindakan itu hendaklah, apabila dituntut secara bertulis oleh pemegang amanah pertubuhan berdaftar itu atau mana-mana dua orang daripada mereka itu atau

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pertubuhan berdaftar itu untuk membuat tuntutan itu, membayar wang itu dan menyerahkan harta itu kepada pemegang amanah pertubuhan berdaftar itu dahulu daripada membayar apa-apa hutang atau tuntutan lain terhadap harta pusaka pemegang jawatan itu.

### **Pelantikan pemegang amanah**

**25.** (1) Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah mempunyai seorang pemegang amanah atau lebih.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik menjadi seorang pemegang amanah pertubuhan berdaftar jika dia memegang jawatan setiausaha atau bendahari bagi pertubuhan berdaftar itu.

(3) Seseorang pemegang amanah hendaklah dilantik dalam suatu mesyuarat pertubuhan berdaftar itu dan melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

(4) Sesuatu pertubuhan berdaftar hendaklah menghantar kepada Pendaftar satu salinan tiap-tiap ketetapan yang melantik seorang pemegang amanah dan salinan itu hendaklah ditandatangani oleh pemegang amanah yang dilantik sedemikian dan oleh setiausaha pertubuhan berdaftar itu.

### **Audit**

**26.** (1) Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah sekurang-kurangnya sekali pada tiap-tiap tahun mengemukakan akaunnya untuk diaudit oleh seorang juruaudit yang diluluskan oleh Pendaftar pada amnya atau bagi apa-apa audit yang tertentu.

(2) Juruaudit hendaklah mempunyai akses kepada semua buku dan akaun pertubuhan berdaftar itu dan hendaklah memeriksa penyata tahunan yang dikehendaki oleh Akta ini dan menentusahkan penyata tahunan itu dengan membandingkannya dengan akaun dan baucar yang berhubungan dengan penyata tahunan itu dan hendaklah sama ada menandatangani penyata tahunan itu yang didapatinya betul, disokong dengan sewajarnya dan mengikut undang-undang dan kaedah-kaedah pertubuhan berdaftar itu atau hendaklah khasnya melaporkan kepada pertubuhan berdaftar itu perkara yang didapatinya tidak betul, tidak disokong, atau tidak mengikut undang-undang.

**Permintaan bagi maklumat dan pemeriksaan buku dan dokumen oleh Pendaftar**

27. (1) Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah memberi Pendaftar atau Penolong Pendaftar apa-apa maklumat berkenaan dengan pertubuhan itu sebagaimana yang dikehendaknya pada bila-bila masa.

(2) Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah, jika diminta secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar, mengemukakan bagi pemeriksaannya—

- (a) dokumen hakmilik bagi apa-apa harta yang dipegang oleh pertubuhan itu;
- (b) semua buku akaun dan daftar keanggotaan pertubuhan itu; dan
- (c) apa-apa minit prosiding pertubuhan itu atau rekod bertulis lain pertubuhan itu.

(3) Setiausaha pertubuhan berdaftar hendaklah, apabila notis disampaikan kepada pertubuhan itu oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar, memberi kuasa secara bertulis kepada bank yang akaun pertubuhan itu disimpan supaya menzahirkan kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu akaun pertubuhan itu dan dokumen yang bersangkutan dengannya.

**Hak membekalkan salinan kaedah-kaedah**

28. Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah menyerahkan kepada mana-mana orang suatu salinan kaedah-kaedah pertubuhan itu apabila diminta dan dibayar wang yang tidak melebihi lima ringgit.

**Hak membekalkan salinan penyata tahunan**

29. Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah membekalkan dengan percuma kepada tiap-tiap anggota atau peyuran atau orang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wangnya apabila diminta olehnya sama ada—

- (a) suatu salinan penyata tahunan yang akhir bagi pertubuhan itu; atau



- (b) suatu kunci kira-kira atau dokumen lain yang telah diaudit dengan sewajarnya yang mengandungi butir-butir yang sama dengan yang terkandung dalam penyata tahunan itu tentang penerimaan dan perbelanjaan, kumpulan wang dan harta pertubuhan itu.

### **Pemeriksaan buku oleh anggota**

**30.** Seseorang anggota atau peyuran atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepingan dalam kumpulan wang pertubuhan berdaftar boleh memeriksa buku pertubuhan itu pada bila-bila masa yang munasabah di pejabat berdaftar pertubuhan itu atau di mana-mana tempat buku itu disimpan.

### **Yuran dan faedah**

**31.** (1) Amaun yang dipotong oleh sesuatu pertubuhan berdaftar bagi pentadbiran atau apa-apa belanja lain tidak boleh, kecuali dengan kebenaran Pendaftar, lebih daripada apa-apa peratus daripada jumlah yuran atau apa-apa bahagian daripada yuran yang diterima sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Segala yuran yang dibayar oleh anggota atau peyuran, di bawah kaedah-kaedah mana-mana pertubuhan berdaftar, dalam tempoh yang anggota atau peyuran itu memperoleh kelayakan bagi mendapat faedah yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah pertubuhan itu, setelah ditolak jumlah yang tidak melebihi peratus yang ditetapkan yang dibenarkan bagi pentadbiran dan apa-apa belanja lain, hendaklah dibayar ke dalam Bank Simpanan Nasional atau disimpan sebagai deposit dengan suatu bank daripada *Malaysia Exchange Banks Association* atas nama pertubuhan itu atau dengan kelulusan Pendaftar digunakan bagi memperoleh harta tak alih dan kumpulan wang itu hendaklah menjadi kumpulan wang rizab pertubuhan itu.

(3) Yuran yang diterima daripada anggota atau peyuran pertubuhan berdaftar, yang telah memperoleh kelayakan bagi mendapat faedah di bawah kaedah-kaedah pertubuhan itu, setelah ditolak jumlah yang tidak melebihi peratus yang ditetapkan yang dibenarkan bagi pentadbiran dan apa-apa belanja lain, hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun asing atas nama pertubuhan itu

dalam Bank Simpanan Nasional atau dalam suatu bank daripada *Malaysia Exchange Banks Association* dan pertubuhan itu boleh mengeluarkan wang daripada kumpulan wang ini bagi maksud membayar faedah yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah pertubuhan itu.

(4) Lima puluh peratus daripada kumpulan wang pertubuhan berdaftar yang tidak dikehendaki dengan segera bagi membayar faedah bolehlah dilaburkan dalam sekuriti pemegang amanah, atau dengan kelulusan Pendaftar atas apa-apa syarat yang dikenakan olehnya, bagi membeli tanah.

(5) Tiada pembayaran apa-apa wang yang kena dibayar akibat kematian seseorang boleh dibuat oleh pertubuhan itu kecuali apabila dikemukakan perakuan kematian asal atau suatu salinan terperaku perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Kematian atau, dalam hal seseorang yang mati di luar Malaysia, perakuan kematian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di tempat orang itu mati:

Dengan syarat bahawa jika tiada penama telah dilantik, pembayaran bolehlah dibuat kepada wakil diri anggota atau peyuran yang mati itu apabila dikemukakan surat kuasa mentadbir atau probet wasiat anggota atau peyuran yang mati itu.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "*Malaysia Exchange Banks Association*" ertinya suatu pertubuhan yang didaftarkan dengan nama itu di bawah Akta ini.

### **Hak, dll., pertubuhan berdaftar tidak terjejas oleh perubahan nama**

**32.** (1) (*Dipotong oleh Akta A1027*).

(2) Jika nama sesuatu pertubuhan berdaftar diubah, perubahan itu tidak boleh menjejaskan apa-apa hak atau obligasi pertubuhan berdaftar itu atau mana-mana anggota pertubuhan berdaftar itu, dan apa-apa prosiding undang-undang boleh diteruskan oleh atau terhadap pemegang amanah pertubuhan itu atau mana-mana pemegang jawatan yang boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya bagi pihak pertubuhan itu, walaupun ada perubahan nama itu.

**33-34.** (Dipotong oleh Akta A1027).

### **Inspektor dan mesyuarat khas**

**35.** (1) Apabila permohonan dibuat oleh satu persepuluh daripada jumlah anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau jika berdasarkan apa-apa maklumat yang ada dalam milikannya yang didapati oleh Pendaftar itu suai manfaat untuk berbuat demikian, dia boleh—

(a) melantik seorang inspektor atau inspektor-inspektor untuk memeriksa dan membuat laporan berkenaan dengan hal ehwal pertubuhan itu; atau

(b) memanggil suatu mesyuarat khas pertubuhan itu.

(2) Permohonan yang dibuat oleh anggota di bawah seksyen ini hendaklah disokong oleh keterangan yang menunjukkan bahawa pemohon itu mempunyai sebab yang baik bagi menghendaki suatu pemeriksaan dijalankan atau suatu mesyuarat khas dipanggil, dan bahawa mereka tidak didorong oleh motif berniat jahat dalam permohonan mereka; dan Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya suatu notis mengenai permohonan itu diberikan kepada pertubuhan berdaftar itu.

(3) Pendaftar boleh, jika difikirkannya patut, menghendaki pemohon itu supaya memberi cagaran bagi kos pemeriksaan atau mesyuarat khas yang dicadangkan itu sebelum melantik mana-mana inspektor atau memanggil mesyuarat itu.

(4) Segala belanja bagi dan bersampingan dengan atau bagi memulakan apa-apa pemeriksaan atau mesyuarat hendaklah dibayar oleh anggota yang membuat permohonan bagi pemeriksaan atau mesyuarat itu atau daripada kumpulan wang pertubuhan itu atau oleh anggota atau pemegang jawatan atau bekas anggota atau bekas pemegang jawatan pertubuhan itu mengikut apa-apa kadar yang diarahkan oleh Pendaftar.

(5) Seseorang inspektor yang dilantik di bawah seksyen ini boleh menghendaki supaya kesemua atau mana-mana buku dan dokumen pertubuhan itu dikemukakan dan boleh memeriksa atas sumpah pemegang jawatan, anggota, ejen dan pekhidmatnya berhubung dengan urusan pertubuhan itu dan boleh mengendalikan sumpah itu dengan sewajarnya.

(6) Pendaftar boleh mengarahkan bila dan di mana suatu mesyuarat khas di bawah seksyen ini akan diadakan dan apa-apa hal yang hendak dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat itu, dan mesyuarat itu hendaklah disifatkan sebagai suatu mesyuarat yang dipanggil mengikut kaedah-kaedah pertubuhan itu dan mereka yang hadir dan berhak mengundi hendaklah dalam segala hal mempunyai kuasa melantik Pengerusi, walaupun ada mana-mana kaedah pertubuhan itu yang berlawanan.

### **Pembubaran pertubuhan berdaftar**

**36.** Sesuatu pertubuhan berdaftar boleh tamat atau dibubarkan mengikut mana-mana cara yang berikut:

- (a) apabila berlaku mana-mana peristiwa yang ditetapkan oleh kaedah-kaedahnya sebagai terjumlah kepada tamatnya pertubuhan itu;
- (b) dengan persetujuan tiga perempat daripada anggota pertubuhan itu yang dinyatakan melalui tandatangan mereka pada suatu surat cara pembubaran;
- (c) oleh Pendaftar yang membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah seksyen 13 atau membubarkannya di bawah seksyen 37.

### **Surat cara pembubaran**

**37.** Jika sesuatu pertubuhan berdaftar ditamatkan melalui suatu surat cara pembubaran, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) surat cara itu hendaklah menyatakan—
  - (i) liabiliti dan aset pertubuhan berdaftar itu secara terperinci;
  - (ii) bilangan anggota dan peyuran dan jenis kepentingan mereka dalam pertubuhan itu; dan
  - (iii) penguntukan atau pembahagian yang dicadangkan mengenai kumpulan wang dan harta pertubuhan itu, melainkan jika penguntukan atau pembahagian itu dinyatakan dalam surat cara pembubaran sebagai terpulang kepada Pendaftar bagi menetapkannya;

- (b) suatu akuan berkanun yang dibuat oleh salah seorang pemegang amanah atau oleh tiga orang anggota dan setiausaha pertubuhan itu bahawa peruntukan Akta ini telah dipatuhi hendaklah dihantar kepada Pendaftar bersama-sama dengan surat cara pembubaran itu;
- (c) surat cara itu tidak boleh mengarahkan atau mengandungi apa-apa peruntukan bagi pembahagian atau penguntukan kumpulan wang pertubuhan itu atau apa-apa bahagiannya, selain bagi maksud melaksanakan tujuan pertubuhan itu sebagaimana yang ditetapkan dalam kaedah-kaedahnya, melainkan jika tuntutan tiap-tiap anggota atau orang yang menuntut apa-apa bantuan, anuiti atau faedah lain daripada kumpulan wangnya ditunaikan dengan sewajarnya terlebih dahulu atau peruntukan yang cukup ada dibuat bagi menunaikan tuntutan itu;
- (d) surat cara pembubaran itu hendaklah didaftarkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta ini bagi pendaftaran pindaan kaedah-kaedah, dan hendaklah mengikat semua anggota pertubuhan itu; dan
- (e) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya pembubaran itu disiarkan dalam *Warta* dan jika dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran itu dalam *Warta*, seseorang anggota atau peyuran atau orang lain yang mempunyai kepentingan mengenai atau yang ada apa-apa tuntutan ke atas kumpulan wang pertubuhan itu tidak memulakan apa-apa prosiding untuk mengetepikan pembubaran pertubuhan itu, dan oleh itu pembubaran itu tidak diketepikan, pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah dibubarkan dari tarikh penyiaran itu dalam *Warta*; dan persetujuan yang perlu dalam surat cara pembubaran itu hendaklah disifatkan telah didapati dengan sewajarnya tanpa bukti mengenai tandatangan dalamnya.

### **Pembubaran oleh Pendaftar**

**38.** (1) Jika didapati oleh Pendaftar daripada apa-apa maklumat dalam milikannya bahawa kumpulan wang sesuatu pertubuhan berdaftar yang mempunyai dua ribu anggota atau lebih tidak mencukupi untuk menunaikan tuntutan yang ada ke atasnya atau bahawa kadar caruman yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah

pertubuhan itu tidak mencukupi untuk menampung faedah yang dijamin, Pendaftar boleh memerintahkan pertubuhan itu supaya melantik seorang juruaudit atau aktuari yang akan diluluskan olehnya untuk menyasat hal ehwal atau sebahagian daripada hal ehwal pertubuhan itu, tetapi Pendaftar hendaklah memberikan tidak kurang daripada satu bulan notis terlebih dahulu secara bertulis kepada pertubuhan yang hal ehwalnya akan disiasat.

(2) Jika apabila penyiasatan dijalankan didapati oleh Pendaftar bahawa kumpulan wang pertubuhan itu tidak mencukupi untuk menunaikan tuntutan yang ada ke atasnya atau bahawa kadar caruman yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah pertubuhan itu tidak mencukupi untuk menampung faedah yang dijamin, Pendaftar boleh, jika dianggapnya suai manfaat untuk berbuat demikian, memerintahkan pertubuhan itu dibubarkan dan hal ehwalnya digulung dan hendaklah mengarahkan cara apa aset pertubuhan itu akan dibahagikan atau diuntukkan:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh menggantung perintahnya selama tempoh yang difikirkannya perlu untuk membolehkan pertubuhan itu membuat apa-apa perubahan atau penyesuaian mengenai caruman dan faedah yang akan, menurut hematnya, mengelakkan keperluan bagi membuat perintah pembubaran.

(3) Pendaftar yang menjalankan tindakan di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai segala kuasa dan autoriti yang boleh dikuatkuasakan dengan penalti yang sama seperti dalam hal sesuatu pertikaian yang dirujuk kepada di bawah seksyen 40.

(4) Tiap-tiap perintah di bawah seksyen ini, sama ada bagi pembubaran atau pembahagian kumpulan wang, hendaklah mengikat pertubuhan yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat dan ke atas semua anggota dan peyuran pertubuhan itu dan ke atas semua orang yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas kumpulan wang pertubuhan itu dan hendaklah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti suatu keputusan dalam sesuatu pertikaian di bawah seksyen 40.

(5) Belanja bagi penyiasatan dan penyiaran perintah bagi pembubaran di bawah seksyen ini hendaklah dibayar daripada kumpulan wang pertubuhan itu sebelum apa-apa pengumuman lain dibuat daripada kumpulan wang itu.

(6) Tiap-tiap perintah bagi pembubaran hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari selepas perintah itu dibuat, disiarkan dalam *Warta* dan jika dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran perintah itu, seseorang anggota atau peyuran atau orang yang mempunyai kepentingan mengenai atau yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas kumpulan wang pertubuhan itu tidak memulakan apa-apa prosiding untuk mengetepikan pembubaran pertubuhan itu yang disebabkan oleh perintah itu, dan pembubaran itu tidak diketepikan, pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah dibubarkan mulai dari tarikh penyiaran perintah itu.

### **Notis prosiding untuk mengetepikan pembubaran**

**39.** (1) Jika seseorang menjalankan apa-apa prosiding untuk mengetepikan pembubaran sesuatu pertubuhan berdaftar, dia hendaklah memberikan notis mengenai prosiding itu kepada Pendaftar tidak kurang daripada tujuh hari sebelum prosiding itu dimulakan.

(2) Jika sesuatu perintah dibuat oleh Mahkamah yang mengetepikan pembubaran sesuatu pertubuhan berdaftar, pertubuhan itu hendaklah memberikan notis mengenai perintah itu kepada Pendaftar dalam masa tujuh hari selepas perintah itu dibuat.

### **Keputusan pertikaian**

**40.** (1) Sesuatu pertikaian antara—

- (a) seseorang anggota atau peyuran atau seseorang yang menuntut melalui seseorang anggota atau seseorang peyuran atau di bawah kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan berdaftar dengan pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu; dan
- (b) mana-mana orang yang terkilan yang terhenti menjadi anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana orang yang menuntut melalui orang yang terkilan itu, dengan pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu,

hendaklah diputuskan mengikut cara yang diarahkan oleh kaedah-kaedah pertubuhan berdaftar itu; dan keputusan yang diberikan sedemikian hendaklah mengikat dan konklusif ke atas semua pihak tanpa rayuan, dan tidak boleh dibawa kepada mana-mana mahkamah atau ditahan melalui injunksi, dan permohonan bagi penguatkuasaan keputusan itu boleh dibuat kepada Mahkamah Sesyen.

(2) Pihak-pihak dalam sesuatu pertikaian yang melibatkan sesuatu pertubuhan berdaftar boleh melalui persetujuan merujuk pertikaian itu kepada Pendaftar.

(3) Pendaftar yang kepadanya sesuatu pertikaian dirujukkan hendaklah sama ada olehnya sendiri atau oleh mana-mana Penolong Pendaftar, mendengar dan memutuskan pertikaian itu dan hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan supaya belanja bagi memutuskan pertikaian itu dibayar sama ada daripada kumpulan wang pertubuhan itu atau oleh mana-mana pihak dalam pertikaian itu sebagaimana yang difikirkannya patut; dan pemutusannya atau perintahnya hendaklah mempunyai kesan yang sama dan boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti suatu keputusan yang dibuat mengikut cara yang diarahkan oleh kaedah-kaedah pertubuhan itu.

(4) Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang kepadanya sesuatu pertikaian dirujukkan boleh mengendalikan sumpah dan boleh menghendaki supaya semua pihak yang berkenaan dan saksi hadir, dan supaya semua buku dan dokumen yang berhubungan dengan perkara yang dipersoalkan itu dikemukakan.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN PELBAGAI YANG TERPAKAI BAGI PERTUBUHAN SECARA AMNYA

#### **Pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**41.** (1) Bagi maksud Akta ini, mana-mana pertubuhan yang berikut adalah menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, iaitu:

- (a) sesuatu pertubuhan atau sesuatu cawangan yang telah diisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang oleh Menteri di bawah seksyen 5;



- (b) sesuatu pertubuhan atau sesuatu cawangan yang tidak didaftarkan di bawah seksyen 7;
- (c) sesuatu cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar, jika cawangan itu telah ditubuhkan dengan melanggar subseksyen 12(1), atau terus wujud dengan melanggar proviso kepada subseksyen 12(3);
- (d) sesuatu pertubuhan atau sesuatu cawangan pertubuhan itu yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah seksyen 2A, 13, 14 atau 16.

(2) Jika sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1), atau pendaftarannya dibatalkan di bawah Akta ini, tiap-tiap cawangan pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal, dan jika cawangan sesuatu pertubuhan adalah menyalahi undang-undang di bawah subseksyen (1) atau kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya disifatkan terbatal di bawah subseksyen ini, tiap-tiap cawangan yang di bawah cawangan itu hendaklah dengan serta-merta selepas itu menjadi menyalahi undang-undang dan kelulusan Pendaftar bagi penubuhannya hendaklah disifatkan terbatal.

### **Penalti ke atas pemegang jawatan, dsb., pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**42.** Mana-mana pemegang jawatan dan mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.

### **Penalti ke atas anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**43.** Mana-mana orang yang menjadi atau bertindak sebagai seorang anggota bagi sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau menghadiri sesuatu mesyuarat bagi sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau yang membayar wang atau

memberikan apa-apa bantuan kepada atau bagi maksud sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

### **Orang yang membenarkan pertubuhan yang menyalahi undang-undang dalam premis**

**44.** Mana-mana orang yang dengan diketahuinya membenarkan sesuatu mesyuarat bagi sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau bagi anggota sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, diadakan di mana-mana rumah, bangunan atau tempat yang dipunyai atau dihuni atau dikawal olehnya, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

### **Penalti kerana menghasut, dsb., seseorang supaya menjadi seorang anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**45.** (1) Mana-mana orang yang menghasut, mendorong atau mengajak seorang lain supaya menjadi seorang anggota, atau supaya membantu dalam pengurusan, sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa kekerasan, ugutan atau intimidasi terhadap mana-mana orang lain bagi mendorong orang lain itu supaya menjadi seorang anggota, atau supaya membantu dalam pengurusan, sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Penalti kerana mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**46.** Mana-mana orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan daripada mana-mana orang lain apa-apa yuran atau bantuan bagi maksud sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

**Menyiarkan, dsb., dakwah pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**47.** Mana-mana orang yang mencetak, menyiarkan, mempamerkan, menjual atau mendedahkan untuk jualan, atau menghantarkan melalui pos atau yang, tanpa kuasa atau sebab yang sah, ada dalam milikannya apa-apa pelekat, surat khabar, buku, pekeliling, pernyataan bergambar atau apa-apa dokumen atau tulisan lain atau yang dikeluarkan atau yang nampaknya dikeluarkan oleh atau bagi pihak atau bagi kepentingan sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya, dan apa-apa buku, terbitan berkala, risalah, poster, perisytiharan, surat khabar, surat atau apa-apa dokumen atau tulisan lain yang berkenaan dengannya orang itu telah disabitkan hendaklah dilucuthakkan.

**Bertindak bagi pihak atau mewakili pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**48.** (1) Mana-mana orang yang dengan apa-apa cara bertindak bagi pihak, atau mewakili, atau membantu, sama ada atas sifat profesional atau selainnya, mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatan pertubuhan itu seolah-olah dia terus menjadi pemegang jawatan pertubuhan itu, atau mana-mana badan yang telah menjadi badan pengelola pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu seolah-olah ia terus menjadi badan pengelola yang sedemikian, berhubung dengan apa-apa perkara, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi sesuatu rayuan oleh sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah seksyen 18, atau bagi apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa perkara yang melibatkan pertubuhan itu, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatannya, atau suatu badan yang telah menjadi badan pengelolanya atau badan pengelola mana-mana cawangan pertubuhan itu.

### **Liabiliti pemegang jawatan pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan**

**49.** (1) Jika pendaftaran mana-mana pertubuhan, selain suatu pertubuhan yang merupakan suatu parti politik, telah dibatalkan di bawah seksyen 2A, atau perenggan 13(1)(b) atau subperenggan 13(1)(c)(i), (ii), (iii), (iv), (vi), (vii), (viii) atau (ix), atau di bawah seksyen 16, mana-mana pemegang jawatan bagi pertubuhan pada masa pembatalan itu yang selepas daripada masa itu menjadi atau, selepas habis tempoh tiga puluh hari dari pembatalan itu, terus menjadi pemegang jawatan bagi mana-mana pertubuhan lain tanpa kebenaran secara bertulis Pendaftar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Kecuali jika pendaftaran sesuatu pertubuhan telah dibatalkan di bawah seksyen 2A atau perenggan 13(1)(b), sekatan yang dikenakan ke atas seseorang pemegang jawatan di bawah subseksyen (1) hendaklah terhenti selepas habis tempoh lima tahun yang bermula dari tarikh pembatalan itu.

### **Bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain bagi pertubuhan**

**50.** (1) Tiada pertubuhan boleh menggunakan sebagai untuknya sendiri apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain tanpa kelulusan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh mengenakan syarat-syarat yang membolehkan bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain itu dipamerkan.

(3) Mana-mana orang atau pertubuhan yang mempamerkan apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain yang tidak mendapat kelulusan Pendaftar atau dengan melanggar mana-mana syarat yang dikenakan oleh Pendaftar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

### **Liabiliti pemegang jawatan berkenaan dengan kesalahan oleh pertubuhan**

**51.** (1) Jika apa-apa kesalahan—

- (a) yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan telah dilakukan sama ada atau tidak mana-mana orang telah disabitkan berkenaan dengan kesalahan itu; dan
- (b) telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh mana-mana pertubuhan atau atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan,

tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan itu atau tiap-tiap orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan itu pada masa kesalahan itu dilakukan hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang bagi kesalahan itu, melainkan jika dia membuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(2) Mana-mana pemegang jawatan atau orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan itu boleh didakwa di bawah seksyen ini, walaupun dia mungkin tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan itu.

(3) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah subseksyen (1) terhadap seseorang pemegang jawatan atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan sesuatu pertubuhan, apa-apa dokumen yang ditemui dalam milikan seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu atau seseorang yang membantu dalam pengurusan pertubuhan itu atau dalam milikan seseorang anggota pertubuhan itu atau yang ditemui dalam mana-mana

tempat yang dipajak, disewa, dipinjam, digunakan atau dikawal oleh pertubuhan itu adalah menjadi keterangan *prima facie* tentang kandungan dokumen itu bagi maksud membuktikan bahawa apa-apa jua telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan itu.

### **Pertubuhan yang menggunakan upacara kongsi gelap disifatkan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang**

**52.** (1) Tiap-tiap pertubuhan, sama ada ia didaftarkan atau tidak, yang menggunakan upacara kongsi gelap hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), upacara kongsi gelap ertinya apa-apa upacara yang biasanya digunakan oleh pertubuhan kongsi gelap, apa-apa upacara yang begitu menyerupai mana-mana upacara itu dan mana-mana bahagian daripada upacara itu.

(3) Mana-mana orang yang menjadi atau bertindak sebagai anggota sesuatu pertubuhan kongsi gelap atau menghadiri mesyuarat pertubuhan itu atau didapati memiliki, atau ada dalam jagaan atau kawalannya, apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan kongsi gelap sama ada pertubuhan itu ditubuhkan di Malaysia atau tidak, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit.

### **Penalti kerana salah guna wang atau harta pertubuhan berdaftar**

**53.** (1) Jika, atas aduan yang dibuat oleh seseorang anggota suatu pertubuhan berdaftar atau oleh Pendaftar, ditunjukkan dengan memuaskan hati Mahkamah Sesyen bahawa mana-mana pemegang jawatan atau anggota pertubuhan itu ada dalam milikan atau kawalannya apa-apa harta pertubuhan itu selain mengikut kaedah-kaedah pertubuhan itu, atau telah menahan secara menyalahi undang-undang atau telah dengan sengaja menggunakan apa-apa wang pertubuhan itu bagi maksud selain yang dinyatakan atau diarahkan dalam kaedah-kaedah pertubuhan itu dan yang dibenarkan oleh Akta ini, Mahkamah itu hendaklah, jika difikirkannya perlu untuk keadilan hal itu, memerintahkan pemegang jawatan atau

anggota itu supaya menyerahkan segala harta itu kepada pemegang amanah pertubuhan itu serta membayar kepada mereka itu wang yang ditahan secara menyalahi undang-undang atau yang digunakan secara tidak sepatutnya itu.

(2) Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) selain aduan yang dibuat oleh Pendaftar tidak boleh dilayani melainkan jika Mahkamah itu berpuas hati bahawa pengadu itu ialah, pada tarikh aduan itu, seorang anggota bagi pertubuhan berdaftar yang berkenaan dengan hartanya aduan itu dibuat.

(3) Mana-mana orang yang terikat dengan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) yang tidak mematuhi terma perintah itu dan arahan yang diberikan dalam perintah itu dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidaklah menjejaskan atau menghalang sesuatu pendakwaan, atau prosiding sivil, terhadap mana-mana pemegang jawatan atau anggota itu.

### **Penalti kerana mempamerkan atau menggunakan perakuan pendaftaran yang telah dibatalkan**

**53A.** Mana-mana orang yang mempamerkan atau menggunakan apa-apa perakuan pendaftaran atau salinan perakuan pendaftaran sesuatu pertubuhan yang perakuan pendaftarannya telah dibatalkan dengan mengetahui bahawa perakuan pendaftaran itu telah dibatalkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

### **Hukuman bagi fraud, akuan palsu dan penggelapan**

**54.** Mana-mana orang yang dengan niat untuk mengelirukan atau memfraud, memberikan—

- (a) kepada mana-mana orang suatu salinan apa-apa kaedah-kaedah, undang-undang, peraturan-peraturan atau dokumen lain, selain kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan berdaftar, dengan dalih bahawa—

- (i) kaedah-kaedah itu merupakan kaedah-kaedah pertubuhan yang sedia ada bagi pertubuhan itu;
  - (ii) tiada kaedah-kaedah lain bagi pertubuhan itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang suatu salinan apa-apa kaedah-kaedah dengan dalih bahawa kaedah-kaedah itu ialah kaedah-kaedah suatu pertubuhan yang berdaftar sedangkan pertubuhan itu tidak berdaftar,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

### **Penalti kerana memberikan maklumat palsu**

**54A.** Mana-mana orang yang memberi Pendaftar, atau Penolong Pendaftar, apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang sama ada dia mengetahui atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

### **Anggapan**

**55.** Dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini—

- (a) jika dibuktikan bahawa sesuatu kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan wujud, hendaklah dianggap bahawa kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan itu ialah suatu pertubuhan mengikut pengertian Akta ini melainkan jika dibuktikan sebaliknya;
- (b) tidaklah perlu bagi pihak pendakwa membuktikan bahawa suatu pertubuhan mempunyai nama atau bahawa ia telah ditubuhkan atau biasanya dikenali dengan suatu nama yang tertentu; dan
- (c) jika suatu pertubuhan dikatakan sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, beban pembuktian yang ia ialah suatu pertubuhan berdaftar, atau yang ia bukan suatu pertubuhan tempatan, hendaklah terletak ke atas orang yang dipertuduh itu.



**Anggapan mengenai keanggotaan, dsb., pertubuhan**

**56.** (1) Jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang berupa berhubung dengan, mana-mana pertubuhan didapati ada dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu ialah anggota pertubuhan itu, dan pertubuhan itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah wujud pada masa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran itu didapati sedemikian.

(2) Jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan didapati—

(a) ada dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu membantu dalam pengurusan pertubuhan itu; dan

(b) tersembunyi dalam mana-mana premis hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa yang tersebut itu ada dalam milikan penghuni premis itu.

(3) Apabila didapati oleh Mahkamah bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana tempat yang dimasuki atau digeledah di bawah mana-mana kuasa yang sah yang diberikan oleh atau di bawah Akta ini sebaik sebelum atau pada masa kemasukan itu, digunakan oleh atau bagi maksud sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, mana-mana orang yang dijumpai di tempat tersebut pada masa pengeledahan itu atau yang didapati meninggalkan tempat itu sebaik sebelum atau pada masa kemasukan itu, hendaklah, melainkan jika dia memberikan penjelasan yang memuaskan hati mengenai sebab bagi kehadirannya di tempat tersebut, dianggap sebagai seorang anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

**Keterangan pakar**

**57.** (1) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, tidaklah boleh menjadi apa-apa bantahan terhadap kebolehterimaan keterangan pakar bahawa pakar itu bukan atau tidak pernah menjadi anggota bagi mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

(2) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, Mahkamah boleh merujuk, bagi maksud keterangan, mana-mana buku yang berikut:

*Thian Ti Hwui, the Hung-League or Heaven-Earth League,*  
by G. Schlegel;

*The Triad Society,*  
by W. Stanton;

*The Hung Society or the Society of Heaven and Earth,*  
by J. S. M. Ward and W. G. Stirling;

*Triad Societies in Hong Kong,*  
by W. P. Morgan,

dan mana-mana buku atau artikel lain yang diterbitkan mengenai perkara pertubuhan pada amnya yang menyalahi undang-undang atau pertubuhan tertentu yang menyalahi undang-undang, yang difikirkan oleh Mahkamah sebagai autoriti mengenai perkara yang dengannya ia berhubung.

### **Perlindungan pemberi maklumat**

**58.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini—

- (a) tiada saksi boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama dan alamat mana-mana pemberi maklumat di bawah Akta ini atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui; dan
- (b) jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa jua prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui, Mahkamah atau Majistret hendaklah menyebabkan supaya semua petikan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui tetapi tidak lebih daripada itu:

Dengan syarat bahawa jika dalam mana-mana prosiding jenayah di bawah Akta ini Mahkamah berpuas hati setelah siasatan penuh dijalankan tentang kes itu, bahawa penguatkuasaan dengan sepenuhnya peruntukan seksyen ini mungkin menyebabkan salah laksana keadilan, Mahkamah boleh menghendaki pengemukaan maklumat yang asal dan boleh membenarkan sesuatu siasatan dan boleh menghendaki penzahiran sepenuhnya kepada Mahkamah berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

### **Pelucuthakan**

**59.** Apa-apa buku, akaun, tulisan, sepanduk, lambang kebesaran atau harta lain yang dipunyai oleh mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang hendaklah, atas perintah Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret, dilucuthakkan dan diberikan kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar bagi pelupusan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.

### **Kesalahan yang tidak boleh dijamin dan yang kena didaftarkan yang tertentu**

**60.** Tiap-tiap kesalahan terhadap peruntukan seksyen 9A dan 13A, seksyen 42 hingga 49 termasuk kedua-duanya dan seksyen 52 hendaklah disifatkan sebagai yang boleh ditangkap dan yang tidak boleh dijamin di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah dan hendaklah juga disifatkan sebagai yang kena didaftarkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran penjenayah.

### **Keizinan untuk pendakwaan**

**61.** (1) Kecuali dalam hal orang yang dipertuduh di bawah peruntukan seksyen 13A, 45 dan 52 dan orang yang ditangkap di bawah peruntukan seksyen 65 dan subseksyen 66(5), pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya:

Dengan syarat bahawa seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan sedemikian boleh ditangkap, atau waran bagi menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dan mana-mana orang itu boleh direman dalam jagaan atau dengan jaminan, walaupun

keizinan Pendakwa Raya untuk memulakan pendakwaan bagi kesalahan itu belum diperoleh, tetapi kes itu tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga keizinan itu telah diperoleh.

(2) Apabila seseorang dibawa ke hadapan Mahkamah di bawah seksyen ini sebelum Pendakwa Raya memberikan keizinan kepada pendakwaan itu pertuduhan itu hendaklah diterangkan kepada orang itu tetapi dia tidak boleh diminta membuatakuan, dan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan tatacara jenayah hendaklah diubahsuaikan dengan sewajarnya.

### **Penyampaian saman**

**62.** Tiap-tiap saman, notis atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini, atau di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sah dan sempurna, jika disampaikan atau ditinggalkan kepada orang yang dimaksudkan untuk disampaikan itu atau, dalam hal dia tidak dapat dijumpai, jika ditinggalkan di tempat urusan atau tempat tinggalnya yang akhir diketahui, oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Pendaftar atau, dalam hal penyampaian sesuatu notis atau perintah kepada pertubuhan, dengan menghantar notis atau perintah itu melalui pos berdaftar kepada alamat berdaftar pertubuhan itu.

### **Kuasa untuk masuk dan memeriksa rekod**

**63.** Pendaftar, seseorang Penolong Pendaftar atau seseorang Pegawai Pendaftaran boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana pertubuhan menjalankan aktiviti yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedahnya, dan selepas memberikan notis kepada mana-mana pemegang jawatan, masuk ke mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai disenggarakan atau digunakan oleh mana-mana pertubuhan berdaftar atau mana-mana anggotanya sebagai suatu tempat mesyuarat atau tempat urusan, dan boleh menggeledah tempat itu dan memeriksa semua buku, akaun, minit mesyuarat dan dokumen lain yang disimpan oleh pertubuhan itu.

**Kuasa untuk masuk, menggeledah dan menyita oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar dalam hal khas**

**64.** (1) Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen 3(1A) dan diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar, yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana pertubuhan berdaftar digunakan bagi maksud yang memudaratkan keamanan awam, kebajikan, keadaan baik atau kemoralan di Malaysia, boleh masuk, sama ada dengan atau tanpa bantuan dan dengan menggunakan kekerasan bagi maksud itu, jika perlu, ke mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai digunakan sebagai tempat mesyuarat atau tempat urusan bagi pertubuhan itu, dan boleh memeriksa tempat itu dan mana-mana orang yang dijumpai di dalamnya atau yang didapati lari dari tempat itu bagi mendapat keterangan bahawa pertubuhan itu digunakan bagi maksud seperti yang disebut terdahulu.

(2) Pendaftar, atau seseorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain, yang masuk ke mana-mana tempat di bawah subseksyen (1), boleh menyita dan menahan apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, sepanduk, meterai, lambang kebesaran, lambang atau barang lain yang dipunyai oleh pertubuhan berdaftar itu yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mungkin dikehendaki berkenaan dengan prosiding selanjutnya di bawah Akta ini.

**Kuasa untuk masuk dan menggeledah**

**65.** (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau ke atas boleh, dengan atau tanpa bantuan dengan menggunakan kekerasan, jika perlu, masuk ke mana-mana rumah kediaman atau bangunan lain, atau ke mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu mesyuarat bagi mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau bagi orang yang menjadi anggota sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, sedang diadakan, atau bahawa apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, sepanduk, meterai, lambang kebesaran, lambang atau barang lain yang dipunyai oleh mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang disembunyikan, disimpan atau diletakkan, dan menangkap atau menyebabkan supaya ditangkap semua orang yang dijumpai di dalam rumah itu dan menggeledah

rumah, bangunan atau tempat itu, dan menyita atau menyebabkan supaya disita semua buku, akaun, tulisan, sepanduk, senarai anggota, meterai, lambang kebesaran, lambang dan barang lain yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk dipercayai dipunyai oleh mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau dengan apa-apa cara berkaitan dengannya.

(2) Semua orang yang ditangkap sedemikian dan segala barang yang disita boleh ditahan dalam jagaan dan dibawa ke hadapan Majistret untuk diperlakukan mengikut undang-undang.

### **Kuasa Pendaftar atau Penolong Pendaftar untuk memanggil saksi**

**66.** (1) Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar boleh memanggil supaya hadir di hadapannya mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk dipercayai boleh memberikan apa-apa maklumat tentang wujudnya atau operasi mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau pertubuhan yang disyaki menyalahi undang-undang, atau tentang operasi mana-mana pertubuhan berdaftar.

(2) Orang yang dipanggil supaya hadir itu hendaklah hadir pada waktu dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu, dan mengemukakan segala dokumen dalam jagaan, milikan atau kuasanya yang berhubungan dengan pertubuhan itu atau pertubuhan yang disyaki itu, dan menjawab dengan benar semua soalan yang ditanya kepadanya oleh Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar.

(3) Pendaftar dan tiap-tiap Penolong Pendaftar boleh mengendalikan sumpah kepada dan memeriksa secara bersumpah mana-mana orang yang dipanggil supaya hadir di hadapannya di bawah seksyen ini.

(4) Jika mana-mana orang yang dipanggil supaya hadir oleh Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar di bawah seksyen ini tidak mematuhi tanpa sebab yang sah apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh subseksyen (2) atau memberi maklumat yang dipercayai oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu sebagai palsu, Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu boleh, jika difikirkannya berfaedah untuk mengenal orang itu pada masa hadapan, memerintahkan supaya fotograf dan cap jari orang

itu diambil pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat dan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu. Pendaftar itu boleh melupuskan fotograf dan cap jari itu, menurut budi bicaranya yang mutlak, sebagaimana yang dianggapnya patut.

(5) Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah itu atau menghalang pematuhan perintah itu boleh ditangkap dan ditahan dalam jagaan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seribu ringgit.

(6) Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang dipanggil supaya hadir di hadapan Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar di bawah seksyen ini boleh menyebabkan dia ditangkap atau pendakwaan jenayah dibuat terhadapnya, atau dijadikan bukti terhadapnya dalam apa-apa prosiding jenayah, kecuali dalam pendakwaan kerana tidak memberikan jawapan dengan benar di bawah seksyen ini.

### **Peraturan-peraturan**

**67.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya, dan tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) menetapkan cara pendaftaran bagi pertubuhan di bawah Akta ini;
- (b) melarang penggunaan oleh pertubuhan berdaftar lencana dan lambang kebesaran yang menyalahi undang-undang atau yang tidak diingini;
- (c) menetapkan borang yang boleh digunakan bagi menjalankan peruntukan Akta ini;
- (d) menetapkan maklumat yang kena diberikan kepada Pendaftar;

- (e) menetapkan fi yang boleh dilevikan di bawah Akta ini;
- (f) menetapkan apa-apa jua yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini;
- (g) menetapkan peratus daripada jumlah yuran atau apa-apa pendapatan lain yang diterima yang boleh dipotong oleh sesuatu pertubuhan faedah bersama bagi pentadbiran dan belanja lain.

(3) Mana-mana peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bahawa pelanggaran mana-mana peraturan-peraturan merupakan suatu kesalahan terhadap peraturan-peraturan itu dan boleh mengadakan penalti bagi mana-mana kesalahan itu dengan suatu denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit dan dengan suatu tempoh pemenjaraan yang tidak melebihi enam bulan.

### **Pemansuhan**

**68.** (1) Ordinan Pertubuhan 1949 bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu [*P.T.M. No. 28 tahun 1949*], Ordinan Pertubuhan 1957 bagi Sarawak [*Ord. Swk. 12 tahun 1957, Swk. Bab 107*] dan Ordinan Pertubuhan 1961 bagi Sabah [*Ord. Sabah 24 tahun 1961*] dimansuhkan.

(2) (*Ditinggalkan*).

**69.** (*Ditinggalkan*).

### **Kuasa untuk mengecualikan**

**70.** Menteri boleh menurut budi bicaranya secara bertulis mengecualikan mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta ini daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.

---



JADUAL PERTAMA

[Perenggan 7(3)(e)]

PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH-KAEDAH  
PERTUBUHAN

1. Perkara yang peruntukan baginya dikehendaki dibuat dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah bagi tiap-tiap pertubuhan tempatan atau cawangan pertubuhan tempatan adalah seperti yang berikut:

- (a) nama dan tempat urusan berdaftar atau alamat pos berdaftar bagi pertubuhan itu;
- (b) (*Dipotong oleh Akta A557*);
- (c) perihal yang tepat mengenai reka bentuk dan warna apa-apa bendera, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain yang digunakan oleh pertubuhan;
- (d) matlamat atau tujuan yang kerananya pertubuhan itu ditubuhkan, atau yang ia berusaha hendak meneruskan, atau yang kerananya kumpulan wangnya atau mana-mana daripadanya boleh digunakan;
- (e) kelayakan keanggotaan, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sekatan atau batasan yang boleh dikenakan tentang bilangan, had umur, jantina, agama, bangsa, kerakyatan, tempat tinggal, suku bangsa atau nama keluarga bagi orang yang boleh diterima menjadi anggota pertubuhan itu;
- (f) kaedah pelantikan atau pemilihan anggota;
- (g) penubuhan dan kaedah pelantikan jawatankuasa atau badan pengelola dan jawatan, kuasa dan fungsi pemegang jawatan bagi pertubuhan dan jika berkenaan, cawangan pertubuhan itu;
- (gg) bahawa, jika dikehendaki oleh Pendaftar, pemegang jawatan pertubuhan dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan fungsi eksekutif dalam pertubuhan itu hendaklah warganegara;
- (h) punca yang daripadanya pertubuhan akan mendapat pendapatannya, termasuk kadar dan kaedah pembayaran apa-apa fi masuk dan yuran berkala sebagaimana yang diputuskan;
- (i) kuasa atau kuasa-kuasa bagi perbelanjaan daripada kumpulan wang pertubuhan;
- (j) penyimpanan akaun pendapatan dan perbelanjaan pertubuhan dan penyiaran akaun itu kepada anggotanya setiap tahun;
- (k) pelantikan seorang juruaudit atau lebih;

- (l) kuorum yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dalam mana-mana mesyuarat pertubuhan atau badan pengelolanya; dan
- (m) cara bagaimana perlembagaan atau kaedah-kaedah pertubuhan boleh dipinda.
2. Jika sesuatu pertubuhan ialah parti politik, perlembagaan atau kaedah-kaedah pertubuhan itu hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara yang disebut satu persatu dalam perenggan 1, memperuntukkan bahawa—
- (a) tiap-tiap anggota pertubuhan itu, tiap-tiap pegawai yang menjalankan fungsi eksekutif dalam pertubuhan itu dan tiap-tiap penasihat, bagi pertubuhan itu, hendaklah warganegara; dan
- (b) tiap-tiap anggota adalah berhak mengundi dan boleh memegang jawatan dalam jawatankuasa atau badan pengelola dalam pertubuhan itu.
3. Jika mana-mana pertubuhan berdaftar membuat peruntukan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedahnya bagi penubuhan cawangan ia hendaklah juga sebagai tambahan membuat peruntukan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah itu berkenaan dengan kaedah dan cara bagaimana penubuhan cawangan itu akan diluluskan oleh pertubuhan itu atau badan pengelolanya.

---

JADUAL KEDUA

[Perenggan 7(3)(e)]

PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH-KAEDAH  
PERTUBUHAN FAEDAH BERSAMA

Perkara yang peruntukan baginya mesti dibuat dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah bagi tiap-tiap pertubuhan faedah bersama adalah seperti yang berikut:

- (a) nama pertubuhan dan tempat bagi urusan pertubuhan itu;
- (b) segala tujuan pertubuhan itu dan syarat-syarat yang mana-mana anggota atau peyuran berhak mendapat apa-apa faedah;
- (c) cara membuat, mengubah, meminda dan membatalkan kaedah-kaedah:

Dengan syarat bahawa tiada perubahan boleh dibuat yang akan mengurangkan faedah yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah itu tanpa mendapat persetujuan daripada tiga perempat daripada jumlah bilangan anggota atau peyuran yang didapati dengan cara undi kertas;

- (d) pemilihan dan pemecatan pemegang jawatan, termasuk setiausaha, bendahari, pemegang amanah dan pemegang jawatan lain bagi pertubuhan itu;
  - (e) pembekalan suatu salinan kaedah-kaedah pertubuhan kepada tiap-tiap anggota atau peyuran;
  - (f) jagaan dan pelaburan kumpulan wang pertubuhan dan jawatan pemegang jawatan yang bertanggungjawab baginya dan pengauditan tahunan atau berkala akaun pertubuhan;
  - (g) pemeriksaan buku dan daftar nama bagi anggota atau peyuran pertubuhan oleh mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam kumpulan wang pertubuhan;
  - (h) penyimpanan daftar berserta butir-butir mengenai umur, nama dan alamat mana-mana anggota atau peyuran dan penama, jika ada, bagi anggota atau peyuran pertubuhan;
  - (i) bilangan minimum bagi kuorum untuk mesyuarat agung dan mesyuarat jawatankuasa, bilangan minimum bagi mesyuarat agung tidak kurang daripada tiga kali jumlah bilangan anggota jawatankuasa dan bagi mesyuarat jawatankuasa tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan anggota jawatankuasa; dan
  - (j) cara memutuskan pertikaian antara—
    - (i) seseorang anggota atau peyuran atau seseorang yang menuntut melalui seseorang anggota atau peyuran atau di bawah kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan berdaftar dengan pertubuhan atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu; dan
    - (ii) mana-mana orang yang terkilan yang telah berhenti menjadi seorang anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana orang yang menuntut melalui orang yang terkilan itu dengan pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu.
-

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 832

#### AKTA PERTUBUHAN 1966

(Disemak — 2021)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii)  
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

#### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Act No. 45 Tahun 1966	Act (Pindaan) Pertubohan, 1966	28-07-1966
P.U. (A) 282/1970	Ordinan Darurat No. 45 (Kuasa-Kuasa Perlu) 1970	10-08-1970
Akta A102	Akta Pertubuhan (Pindaan) 1972	01-07-1972
P.U. (A) 357/1980	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Perluasan) 1980	01-06-1981
Akta A515	Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981	15-05-1981
Akta A557	Akta Pertubuhan (Pindaan) 1983	13-05-1983
Akta A700	Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988	10-06-1988
Akta A743	Akta Pertubuhan (Pindaan) 1990	12-01-1990
Akta A859	Akta Pertubuhan (Pindaan) 1993	03-03-1994
Akta A1027	Akta Pertubuhan (Pindaan) 1998	02-07-1998

---

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA  
YANG DIGANTI

No.	Tajuk
Act Parlimen No. 13 tahun 1966	Act Pertubohan, 1966

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 832

### AKTA PERTUBUHAN 1966

(Disemak—2021)

#### SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Act No. 45 Tahun 1966 Akta A515 Akta A557	28-07-1966 15-05-1981 13-05-1983
2A	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
3	Akta A557 Akta A1027	13-05-1983 02-07-1998
3A	Akta A700	10-06-1988
3B	Akta A1027	02-07-1998
6	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
6A	Akta A700	10-06-1988
7	Akta A102 Akta A515 Akta A557 Akta A1027	01-07-1972 15-05-1981 13-05-1983 02-07-1998
8A	Akta A557	13-05-1983
9	Akta A557	13-05-1983
9A	Akta A515 Akta A557 Akta A1027	15-05-1981 13-05-1983 02-07-1998

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
10	Akta A102	01-07-1972
	Akta A557	13-05-1983
	Akta A700	10-06-1988
11	Akta A557	13-05-1983
	Akta A1027	02-07-1998
11A	Akta A515	15-05-1981
	Akta A557	13-05-1983
12	Akta A557	13-05-1983
	Akta A700	10-06-1988
13	P.U.(A) 282/1970	10-08-1970
	Akta A102	01-07-1972
	Akta A515	15-05-1981
	Akta A557	13-05-1983
	Akta A1027	02-07-1998
13A	Akta A102	01-07-1972
	Akta A515	15-05-1981
	Akta A557	13-05-1983
	Akta A1027	02-07-1998
14	Akta A557	13-05-1983
	Akta A1027	02-07-1998
15	Akta A515	15-05-1981
	Akta A557	13-05-1983
	Akta A1027	02-07-1998
16	Akta A1027	02-07-1998
17	Act No. 45 Tahun 1966	28-07-1966
	Akta A102	01-07-1972
	Akta A515	15-05-1981
	Akta A557	13-05-1983
	Akta A700	10-06-1988
	Akta A859	03-03-1994
17A	Akta A700	10-06-1988
17B	Akta A700	10-06-1988
	Akta A859	03-03-1994

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
18	Akta A557	13-05-1983
18A	Akta A515 Akta A557 Akta A743	15-05-1981 13-05-1983 12-01-1990
18B	Akta A515 Akta A557 Akta A743	15-05-1981 13-05-1983 12-01-1990
18C	Akta A515 Akta A557 Akta A743	15-05-1981 13-05-1983 12-01-1990
18D	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
18E	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
18F	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
18G	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
18H	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
18I	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
18J	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
21	Akta A515 Akta A557 Akta A1027	15-05-1981 13-05-1983 02-07-1998
23	Akta A102 Akta A557	01-07-1972 13-05-1983
28	Akta A1027	02-07-1998



Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
31	Akta A557	13-05-1983
32	Akta A1027	02-07-1998
33	Akta A1027	02-07-1998
34	Akta A1027	02-07-1998
40	Act No. 45 Tahun 1966	28-07-1966
41	Akta A515 Akta A557 Akta A700	15-05-1981 13-05-1983 10-06-1988
42	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
43	Akta A515	15-05-1981
44	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
45	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
46	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
47	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
48	Akta A515 Akta A700 Akta A1027	15-05-1981 10-06-1988 02-07-1998
49	Akta A515 Akta A557 Akta A700 Akta A1027	15-05-1981 13-05-1983 10-06-1988 02-07-1998
50	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
51	Akta A515	15-05-1981
52	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
53	Act No. 45 Tahun 1966 Akta A515 Akta A1027	28-07-1966 15-05-1981 02-07-1998
53A	Akta A1027	02-07-1998
54	Akta A515 Akta A1027	15-05-1981 02-07-1998
54A	Akta A1027	02-07-1998
60	Akta A1027	02-07-1998
61	Akta A1027	02-07-1998
63	Akta A557	13-05-1983
64	Akta A1027	02-07-1998
66	Akta A1027	02-07-1998
67	Akta A515 Akta A557	15-05-1981 13-05-1983
Jadual I	Act No. 45 Tahun 1966 Akta A102 Akta A515 Akta A557 Akta A1027	28-07-1966 01-07-1972 15-05-1981 13-05-1983 02-07-1998
Jadual II	Akta A557	13-05-1983

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 832

#### AKTA PERTUBUHAN 1966

(Disemak — 2021)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA  
PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6  
AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
Susunan kandungan	Susunan kandungan dikemas kini	perenggan 6(1)(vii)
Keseluruhan Akta	1. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(vii)
	2. Noktah pada akhir nota bahu ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	3. Ejaan dikemas kini selaras dengan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan tunggal menggantikan perkataan berganda kecuali dinyatakan sebaliknya	perenggan 6(1)(xv)
	5. Perkataan “Akta” menggantikan “Act”	perenggan 6(1)(v)
	6. Perkataan “Malaysia” menggantikan “Persekutuan”	perenggan 6(1)(iii)
	7. Perkataan “kaedah” dan “kaedah-kaedah” menggantikan “atoran” dan “atoran <sup>2</sup> ” masing-masing	perenggan 6(1)(iii)
	8. Perkataan “peraturan-peraturan” menggantikan “peraturan”	perenggan 6(1)(iii)
	9. Perkataan “subseksyen” menggantikan “sekshen kecil”, “seksyen-kecil” dan “sekshen-kecil”	perenggan 6(1)(iii)
	10. Perkataan “Ketua Pengarah Insolvensi” menggantikan “Pegawai Pemegang Harta”	perenggan 6(1)(xvii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
Tajuk	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “UNDANG-UNDANG MALAYSIA” dan “Akta XXX” menggantikan “MALAYSIA”, “Act Parlimen” dan “No. 13 tahun 1966”</li> <li>2. Perkataan “<b>AKTA PERTUBUHAN</b>” menggantikan “<b>A C T PERTUBOHAN</b>”</li> <li>3. Koma sebelum perkataan “1966” ditinggalkan</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxiv)</p> <p>perenggan 6(1)(xv)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p>
Tajuk panjang	Perkataan “Suatu Akta yang berhubungan dengan pendaftaran pertubuhan.” menggantikan “Suatu Act bagi meminda dan menyatukan undang <sup>2</sup> berhubung dengan pendaftaran pertubuhan <sup>2</sup> .”	perenggan 6(1)(vi)
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “1 Februari 1966, P.U. 24/1966” dimasukkan	subperenggan 6(1)(i)(d)
Ayat mengundang-undangan	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
Tajuk Bahagian 1	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “BAHAGIAN I” menggantikan “BAHAGIAN 1”</li> <li>2. Perkataan “TERPAKAI” menggantikan “DI-PAKAI”</li> <li>3. Perkataan “SECARA” dimasukkan selepas perkataan “PERTUBUHAN”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p>
seksyen 1	Dalam nota bahu, perkataan “, <b>tarikh berkuatkuasa</b> ” ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(d) dan (xvi)
subseksyen 1(1)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “Akta Pertubuhan” menggantikan “Act Pertubohan”</li> <li>2. Koma selepas perkataan “Pertubohan” ditinggalkan</li> <li>3. Perkataan “dan terta’alok kepada sekshen-kechil (2) dalam sekshen ini hendak-lah berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam <i>Warta</i> Kerajaan, dan tarikh itu tidak-lah boleh lebeh awal daripada tarikh pemberitahuan itu di-siarkan” ditinggalkan</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xv)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>subperenggan 6(1)(i)(d)</p>
subseksyen 1(2)	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 1(3)	1. Dinomborkan semula sebagai subseksyen 1(2)	perenggan 6(1)(xii)
	2. Perkataan “terpakai di seluruh Malaysia” menggantikan “hendaklah berkuatkuasa di-seluruh Persekutuan”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 2	1. Perkataan “jika konteksnya” menggantikan “kandongan ayat-nya”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Dalam takrif “faedah”—	
	a. perkataan “bagi” selepas perkataan “bersama” menggantikan “untuk”	perenggan 6(1)(xxa)
	b. perkataan “peyuran” menggantikan “peyuran <sup>2</sup> -nya”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Dalam takrif “Menteri”, perkataan “dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi” menggantikan “pada masa itu bertanggung-jawab atas”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Dalam takrif “parti politik”—	
	a. perenggan (a)—	
	(i) perkataan “mana-mana” menggantikan “sesuatu”	perenggan 6(1)(xxa)
	(ii) perkataan “merupakan tujuan” menggantikan “adalah tujuan”	perenggan 6(1)(xxa)
	b. perenggan (b)—	
(i) perkataan “mana-mana” menggantikan “sesuatu”	perenggan 6(1)(xxa)	
(ii) perkataan “apa-apa jua” dimasukkan selepas perkataan “walau apa pun”	perenggan 6(1)(xxa)	
(iii) perkataan “meneruskan” menggantikan “mengejar”	perenggan 6(1)(xxa)	
(iv) perkataan “tujuan yang” menggantikan “matlamat yang”	perenggan 6(1)(xxa)	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>5. Dalam takrif “pemegang jawatan”, perkataan ““pemegang jawatan”, berhubung dengan sesuatu pertubuhan, ertinya mana-mana orang yang menjadi yang dipertua, naib yang dipertua, setiausaha atau bendahari pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, atau yang menjadi anggota jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhan itu, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atau yang memegang dalam pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu apa-apa jawatan atau kedudukan yang sama dengan mana-mana yang tersebut di atas;’ menggantikan ““pemegang-jawatan” bagi sa-suatu pertubohan erti-nya mana<sup>2</sup> orang yang menjadi yang di-pertua atau naib yang di-pertua atau setia-usaha atau bendahari bagi pertubohan atau bagi mana<sup>2</sup> chawangan sa-suatu pertubohan, atau mana<sup>2</sup> orang yang menjadi sa-orang ahli jawatan-kuasa atau ahli badan pengelola-nya, atau sa-orang ahli jawatan-kuasa atau badan pengelola bagi mana<sup>2</sup> chawangan-nya atau mana<sup>2</sup> orang yang memegang apa<sup>2</sup> jawatan atau kedudukan yang sama dengan mana<sup>2</sup> yang tersebut di-atas di-dalam pertubohan itu atau di-dalam chawangan sa-suatu pertubohan;’</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	<p>6. Dalam takrif “Pendaftar”—</p> <p>a. perkataan “dalam Act ini” ditinggalkan</p> <p>b. perkataan “seksyen yang sama” menggantikan “seksyen itu juga”</p>	perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxa)
	<p>7. Dalam takrif “pertubuhan”, perkataan ““pertubuhan” termasuklah mana-mana kelab, syarikat, perkongsian, atau persatuan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal, yang mengandungi tujuh orang atau lebih tetapi tidak termasuk—</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(a) mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;	
	(b) mana-mana syarikat atau persatuan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;	
	(c) mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan atau dikehendaki didaftarkan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kesatuan sekerja yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;	
	(d) mana-mana syarikat, persatuan atau perkongsian yang dibentuk bagi maksud semata-mata menjalankan apa-apa urusan yang sah yang mempunyai tujuan untuk memperoleh keuntungan oleh syarikat, persatuan atau perkongsian itu, atau oleh anggota perseorangan syarikat, persatuan atau perkongsian itu;	
	(e) mana-mana koperasi, yang didaftarkan sedemikian, di bawah mana-mana undang-undang bertulis;	
	(f) mana-mana organisasi atau persatuan yang berkenaan dengannya pada masa ini berkuat kuasa suatu perakuan (yang boleh diberikan, ditolak, atau dibatalkan menurut budi bicaranya) oleh seseorang atau sesuatu pihak berkuasa yang dilantik di bawah peruntukan undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan pendaftaran sekolah bahawa organisasi atau persatuan itu menjadi sebahagian daripada kurikulum sesuatu sekolah; atau	

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

- (g) mana-mana sekolah, jawatankuasa pengurusan sesuatu sekolah, persatuan ibu bapa atau persatuan ibu bapa dan guru yang didaftarkan atau dikecualikan daripada pendaftaran di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang mengawal selia sekolah;’ menggantikan ““pertubohan” termasuklah mana<sup>2</sup> kelab, sharikat, perkongsian, atau persatuan tidak kira apa jua jenis atau tujuan-nya, sama ada sementara atau kekal, yang mengandungi tujuh orang atau lebih tetapi tidak termasuk—
- (a) mana<sup>2</sup> sharikat yang didaftarkan di-bawah peruntukan mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis berhubung dengan sharikat<sup>2</sup> yang pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya di-dalam Persekutuan;
- (b) mana<sup>2</sup> sharikat atau persatuan yang di-tubuhkan di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis;
- (c) mana<sup>2</sup> kesatuan sekerja yang di-daftarkan atau di-kehendaki di-daftarkan di-bawah peruntukan mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis berhubung dengan kesatuan sekerja yang pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya di-dalam Persekutuan;
- (d) mana<sup>2</sup> sharikat, persatuan atau perkongsian, dan yang di-tubuhkan bagi maksud sa-mata<sup>2</sup> untok menjalankan apa<sup>2</sup> urusan yang sah di-sisi undang<sup>2</sup> yang bertujuan supaya keuntungan di-perolehi oleh sharikat, persatuan atau perkongsian itu, atau oleh anggota<sup>2</sup> persaorangan-nya;



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(e) mana<sup>2</sup> sharikat kerjasama, yang di - d a f t a r sa-demikian itu, di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis;</p> <p>(f) mana<sup>2</sup> pertubohan atau persatuan yang berkenaan dengan-nya ada pada masa itu berjalan kuatkuasa suatu perakuan (yang boleh di-beri, tidak di-beri, atau di-batalkan menurut budibicharanya) oleh sa-saorang atau sa-suatu pihak-berkuasa yang di-lantek di-bawah peruntukan undang<sup>2</sup> bertulis yang pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya berhubong dengan pendaftaran sekolah<sup>2</sup> jika pertubohan atau persatuan itu menjadi sa-bahagian daripada bidang pelajaran bagi sa-sebuah sekolah; atau mana<sup>2</sup> sekolah, jawatan-kuasa pengurus sa-sebuah sekolah, persatuan ibu-bapa atau persatuan ibu-bapa dan guru yang di-daftarkan atau di-kechualikan daripada pendaftaran di-bawah mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> yang pada masa itu berjalan kuatkuasa-nya berkenaan dengan mengawal sekolah<sup>2</sup>;</p>	
	<p>8. Dalam takrif “pertubuhan berdaftar”, perkataan “ini” menggantikan “itu”</p>	perenggan 6(1)(iii)
	<p>9. Dalam takrif “pertubuhan faedah bersama”, perkataan “pertubuhan faedah bersama” ertinya mana-mana pertubuhan yang menurut tujuan atau kaedahnya sama ada sebagai tujuan utama atau sebagai tujuan tambahan, mengadakan peruntukan melalui yuran sukarela daripada anggota pertubuhan itu atau peyuran kepada pertubuhan itu sama ada berserta dengan bantuan derma atau tidak bagi—</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

- (a) bantuan atau nafkah anggota atau peyurannya, suami, isteri, anak, bapa, ibu, saudara lelaki, saudara perempuan, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan atau peliharaan mereka, semasa sakit atau kelemahan lain, sama ada pada badan atau otak, pada masa tua atau pada masa menjadi balu atau bagi bantuan atau nafkah anak yatim anggota atau peyuran dalam masa belum dewasa;
- (b) pembayaran wang apabila lahir anak seseorang anggota atau peyuran atau apabila mati seseorang anggota atau peyuran atau apabila mati anak, suami, isteri, ibu atau bapa, atau datuk atau nenek seseorang anggota atau peyuran atau apabila mati mana-mana orang lain atau bagi belanja pengebumian anggota atau peyuran atau anak, suami, atau isteri kepada seseorang anggota atau peyuran atau balu seseorang anggota atau peyuran yang telah mati; atau
- (c) bantuan atau nafkah anggota atau peyuran apabila menganggur atau apabila dalam keadaan menderita;’ menggantikan “‘pertubohan faedah bersama” erti-nya mana<sup>2</sup> pertubohan yang, menurut tujuan<sup>2</sup> dan atoran<sup>2</sup>-nya sama ada sa-bagai tujuan utama atau sa-bagai tujuan tambahan, ada membuat peruntukan dengan jalan yuran<sup>2</sup> sukarela daripada anggota<sup>2</sup>-nya atau peyuran<sup>2</sup>-nya sama ada beserta dengan bantuan derma atau tidak untok —

Peruntukan                      Butir-butir pindaan                      Kuasa yang meminda

- (a) bantuan atau nafkah bagi anggota<sup>2</sup> atau peyuran<sup>2</sup>-nya, suami, isteri, anak, bapa, ibu, saudara, anak saudara atau peliharaan mereka dalam masa sakit atau lain<sup>2</sup> keuzoran, sama ada badan atau otak, pada masa tua atau pada masa menjadi balu atau untuk bantuan atau nafkah bagi anak<sup>2</sup> yatim anggota<sup>2</sup> atau anak<sup>2</sup> yatim peyuran<sup>2</sup> dalam masa belum umur dewasa; atau
- (b) membayar wang apabila lahir anak sa-saorang anggota atau peyuran atau apabila mati sa-saorang anggota atau peyuran atau apabila mati anak, suami, isteri, ibu-bapa, atau nenek sa-saorang anggota atau peyuran atau apabila mati mana<sup>2</sup> orang lain atau untuk belanja kubumian anggota atau peyuran atau anak, suami, atau isteri kepada anggota atau peyuran atau balu sa-saorang anggota atau peyuran yang telah mati; atau
- (c) bantuan atau nafkah bagi anggota<sup>2</sup> atau peyuran<sup>2</sup> apabila menganggor atau apabila di-dalam keadaan menderita;'

10. Dalam takrif “pertubuhan tempatan”—

- a. perkataan “diatur” menggantikan “di-susun” perenggan 6(1)(xxa)
- b. perkataan “di Malaysia” menggantikan “di-dalam Persekutuan” perenggan 6(1)(iii)
- c. perkataan “ada” sebelum perkataan “mempunyai” ditinggalkan perenggan 6(1)(xxa)
- d. perkataan “disifatkan” menggantikan “di-sifat” perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	11. Dalam takrif “yuran”—	
	a. perkataan “aktiviti selain aktiviti” menggantikan “gerakan <sup>2</sup> , lain daripada gerakan <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xxa)
	b. perkataan “maka perkataan itu” selepas perkataan “bersama” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	c. koma selepas perkataan “bersama” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	d. perkataan “peyuran itu” menggantikan “peyurannya”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 2A(1)	1. Perkataan “Adalah” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “dalam” dimasukkan selepas perkataan “berdaftar”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “dalam mengendalikan” menggantikan “semasa menguruskan”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Koma selepas perkataan “pelaksanaan” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	5. Perkataan “menentukan bahawa perjalanan aktiviti dan pengurusan hal ehwal itu adalah” dipotong	perenggan 6(1)(xxi)
	6. Perkataan “daripada” selepas perkataan “jika mana-mana” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	7. Perkataan “apa-apa cara” menggantikan “apa jua cara”	perenggan 6(1)(xxa)
perenggan 2A(1)(a)	Perkataan “sistem pemerintahan berdemokrasi yang diketuai oleh seorang raja berperlembagaan Malaysia, dan, oleh Raja berperlembagaan atau Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri;” menggantikan “sistem pemerintahan berdemokrasi yang diketuai oleh raja yang berperlembagaan bagi Persekutuan, dan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang berperlembagaan bagi Negeri-negeri; atau”	perenggan 6(1)(iii), (xiii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
perenggan 2A(1)(b)	Perkataan “kedudukan agama Islam sebagai agama Malaysia, dengan agama lain diamalkan dengan aman dan damai;” menggantikan “kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, berserta ugama-ugama lain yang diamalkan dengan aman dan harmoni; atau”	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxi)
perenggan 2A(1)(c)	1. Perkataan “bahasa kebangsaan” menggantikan “Bahasa Kebangsaan” 2. Perkataan “atau” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxiv) perenggan 6(1)(iii)
perenggan 2A(1)(d)	1. Perkataan “anak negeri” menggantikan “bumiputra” 2. Perkataan “Negeri” sebelum perkataan “Sarawak” ditinggalkan 3. Perkataan “atau” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(iii)
perenggan 2A(1)(e)	1. Perkataan “yang” selepas perkataan “kepentingan” ditinggalkan 2. Perkataan “kaum-kaum” menggantikan “bagi masyarakat-masyarakat”	perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxi) dan (xxa)
perenggan 2A(1)(f)	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
subseksyen 2A(1)	1. Perkataan “yang” dimasukkan selepas perkataan “sebagaimana” 2. Perkataan “selepas” menggantikan “setelah” 3. Perkataan “memberi pertubuhan itu suatu peluang” menggantikan “memberi peluang kepada pertubuhan itu” 4. Perkataan “untuk” dimasukkan sebelum perkataan “membuat” 5. Perkataan “representasi” menggantikan “bantahan”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xiii) dan (xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)
subsekyen 2A(2)	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
seksyen 3	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>pegawai lain</b> ” menggantikan “ <b>lain<sup>2</sup> pegawai</b> ”	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 3(1)	Perkataan “apa-apa bilangan” menggantikan “beberapa orang”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 3(1B)	Perkataan “masing-masing” menggantikan “masing-masingnya”	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 3(2)	1. Perkataan “dalam sekshen ini” ditinggalkan 2. Perkataan “pekhidmat awam” menggantikan “penjawat awam” 3. Perkataan “[ <i>Akta 574</i> ]” dimasukkan selepas perkataan “Kanun Keseksaan”	perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 3(3)	Perkataan “Tiada apa-apa guaman boleh dibawa terhadap mana-mana pegawai awam bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati tanpa kecuaiian dan dengan tujuan menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya atau dikenakan ke atasnya oleh Akta ini.” menggantikan “Tiada-lah apa <sup>2</sup> jua guaman boleh di-bawa terhadap mana <sup>2</sup> penjawat awam kerana apa <sup>2</sup> jua yang di-lakukan atau yang di-tinggal daripada di-lakukan oleh-nya dengan suchi hati serta dengan tiada kechuaian dan bagi maksud menjalankan apa <sup>2</sup> kuasa atau bagi maksud menyempurnakan apa <sup>2</sup> kewajipan yang di-beri atau di-tanggongkan kapada-nya oleh Act ini.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 3A	1. Perkataan “diberikan” menggantikan “diberi” 2. Perkataan “di bawah Akta ini” menggantikan “di bawahnya” 3. Perkataan “sebagaimana” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 3B(1)	1. Koma dimasukkan selepas perkataan “boleh” 2. Perkataan “ini” dimasukkan selepas perkataan “Akta”	perenggan 6(1)(xvi) perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 3B(2)	Perkataan “Pewakilan” menggantikan “Sesuatu perwakilan”	perenggan 6(1)(xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 4	Dalam nota bahu—	
	a. perkataan “ <b>disifatkan</b> ” menggantikan “ <b>di-sifat</b> ”	perenggan 6(1)(xxa)
	b. perkataan “ <b>di Malaysia</b> ” menggantikan “ <b>di-dalam Persekutuan</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 4	Perkataan “Sesuatu pertubuhan hendaklah disifatkan ditubuhkan di Malaysia, walaupun ia diatur dan mempunyai ibu pejabat atau tempat utama urusannya di luar Malaysia, jika mana-mana pemegang jawatannya atau anggotanya bermastautin atau berada di Malaysia, atau jika mana-mana orang di Malaysia menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan itu atau mendapatkan atau memungut wang atau yuran bagi pihak pertubuhan itu:	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Dengan syarat bahawa tiada pertubuhan boleh disifatkan sebagai ditubuhkan sedemikian jika dan selagi—

- (a) ia diatur dan beroperasi keseluruhannya di luar Malaysia;
- (b) tiada pejabat, tempat urusan atau tempat mesyuarat disenggarakan atau digunakan di Malaysia oleh pertubuhan itu atau oleh mana-mana orang bagi pihaknya;
- (c) tiada daftar mengenai semua atau mana-mana anggota pertubuhan itu disimpan di Malaysia; dan
- (d) tiada yuran dipungut atau didapatkan di Malaysia oleh pertubuhan itu atau oleh mana-mana orang bagi pihaknya.” menggantikan “Sa-suatu pertubuhan ada-lah di-sifat sebagai di-tuboh-kan di-dalam Persekutuan, walau pun ia-nya disusun dan mempunyai ibu-pejabatnya atau tempat utama urusannya di-luar Persekutuan, jika sa-siapa jua daripada pemegang<sup>2</sup>-jawatan-nya atau anggota<sup>2</sup>-nya tinggal atau ada di-dalam Persekutuan, atau jika sa-siapa jua di-dalam Persekutuan

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

menguruskan atau menolong dalam pengurusan pertubuhan itu atau meminta atau memungut wang atau yuran bagi pehak-nya:

Dengan syarat bahawa tiada-lah apa<sup>2</sup> jua pertubuhan boleh di-sifat sa-bagai di-tubuhkan demikian itu, jika dan sa-lagi—

- (a) ia di-susun dan menjalankan gerakan-nya sa-mata<sup>2</sup> di-luar Persekutuan; dan
- (b) tiada apa<sup>2</sup> jua pejabat, tempat urusan atau tempat meshuarat di-selenggarakan atau di-gunakan di-dalam Persekutuan oleh pertubuhan itu atau oleh sa-siapa jua bagi pehak-nya; dan
- (c) tiada apa<sup>2</sup> daftar mengenai semua atau mana<sup>2</sup> daripada anggota pertubuhan itu di-simpan di-dalam Persekutuan; dan
- (d) tiada apa<sup>2</sup> yuran di-pungut atau di-minta di-dalam Persekutuan oleh pertubuhan itu atau oleh sa-siapa jua bagi pehak-nya.”

subseksyen  
5(1)

Perkataan “Sah bagi Menteri menurut budi bicaranya yang mutlak melalui perintah mengisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang mana-mana pertubuhan atau cawangan atau kelas atau perihalan mana-mana pertubuhan yang pada pendapatnya digunakan atau sedang digunakan bagi maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagian di Malaysia, ketenteraman awam atau kemoralan.” menggantikan “Maka ada-lah sah di-sisi undang<sup>2</sup> bagi Menteri, menurut budibichara-nya yang mutlak, dengan jalan perentah, mengishtiharkan sa-bagai menyalahi undang<sup>2</sup> mana<sup>2</sup> pertubuhan, chawangan atau peringkat atau jenis pertubuhan yang pada pendapat-nya, ada-lah atau sedang di-gunakan bagi maksud yang memudzaratkan atau

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	yang bertentangan dengan kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana <sup>2</sup> tempat di-dalam-nya, ketenteraman awam atau akhlak.”	
subseksyen 5(2)	Perkataan “Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah disiarkan dalam <i>Warta</i> dan hendaklah berkuat kuasa untuk membatalkan dengan serta-merta pendaftaran mana-mana pertubuhan itu, jika telah didaftarkan di bawah Akta ini; dan tiada pertubuhan yang terhadapnya sesuatu perintah telah dibuat di bawah seksyen ini boleh didaftarkan sedemikian.” menggantikan “Sa-suatu perentah yang di-buat di-bawah sekshen ini hendak-lah di-siarkan dalam <i>Warta</i> Kerajaan dan ada-lah berkuatkuasa sa-bagai membatalkan dengan serta merta pendaftaran mana <sup>2</sup> pertubohan atau pertubohan <sup>2</sup> itu, jika telah di-daftarkan di-bawah Act ini; dan tiada-lah apa <sup>2</sup> jua pertubohan yang sa-suatu perentah telah di-buat ka-atas-nya di-bawah sekshen ini boleh di-daftarkan di-bawah Act ini.”	
subseksyen 5(3)	1. Perkataan “terpakai” menggantikan “di-pakai”  2. Perkataan “terjejas oleh” menggantikan “terkena kepada”	perenggan 6(1)(xxa)  perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 6	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>bagi</b> ” menggantikan “ <b>untok</b> ”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 6(1)	Perkataan “Tiap-tiap pertubuhan tempatan, selain pertubuhan tempatan yang berkenaan dengannya suatu perintah dibuat di bawah seksyen 5 sedang berkuat kuasa, hendaklah, mengikut cara yang ditetapkan, memohon kepada Pendaftar bagi pendaftaran di bawah Akta ini.” menggantikan “Tiap <sup>2</sup> pertubohan tempatan, lain daripada pertubohan tempatan yang berkenaan dengan-nya sa-suatu perentah yang di-buat di-bawah sekshen 5 ada berjalan kuatkuasa, hendak-lah, mengikut chara yang di-tetapkan, membuat permohonan kepada Pendaftar untok pendaftaran di-bawah Act ini.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 6(2)	Perkataan “Sehingga sesuatu pertubuhan tempatan didaftarkan di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran bertulis Pendaftar, mengatur atau mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti pertubuhan atau bagi pihak pertubuhan itu, kecuali hanya untuk memohon kepada atau berutus surat dengan Pendaftar.” menggantikan “Sahingga sa-suatu pertubohan tempatan di-daftarkan di-bawah Act ini, tiadalah sa-siapa jua boleh, dengan tiada kebenaran bertulis daripada Pendaftar, menyusun atau mengambil bahagian di-dalam apa <sup>2</sup> gerakan atau bagi pehak pertubohan itu, kechuali hanya untuk memohon kapada atau untuk bersurat menyurat dengan Pendaftar.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 6(3)	Perkataan “Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan, jika kesalahan itu ialah kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas hari yang pertama.” menggantikan “Sasiapa yang melakukan pelanggaran, terhadap sekshen-kechil (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ratus ringgit bagi tiap <sup>2</sup> hari pelanggaran itu di-lanjutkan sa-lepas hari yang pertama.”	perenggan 6(1)(iii), (xxi) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)
seksyen 6A	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>dsb., berhubung</b> ” menggantikan “ <b>dsb. berhubungan</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 6A(1)	1. Perkataan “berhubung” menggantikan “berhubungan” 2. Perkataan “subseksyen 11(1), subseksyen 12(1), seksyen 49, subseksyen 50(1)” menggantikan “subseksyen (1) seksyen 11, subseksyen (1) seksyen 12, seksyen 49, subseksyen (1) seksyen 50”	perenggan 6(1)(iii) perenggan 6(1)(iii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	3. Perkataan “dalam” selepas perkataan “peruntukan lain” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	4. Perkataan “bawah Akta ini” menggantikan “bawahnya”	perenggan 6(1)(iii)
	5. Perkataan “sebagaimana” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 6A(2)	1. Perkataan “yang disebut” menggantikan “sepertimana yang disebutkan”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “gagal membekalkan” menggantikan “tidak memberi”	perenggan 6(1)(iii)
	3. Perkataan “maka” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 7	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>oleh Pendaftar</b> ” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 7(1)	Perkataan “sesuatu” dimasukkan selepas perkataan “Apabila”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 7(2)	Perkataan “Pendaftar boleh menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan tempatan jika—	
	(a) dia berpuas hati bahawa pertubuhan itu ialah cawangan mana-mana pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah perenggan 13(1)(c);	
	(b) dia tidak berpuas hati bahawa pertubuhan tempatan itu telah mematuhi peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau	
	(c) sesuatu pertikaian wujud di kalangan anggota pertubuhan tempatan itu tentang orang yang akan menjadi pemegang jawatan atau yang akan memegang atau mentadbirkan apa-apa harta pertubuhan itu sehingga pertikaian itu diputuskan oleh Mahkamah atau melalui timbang tara atau melalui perjanjian antara anggotanya atau selainnya.” menggantikan “Pendaftar boleh menolak pendaftaran sa-suatu pertubuhan tempatan jika—	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(a) ia puashati bahawa sa-suatu pertubohan ada-lah menjadi chawangan mana<sup>2</sup> pertubohan yang pendaftarannya telah di-batalkan di-bawah perenggan, (c) sekshen-kechil (1) dalam sekshen 13; atau</p> <p>(b) ia tidak puashati bahawa pertubohan tempatan itu telah menurut peruntukan Act ini dan peruntukan peratoran<sup>2</sup> yang di-buat di-bawahnya; atau</p> <p>(c) sa-suatu pertikaian berlaku di-antara anggota<sup>2</sup> pertubohan tempatan itu tentang orang<sup>2</sup> yang akan menjadi pemegang<sup>2</sup>-jawatan atau yang akan memegang atau mentadbirkan apa<sup>2</sup> harta pertubohan itu sa-hingga pertikaian itu di-putuskan oleh Mahkamah atau dengan jalan timbangtara atau dengan jalan perjanjian di-antara anggota<sup>2</sup>-nya atau dengan lain<sup>2</sup> jalan.”</p>	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 7(3)	<p>Perkataan “Pendaftar hendaklah menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan tempatan jika—</p> <p>(a) didapati oleh Pendaftar bahawa pertubuhan tempatan itu adalah menyalahi undang-undang menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau mungkin digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi apa-apa maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, keadaan baik atau kemoralan di Malaysia;</p> <p>(b) pertubuhan itu telah diisytiharkan oleh Menteri sebagai menyalahi undang-undang di bawah seksyen 5;</p> <p>(c) Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu tidak wujud;</p> <p>(d) nama yang dengannya pertubuhan itu hendak didaftarkan—</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) didapati oleh Pendaftar akan mengelirukan atau dikira akan mengelirukan orang awam tentang sifat atau maksud pertubuhan itu yang sebenarnya atau hampir menyerupai nama pertubuhan lain sehingga boleh memperdayakan orang awam atau anggota salah satu pertubuhan itu;</li> <li>(ii) adalah serupa dengan nama mana-mana pertubuhan tempatan lain yang sedia ada; atau</li> <li>(iii) adalah, pada pendapat Pendaftar, tidak diingini; atau</li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(e) perlembagaan atau kaedah-kaedah pertubuhan itu tidak mengandungi peruntukan bagi segala perkara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau, jika pertubuhan itu ialah suatu pertubuhan faedah bersama, perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua atau apa-apa perkara lain yang semunasabahnya dikehendaki oleh Pendaftar.” menggantikan “Pendaftar hendak-lah menolak pendaftaran sa-suatu pertubuhan tempatan jika—</li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(a) pada pendapat-nya bahawa pertubuhan tempatan itu ada-lah menyalahi undang<sup>2</sup> menurut peruntukan Act ini atau mana<sup>2</sup> lain undang<sup>2</sup> bertulis atau bahawa ia-nya mungkin di-gunakan bagi maksud<sup>2</sup> yang menyalahi undang<sup>2</sup> atau bagi apa<sup>2</sup> maksud yang memudzaratkan atau yang bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, ketenteraman atau akhlak di-dalam Persekutuan;</li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(b) pertubuhan itu telah di-ishtiharkan oleh Menteri sa-bagai menyalahi undang<sup>2</sup> menurut sekshen 5;</li> </ul>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(c) Pendaftar puashati bahawa pertubuhan itu tidak ada; atau</li> </ul>	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(d) nama yang dengan-nya pertubohan itu akan di-daftarkan—</p> <p style="padding-left: 40px;">(i) pada pendapat Pendaftar akan mengelirukan atau di-kira akan mengelirukan orang<sup>2</sup> awam tentang chorak atau maksud pertubohan itu yang sa-benar-nya atau ada-lah sa-bagitu hamper sa-rupa dengan nama lain<sup>2</sup> pertubohan hingga mungkin memperdayakan orang<sup>2</sup> awam atau anggota<sup>2</sup> mana<sup>2</sup> satu pertubohan itu; atau</p> <p style="padding-left: 40px;">(ii) ada-lah sama dengan nama mana<sup>2</sup> lain pertubohan tempatan yang ada; atau</p> <p style="padding-left: 40px;">(iii) ada-lah, pada pendapat Pendaftar, tidak di-ingini;</p> <p>(e) perlembagaan atau atoran<sup>2</sup> pertubohan itu tidak mengandongi peruntokan<sup>2</sup> bagi segala hal yang di-terangkan di-dalam Jadual 1 dalam Act ini atau, jika pertubohan itu ia-lah suatu pertubohan faedah bersama, bagi segala hal yang di-terangkan dalam Jadual 2 atau bagi lain<sup>2</sup> hal yang menasabah boleh di-minta oleh Pendaftar.”</p>	
subseksyen 7(4)	1. Perkataan “maka” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “terpakai” menggantikan “di-pakai”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 7(5)	1. Perkataan “adalah” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “boleh” ditukar tempat selepas perkataan “kesalahan dan”	perenggan 6(1)(xiii) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)
	3. Perkataan “didenda tidak melebihi” menggantikan “boleh dikenakan denda tidak lebih daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
seksyen 8	1. Koma dimasukkan selepas perkataan “perakuan itu hendaklah”	perenggan 6(1)(xvi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	2. Perkataan “hendaklah” selepas perkataan “perakuan itu” ditukarkan tempat dan diletakkan sebelum perkataan “menjadi keterangan”	perenggan 6(1)(xiii)
	3. Perkataan “jika” dimasukkan selepas perkataan “melainkan”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “keterangan konklusif” menggantikan “keterangan mu’tamad”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “didaftarkan dengan sewajarnya” menggantikan “sempurna di-daftarkan”	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 8A	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Liabiliti</b> ” menggantikan “ <b>Tanggungan</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 8A(1)	Dibahagikan kepada perenggan (1) (a) dan (b) dan subseksyen (2) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(iii), (xii), (xv) dan (xxiv)
subseksyen 8A(2)	Dinomborkan semula sebagai subseksyen (3) dan dibahagikan kepada perenggan (a) dan (b) dengan perubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(iii), (xii), (xv) dan (xxiv)
seksyen 9	1. Dalam nota bahu, perkataan “ <b>terpakai</b> ” menggantikan “ <b>di-pakai</b> ”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi pertubuhan berdaftar:	perenggan 6(1)(iii), (xii) dan (xxa)
	(a) harta alih bagi sesuatu pertubuhan, jika tidak terletak hak pada pemegang amanah, hendaklah disifatkan terletak hak pada masa itu pada badan pengelola pertubuhan itu, dan boleh, dalam semua prosiding sivil dan jenayah, diperihalkan sebagai harta badan pengelola pertubuhan itu dengan gelaran badan pengelola pertubuhan itu yang betul jika diketahui;	
	(b) harta tak alih bagi sesuatu pertubuhan boleh, jika tidak didaftarkan atas nama pemegang amanah, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, didaftarkan atas nama	

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

pertubuhan itu, dan segala surat cara yang berhubungan dengan harta itu adalah sah dan berkuat kuasa seolah-olah surat cara itu telah disempurnakan oleh seorang pemunya berdaftar dengan syarat bahawa surat cara itu disempurnakan oleh tiga orang pemegang jawatan pertubuhan itu yang ada pada masa itu, dan pelantikan mereka adalah disahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar, dan dimeteraikan dengan meterai pertubuhan itu;

- (c) sesuatu pertubuhan boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya atas nama mana-mana seorang daripada anggotanya sebagaimana yang dinyatakan kepada Pendaftar dan didaftarkan oleh Pendaftar sebagai pegawai awam pertubuhan itu bagi maksud itu, dan, sekiranya tiada seorang seperti itu didaftarkan, adalah kompeten bagi mana-mana orang yang mempunyai suatu tuntutan atau permintaan terhadap pertubuhan itu untuk membawa guaman terhadap pertubuhan itu atas nama mana-mana pemegang jawatan pertubuhan itu;
- (d) tiada guaman atau prosiding oleh atau terhadap suatu pertubuhan berdaftar dalam mana-mana mahkamah sivil boleh terhenti atau diberhentikan disebabkan oleh orang yang membawa atau yang terhadapnya guaman atau prosiding itu dibawa atau diteruskan, meninggal dunia atau tidak lagi memegang jawatan yang atas namanya dia telah membawa guaman atau dibawa guaman, tetapi guaman atau prosiding yang sama boleh diteruskan atas nama pengganti, atau terhadap pengganti orang itu;



Peruntukan Butir-butir pindaan Kuasa yang meminda

- (e) tiada penghakiman dalam apa-apa guaman terhadap suatu pertubuhan berdaftar boleh dikuatkuasakan terhadap orang atau harta orang yang dibawa guaman itu kecuali terhadap harta pertubuhan itu;
- (ea) permohonan bagi pelaksanaan suatu penghakiman hendaklah mengandungi penghakiman itu, fakta pihak yang terhadapnya penghakiman itu telah didapati yang telah membawa guaman atau dibawa guaman, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi pihak pertubuhan itu, dan hendaklah menghendaki supaya penghakiman itu dikuatkuasakan terhadap harta pertubuhan itu;
- (f) mana-mana anggota yang—
  - (i) gagal membayar yuran yang, mengikut kaedah-kaedah pertubuhan yang dia menjadi anggota, dia terikat untuk membayar;
  - (ii) terhutang wang kepada pertubuhan;
  - (iii) mengambil milik atau menahan, apa-apa harta pertubuhan berlawanan dengan kaedah-kaedah pertubuhan itu; atau
  - (iv) merosakkan atau memusnahkan apa-apa harta pertubuhan itu,

boleh dibawa guaman bagi yuran atau wang atau bagi kerosakan yang timbul daripada perbuatan memiliki secara salah, menahan, merosakkan atau memusnahkan harta itu:

Dengan syarat bahawa sekiranya defendan berjaya dalam guaman itu dan diawardkan kos, defendan boleh memilih untuk menuntut kos itu daripada pegawai yang atas namanya guaman itu telah dibawa atau daripada pertubuhan dan sekiranya daripada pertubuhan, dia boleh mendapat pelaksanaan terhadap harta pertubuhan itu;

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

- (g) mana-mana anggota yang —
- (i) mencuri, atau menyalahgunakan dengan curang atau menjadikan untuk kegunaannya sendiri, apa-apa wang atau harta lain pertubuhan itu;
  - (ii) dengan sengaja dan niat jahat memusnahkan atau merosakkan apa-apa harta pertubuhan; atau
  - (iii) memalsukan apa-apa surat ikatan, bon, cagaran untuk wang, resit atau surat cara lain yang mendedahkan dana pertubuhan kepada kerugian, bolehlah didakwa dan dihukum seolah-olah dia bukan seorang anggota; dan
- (h) jika tiada apa-apa peruntukan yang tertentu dalam kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan, apa-apa bilangan yang tidak kurang daripada tiga perlima daripada bilangan anggota bagi mana-mana pertubuhan itu yang pada masa itu bermastautin di Malaysia boleh memutuskan supaya pertubuhan itu dibubarkan dengan serta-merta atau pada masa yang dipersetujui, dan segala langkah yang perlu hendaklah diambil untuk melupuskan dan menyelesaikan harta pertubuhan itu, tuntutan dan liabilitinya, mengikut kaedah-kaedah, jika ada, pertubuhan yang tersebut itu yang berkenaan dengannya dan jika tiada kaedah-kaedah sedemikian, hendaklah mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh badan pengelolanya:

Dengan syarat bahawa jika apa-apa pertikaian timbul di kalangan anggota badan pengelola atau anggota pertubuhan itu di bawah perenggan (h), pertikaian itu boleh diputuskan oleh Pendaftar; dan mana-mana orang yang terkilan

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

dengan apa-apa keputusan Pendaftar di bawah perenggan ini boleh dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Mahkamah.” menggantikan “Peruntukan<sup>2</sup> yang berikut hendak-lah di-pakai<sup>2</sup> bagi pertubuhan<sup>2</sup> berdaftar—

- (a) harta yang boleh di-aleh bagi sa-suatu pertubuhan, jika sa-kira-nya tidak terletak di-tangan pemegang<sup>2</sup> amanah, hendak-lah pada masa itu di-sifatkan terletak di-tangan badan pengelola pertubuhan itu, dan di-dalam segala pembicharaan, civil dan jenayah, boleh-lah di-sebut sa-bagai harta badan pengelola pertubuhan itu atas nama badan pengelola pertubuhan itu yang betul, jika diketahui;
- (b) harta yang tak boleh di-aleh bagi sa-suatu pertubuhan boleh, jika sa-kira-nya tidak didaftarkan atas nama pemegang<sup>2</sup> amanah, walau pun ada peruntukan undang<sup>2</sup> bertulis yang berlawanan, di-daftarkan atas nama pertubuhan itu, dan segala suratchara yang berkaitan dengan harta itu adalah sah dan berkuatkuasa sa-olah<sup>2</sup> suratchara<sup>2</sup> itu telah di-sempurnakan oleh sa-orang tuanpunya berdaftar dengan syarat bahawa suratchara<sup>2</sup> itu ada-lah di-sempurnakan oleh tiga orang pemegang-jawatan pertubuhan itu, yang ada pada masa itu dan perlantekan mereka ada-lah di-sahkan oleh suatu perakuan daripada Pendaftar, dan di-meterikan dengan meteri pertubuhan itu;
- (c) sa-suatu pertubuhan boleh menda’awa atau di-da’awa atas nama mana<sup>2</sup> sa-orang daripada anggota<sup>2</sup>-nya sa-bagaimana yang di-nyatakan kepada Pendaftar dan di-daftarkan oleh-nya sabagai pegawai awam pertubuhan itu bagi maksud itu, dan, sa-kira-nya tiada, sa-saorang saperti itu di-daftarkan, maka berhak-lah bagi sa-saorang yang

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

ada mempunyai sa-suatu tuntutan atau permintaan terhadap pertubohan itu menda'awa pertubohan itu atas nama mana<sup>2</sup> pemegang-jawatan pertubohan itu;

- (d) tiada-lah apa<sup>2</sup> jua guaman atau pembicharaan yang di-bawa oleh atau terhadap sa-suatu pertubohan berdaftar dalam mana<sup>2</sup> mahkamah civil boleh terhenti atau tertahan sa-mata<sup>2</sup> oleh sebab orang yang membawa atau yang terhadap-nya di-bawa guaman atau pembicharaan itu telah mati atau tidak lagi memegang jawatan yang atas nama-nya ia telah menda'awa atau di-da'awa, akan tetapi guaman atau pembicharaan itu hendak-lah di-teruskan atas nama pengganti atau terhadap pengganti orang itu;
- (e) (i) tiada-lah apa<sup>2</sup> jua hukuman dalam mana<sup>2</sup> guaman yang tersebut itu atau terhadap sa-suatu pertubohan berdaftar boleh di-kuatkuasakan terhadap orang atau harta orang yang di-da'awa kechuali terhadap harta pertubohan itu;
- (ii) permohonan untuk pelaksanaan hendak-lah mengandongi hukuman itu, nama pehak yang terhadap-nya hukuman itu telah di-dapati yang telah menda'awa atau yang telah di-da'awa, mengikut mana yang berkenaan, bagi pehak pertubohan itu, dan hendak-lah meminta supaya hukuman itu di-kuatkuasakan terhadap harta pertubohan itu;
- (f) mana<sup>2</sup> anggota yang—
- (i) tidak membayar yuran yang ia terpaksa membayar mengikut atoran<sup>2</sup> pertubohan yang ia menjadi anggota;
- (ii) terhutang wang kepada pertubohan;
- (iii) mengambil milek atau menahan apa<sup>2</sup> harta pertubohan berlawanan dengan atoran<sup>2</sup>-nya; atau

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

- (iv) membenchna atau membinasakan apa<sup>2</sup> harta pertubohan,

boleh, mengikut chara yang diperuntokkan dahulu daripada ini, dida'awa kerana yuran atau wang itu atau kerana kerosakan yang timbul daripada perbuatan memileki, menahan, membenchna atau membinasakan dengan salahnya harta itu;

Dengan syarat bahawa sa-kiranya orang yang kena tuntutan itu berjaya dalam guaman itu dan di-hukum di-beri belanja, ia boleh memoleh sama ada menuntut belanja itu daripada pegawai yang atas namanya guaman itu telah di-bawa atau daripada pertubohan, dan sa-kiranya daripada pertubohan, ia boleh mendapat pelaksanaan terhadap harta pertubohan;

- (g) mana<sup>2</sup> anggota yang —

- (i) melakukan churian, atau yang menyalahgunakan dengan churang atau menjadikan untuk penggunaan-nya sendiri, apa<sup>2</sup> wang atau lain<sup>2</sup> harta;
- (ii) dengan bersengaja atau jahat membinasa atau membenchnakan apa<sup>2</sup> harta pertubohan; atau
- (iii) memalsukan apa<sup>2</sup> surat-ikatan, bon, chagaran untuk wang, resit atau lain<sup>2</sup> suratchara dan dengan demikian itu mungkin merugikan kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubohan,

boleh-lah kena di-da'awa dan disiksa sa-olah<sup>2</sup> ia bukan sa-orang anggota; dan

- (h) jika tiada apa<sup>2</sup> peruntukan yang tertentu dalam atoran<sup>2</sup> sa-suatu pertubohan, maka sa-bilangan yang tidak kurang daripada tiga per lima daripada bilangan anggota<sup>2</sup> bagi mana<sup>2</sup>

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

pertubuhan itu yang pada masa itu tinggal di-dalam Persekutuan boleh memutuskan supaya pertubuhan itu di-bubarkan dengan serta merta atau pada sa-suatu masa yang di-persetujui, dan segala langkah yang perlu hendak-lah di-ambil untuk melepaskan dan menyelesaikan harta pertubuhan itu, tuntutan<sup>2</sup> dan tanggungan<sup>2</sup>-nya, mengikut atoran<sup>2</sup> (jika ada) pertubuhan yang tersebut itu yang berkenaan dengan-nya dan jika sa-kira-nya tidak ada, maka hendak-lah mengikut sa-bagaimana yang di-arahkan oleh badan pengelola-nya:

Dengan syarat bahawa jika apa<sup>2</sup> pertikaian timbul di-antara ahli<sup>2</sup> badan pengelola yang tersebut itu atau anggota<sup>2</sup> pertubuhan itu di-bawah perenggan (*h*) dalam seksyen ini, maka pertikaian itu boleh-lah di-putuskan oleh Pendaftar. Mana<sup>2</sup> orang yang mushkil tentang apa<sup>2</sup> keputusan Pendaftar di-bawah perenggan ini boleh-lah, dalam masa tiga puloh hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Mahkamah.”

## seksyen 9A

Dalam nota bahu—

- a. perkataan “**Kehilangan**” menggantikan “**Hilang**” perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
- b. perkataan “**yang**” dimasukkan selepas perkataan “**kelayakan**” perenggan 6(1)(iii)

## subseksyen 9A(1)

Perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (4), seseorang hendaklah hilang kelayakan daripada menjadi, dan tidak boleh menjadi atau terus menjadi, pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar—

- (a) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan terhadap Akta ini;
- (b) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain dan dihukum denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun;

perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b), subperenggan 6(1)(i) (aa), perenggan 6(1) (xv) dan perenggan 6(1)(xvi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(c) jika ada dikuatkuasakan terhadapnya apa-apa perintah tahanan, sekatan, pengawasan atau pengusiran di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan atau ketenteraman awam di Malaysia atau mana-mana bahagiannya, atau berhubungan dengan pencegahan jenayah, tahanan pencegahan atau imigresen;	
	(d) jika dia seorang bankrap belum lepas; atau	
	(e) jika dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal.” menggantikan “Tertakluk kepada seksyen kecil (2) dan (4), seseorang adalah hilang kelayakan daripada menjadi, dan tidak boleh menjadi atau terus menjadi, pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar—	
	(a) jika ia telah disabit melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini; atau	
	(b) jika ia telah disabitkan melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain dan telah dijatuhkan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun; atau	
	(c) jika ada dikuatkuasakan terhadapnya apa-apa perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri, atau pengusiran di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau berhubungan dengan pencegahan jenayah, tahanan kerana keselamatan, kediaman terhad, buang negeri atau imigresen; atau	
	(d) jika ia adalah ialah sibankrap yang belum dilepaskan; atau	
	(e) jika ia adalah dan telah didapati atau ditetapkan sebagai tak sempurna akal.”	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 9A(2)	Perkataan “Kehilangan kelayakan seseorang di bawah perenggan (1)(b) hendaklah terhenti pada akhir tempoh lima tahun bermula dari tarikh orang yang disabitkan itu dilepaskan daripada jagaan atau tarikh yang denda yang disebut dikenakan, mengikut mana-mana yang berkenaan.” menggantikan “Hilang kelayakan bagi seseorang di bawah perenggan (b) seksyen kecil (1) adalah terhenti apabila tamat tempoh lima tahun mulai tarikh orang yang disabitkan itu dilepaskan dari jagaan atau tarikh denda yang disebut dikenakan, mengikut mana yang berkenaan.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
subseksyen 9A(3)	Perkataan “Jika Pendaftar, melalui notis yang ditandatangani sendiri olehnya memberitahu sesuatu pertubuhan bahawa mana-mana pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan telah hilang kelayakan di bawah subseksyen (1), pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta menguatkuasakan kehilangan kelayakan itu.” menggantikan “Jika Pendaftar melalui notis di bawah tandatangannya memberitahu sesuatu pertubuhan bahawa mana-mana pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan telah hilang kelayakan di bawah seksyen kecil (1), pertubuhan itu hendaklah serta-merta selepas itu melaksanakan hilang kelayakan itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
subseksyen 9A(4)	Perkataan “Mana-mana orang yang tertakluk kepada apa-apa kehilangan kelayakan di bawah perenggan (1)(a), (b) atau (c) boleh memohon kepada Pendaftar supaya dikecualikan daripada pemakaian kehilangan kelayakan itu, dan Pendaftar boleh, jika difikirkannya adalah patut berbuat demikian, memberi pengecualian kepadanya bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pendaftar dan tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan, terma atau syarat yang diputuskan untuk dikenakan olehnya.” menggantikan “Mana-mana orang yang tertakluk	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>kepada apa-apa hilang kelayakan di bawah perenggan (a), (b) atau (c) seksyen kecil (1) boleh memohon kepada Pendaftar supaya dikecualikan daripada terpakainya hilang kelayakan itu, dan Pendaftar boleh, jika difikirkannya adalah patut berbuat demikian, memberi apa-apa pengecualian kepadanya bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pendaftar dan tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan, had atau syarat yang diputuskan untuk dikenakan olehnya.”</p>	
subseksyen 9A(6)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “terma” menggantikan “had”</li> <li>2. Perkataan “adalah” ditinggalkan</li> <li>3. Perkataan “boleh” dimasukkan selepas perkataan “kesalahan dan”</li> <li>4. Perkataan “dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi” menggantikan “bolehlah dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada”</li> <li>5. Koma selepas perkataan “tiga tahun” dan “sepuluh ribu ringgit” ditinggalkan</li> <li>6. Perkataan “didenda tidak melebihi” menggantikan “denda tidak lebih daripada”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>subperenggan 6(1)(iv)(b)</p> <p>subperenggan 6(1)(iv)(b)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>subperenggan 6(1)(iv)(b)</p>
subseksyen 9A(7)	<p>Perkataan “Bagi maksud subseksyen (1), “pemegang jawatan” termasuklah—</p> <p>(a) anggota mana-mana jawatankuasa kecil atau badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pengelola sesuatu pertubuhan berdaftar, atau oleh badan pengelola cawangan pertubuhan itu;</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

- (b) mana-mana orang yang sedikit sebanyak bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal atau perjalanan apa-apa aktiviti sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan itu; dan
- (c) mana-mana orang yang dilantik atau diberi kuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara, selain seseorang yang bukan anggota pertubuhan itu, diambil bekerja oleh pertubuhan itu untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atas sifat profesionalnya atau melalui perkiraan kontrak.” menggantikan “Bagi maksud-maksud seksyen kecil (1), “pemegang jawatan” termasuklah—
- (a) ahli mana-mana jawatankuasa kecil atau badan-badan lain yang ditubuhkan atau dibentuk oleh badan pengelola sesuatu pertubuhan berdaftar, atau oleh badan pengelola cawangan pertubuhan itu;
- (b) seseorang yang sedikit sebanyak bertanggungjawab atas pengurusan apa-apa hal-ehwal, atau perjalanan apa-apa aktiviti, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu; dan
- (c) seseorang yang dilantik atau diberikuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara, lain daripada seseorang yang, tidak menjadi ahli pertubuhan itu, diambil bekerja oleh pertubuhan itu untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atas sifat profesionalnya atau mengikut perkiraan kontrak.”

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 9A(8)	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
seksyen 10	Dalam nota bahu, perkataan <b>“Pemeriksaan dokumen dan nilai keterangan salinan yang diperakui oleh Pendaftar”</b> menggantikan <b>“Pemereksaan suratan<sup>2</sup> dan kedudukan di-sisi keterangan bagi salinan<sup>2</sup> yang di-perakui oleh Pendaftar”</b>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 10(1)	Perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (2), dokumen yang difailkan dengan Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan apa-apa salinan bagi mana-mana perakuan, perintah, notis atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini boleh, apabila fi yang ditetapkan dibayar—  (a) diperiksa oleh mana-mana orang; atau  (b) didapatkan oleh mana-mana orang daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar:  Dengan syarat bahawa orang yang meminta pemeriksaan atau salinan itu menyatakan maksud yang dia berkehendakkannya dan Pendaftar berpuas hati bahawa maksud itu ialah suatu maksud sah, dan bahawa pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.” menggantikan “Tertakluk kepada subseksyen (2), dokumen-dokumen yang difailkan dengan Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dan apa-apa salinan mana-mana perakuan, perintah, notis atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar menurut mana-mana peruntukan Akta ini	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya boleh, dengan membayar fee yang ditetapkan—</p> <p>(a) diperiksa oleh mana-mana orang; atau</p> <p>(b) didapatkan satu salinannya oleh mana-mana orang daripada Pendaftar atau Penolong Pendaftar:</p> <p>Dengan syarat bahawa orang yang meminta pemeriksaan atau salinan itu menyatakan maksud yang dia berkehendakkannya, dan Pendaftar berpuas hati bahawa maksud itu adalah suatu maksud yang menurut undang-undang, dan bahawa pemeriksaan atau salinan itu tidak diminta oleh atau bagi pihak suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.”</p>	
subseksyen 10(2)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “dari” ditinggalkan</li> <li>2. Perkataan “mana” ditinggalkan</li> <li>3. Perkataan “sesuatu” menggantikan “suatu”</li> <li>4. Perkataan “suatu salinan akaun itu” menggantikan “satu salinannya”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p>
subseksyen 10(3)	<p>Perkataan “Suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa dokumen yang diterima di pejabat Pendaftar atau Penolong Pendaftar yang diperakui sebagai salinan atau cabutan yang benar yang ditandatangani dan dimeterai oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding sebagai sama sahnyanya dengan dokumen asal.” menggantikan “Sa-suatu salinan atau chabutan daripada apa<sup>2</sup> surat yang di-terima di-pejabat Pendaftar atau Penolong Pendaftar, yang di-perakui sa-bagai salinan atau chabutan yang benar dengan tandatangan dan meteri Pendaftar atau Penolong Pendaftar, hendak-lah di-terima dalam keterangan dalam mana<sup>2</sup> pembicharaan sa-bagai sama sah-nya dengan surat asal-nya.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 11(1)	1. Perkataan “Tiada” menggantikan “Tiada-lah sa-suatu”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “tanpa” menggantikan “dengan tiada”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “kelulusan” menggantikan “kebenaran”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “bagi” menggantikan “untuk”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Koma dimasukkan selepas perkataan “perubahan”	perenggan 6(1)(xvi)
	6. Perkataan “untuk” menggantikan “hendak”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 11(2)	Perkataan “Jika sesuatu pertubuhan berdaftar tidak mematuhi seksyen ini, pertubuhan itu dan tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.” menggantikan “Jika sa-suatu pertubohan berdaftar tidak menurut seksyen ini, maka pertubohan itu dan tiap <sup>2</sup> pemegang-jawatan pertubohan itu ada-lah melakukan suatu kesalahan terhadap Act ini dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada tiga ribu ringgit.”	perenggan 6(1)(iii) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)
subseksyen 11(3)	Perkataan “Bagi maksud seksyen ini— (a) ungkapan “pinda” dan ungkapan seasalnya hendaklah termasuk sesuatu kaedah-kaedah baharu dan sesuatu ketetapan yang membatalkan sesuatu kaedah-kaedah; dan (b) ungkapan “kaedah-kaedah” termasuklah matlamat dan tujuan yang kerananya sesuatu pertubuhan ditubuhkan, atau yang ia berusaha hendak meneruskan, atau yang kerananya kumpulan wangnya, atau mana-mana daripadanya, boleh digunakan, kelayakan bagi menjadi anggota dan bagi memegang apa-apa jawatan, kaedah pelantikan atau pemilihan bagi apa-apa jawatan,	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>kaedah-kaedah yang dengannya pertubuhan itu akan ditadbirkan dan kaedah dan cara bagaimana mana-mana perkara di atas itu boleh dipinda.” menggantikan “Bagi maksud<sup>2</sup> seksyen ini—</p> <p>(a) perkataan “pinda” dan perkataan yang sa-umpama-nya termasuk sa-satu atoran baharu dan sa-satu ketetapan membatalkan sa-satu atoran; dan</p> <p>(b) perkataan “atoran<sup>2</sup>” termasuk maksud<sup>2</sup> dan tujuan<sup>2</sup> yang kerana-nya sa-satu pertubuhan di-tubuhkan atau yang ia berusaha hendak menchapai, atau yang kerana-nya kumpulan<sup>2</sup>-wang-nya, atau mana<sup>2</sup> daripada-nya, boleh di-gunakan, kelayakan<sup>2</sup> bagi menjadi anggota dan bagi memegang apa<sup>2</sup> jawatan, kaedah perlantekan atau pemilehan bagi apa<sup>2</sup> jawatan, atoran<sup>2</sup> yang dengan-nya pertubuhan itu akan di-kelolai dan kaedah dan chara bagaimana sa-satu hal yang di-atas itu boleh di-pinda.”</p>	
seksyen 11A	Ditinggalkan	subperenggan (6)(1)(i)(aa)
subseksyen 12(1)	Perkataan “Tiada pertubuhan berdaftar boleh menubuhkan sesuatu cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar.” menggantikan “Tiada-lah sa-satu pertubuhan berdaftar boleh menubuhkan sa-satu chawangan dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 12(2)	1. Perkataan “enggan” menggantikan “tidak”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “keizinan bagi” menggantikan “kebenaran kepada”	perenggan 6(1)(xxa)
perenggan 12(2)(a)	1. Perkataan “mengadakan” menggantikan “ada membuat”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “bagi penubuhan” menggantikan “untuk menubuhkan”	perenggan 6(1)(xxa)
perenggan 12(2)(b)	Perkataan “kawalan” menggantikan “kelolaan”	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 12(3)	Perkataan “Jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan suatu cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Pendaftar, cawangan yang ditubuhkan sedemikian hendaklah menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang:” menggantikan “Jika sa-suatu pertubohan berdaftar menubuhkan suatu chawangan dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar maka chawangan yang di-tubuhkan demikian itu hendak-lah menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang:”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 12(3) - Proviso	Perkataan “Dengan syarat bahawa sesuatu cawangan bagi sesuatu pertubuhan berdaftar yang ditubuhkan dan yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini tidaklah menjadi suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang jika dalam tempoh enam bulan dari permulaan kuat kuasa Akta ini atau apa-apa tempoh yang dilanjutkan, yang tidak lebih daripada tiga bulan, sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar, pertubuhan berdaftar itu membuat permohonan kepada Pendaftar secara bertulis bagi kelulusannya di bawah seksyen ini; dan dalam menimbangkan permohonan itu Pendaftar hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2).” menggantikan “Dengan syarat bahawa sa-suatu chawangan bagi sa-suatu pertubohan berdaftar yang di-tubuhkan dan yang ada wujud sa-jurus sa-belum berkuatkuasanya Act ini tidak-lah menjadi suatu pertubohan yang menyalahi undang <sup>2</sup> jika dalam tempoh enam bulan daripada berkuatkuasanya Act ini atau daripada apa <sup>2</sup> tempoh yang di-lanjutkan, yang tidak lebeh daripada tiga bulan, sa-bagaimana yang di-benarkan oleh Pendaftar, pertubohan berdaftar itu membuat permohonan kepada Pendaftar dengan bertulis untok kebenaran-nya di-bawah sekshen ini; dan bagi menimbangkan permohonan ini Pendaftar ada-lah di-beri segala kuasa yang di-beri kepadanya oleh sekshen-kechil (2).”	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 12(4)	Perkataan “Peruntukan Akta ini, selain subseksyen 6(1), dan seksyen 7 dan 8, hendaklah terpakai bagi mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang diluluskan di bawah seksyen ini seolah-olah cawangan itu ialah suatu pertubuhan berdaftar di bawah peruntukan Akta ini, sebagaimana pertubuhan yang ia menjadi cawangan itu.” menggantikan “Peruntukan Act ini, lain daripada sekshen 6(1), 7 dan 8 hendaklah di-pakai bagi mana <sup>2</sup> chawangan sesuatu pertubuhan berdaftar yang dibenarkan di-bawah sekshen ini sa-olah <sup>2</sup> chawangan itu ada-lah suatu pertubuhan berdaftar di-bawah peruntukan Act ini sa-bagaimana jua pertubuhan yang ia menjadi chawangan itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 12(5)	1. Perkataan “termasuklah” menggantikan “ada-lah termasuk” 2. Perkataan “mengikut apa-apa cara” menggantikan “dengan apa <sup>2</sup> jalan pun”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 12(6)	1. Perkataan “diberikan” menggantikan “diberi” 2. Perkataan “memberikan pelanjutan” menggantikan “memberi perlanjutan”	perenggan 6(1)(iii) perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 13(1)	Perkataan “Tertakluk kepada subseksyen (2), Pendaftar boleh, dalam hal yang berikut, membatalkan pendaftaran mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah seksyen 7: (a) apabila pertubuhan dibubarkan oleh pertubuhan berdaftar itu yang hendaklah ditentusahkan mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Pendaftar atau apabila dibubarkan oleh Pendaftar mengikut Akta ini; (b) atas perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5; (c) jika Pendaftar berpuas hati— (i) bahawa pendaftaran itu telah dibuat disebabkan oleh fraud atau kesilapan atau salah nyataan mengenai apa-apa butir yang material;	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(ii) bahawa pertubuhan berdaftar itu mungkin digunakan bagi maksud yang menyalahi undang-undang atau bagi maksud yang memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan, kebajikan, keadaan baik atau kemoralan di Malaysia;	
	(iii) bahawa pertubuhan berdaftar itu meneruskan tujuan selain tujuan yang pertubuhan berdaftar itu didaftarkan;	
	(iv) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah dengan sengaja melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedahnya atau bahawa mana-mana anggota pertubuhan berdaftar itu telah pada lazimnya melanggar peruntukan subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [ <i>Akta 15</i> ] melalui apa-apa perbuatan atau sebutan yang baginya perenggan 3(1)(f) Akta itu terpakai;	
	(v) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak lagi wujud;	
	(vi) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak mematuhi sesuatu perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen 13A;	
	(vii) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak mematuhi peruntukan seksyen 2A;	
	(viii) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah melanggar peruntukan seksyen 52; atau	

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

- (ix) bahawa pertubuhan berdaftar itu telah tidak mematuhi notis yang disampaikan oleh Pendaftar di bawah subseksyen 16(1); dan
- (d) apabila pertubuhan berdaftar itu menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang di bawah subseksyen 14(7) kerana gagal memberikan maklumat bertulis.” menggantikan “Terta’alok kepada sekshen-kechil (2), Pendaftar boleh, dalam hal<sup>2</sup> yang berikut, membatalkan pendaftaran mana<sup>2</sup> pertubuhan yang di-daftarkan di-bawah sekshen 7—
- (a) apabila pertubuhan di-bubarkan oleh pertubuhan itu dan pembubaran itu di-sahkan mengikut chara sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Pendaftar atau apabila pertubuhan itu di-bubarkan oleh Pendaftar mengikut Act ini;
- (b) atas perentah yang di-buat oleh Menteri di-bawah sekshen 5;
- (c) jika Pendaftar puashati—
  - (i) bahawa pendaftaran-nya telah di-laksanakan oleh sebab tipuan atau kekhilafan atau salah nyataan mengenai apa-apa butir yang material;
  - (ii) bahawa pertubuhan itu mungkin di-gunakan bagi maksud<sup>2</sup> yang menyalahi undang<sup>2</sup> atau bagi maksud<sup>2</sup> yang memudzaratkan atau yang bertentangan dengan keamanan, kebajikan, ketenteraman atau akhlak di-dalam Persekutuan;
  - (iii) bahawa pertubuhan itu ada-lah berusaha hendak menchapai tujuan<sup>2</sup> lain daripada tujuan<sup>2</sup> yang ia di-daftarkan;

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(iv) bahawa pertubuhan itu telah bersengaja melanggar mana<sup>2</sup> peruntukan Act ini atau peruntukan mana<sup>2</sup> peratoran yang di-buat di-bawah-nya atau di-bawah mana<sup>2</sup> atoran-nya atau bahawa mana<sup>2</sup> ahli pertubuhan itu telah pada lazim-nya melanggar peruntukan seksyen 4(1) Akta Asutan, 1948 dengan apa<sup>2</sup> perbuatan atau sebutan yang bagi-nya di-pakai seksyen 3(1)(f) Akta itu;</p> <p>(v) bahawa pertubuhan itu telah tidak ada lagi;</p> <p>(vi) bahawa pertubuhan itu telah tidak mematuhi sa-suatu perintah yang di-buat oleh-nya di-bawah seksyen 13A;</p> <p>(vii) bahawa pertubuhan itu telah tidak mematuhi peruntukan seksyen 2A;</p> <p>(viii) bahawa pertubuhan itu telah melanggar peruntukan seksyen 52; atau</p> <p>(ix) bahawa pertubuhan itu telah tidak mematuhi notis yang diberikan olehnya di bawah seksyen-kecil (1) seksyen 16; dan</p> <p>(d) apabila pertubuhan itu menjadi pertubuhan yang menyalahi undang<sup>2</sup> di-bawah seksyen 14(7) kerana tidak memberikan ma'alumat bertulis.”</p>	
subseksyen 13(2)	<p>1. Perkataan “untuk” menggantikan “hendak”</p> <p>2. Perkataan “perenggan (1)(c)” menggantikan “perenggan (c) seksyen-kecil (1),”</p>	<p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p>
perenggan 13(2)(a)	Perkataan “untuk” menggantikan “hendak”	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
perenggan 13(2)(b)	Perkataan “masa” menggantikan “tempoh”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 13(2A)	1. Koma dimasukkan selepas perkataan “boleh”	perenggan 6(1)(xvi)
	2. Perkataan “perenggan (2)(b)” menggantikan “perenggan (b) seksyen-kecil (2)”	perenggan 6(1)(iii)
	3. Perkataan “aktiviti” menggantikan “kegiatan”	perenggan 6(1)(xxa)
subperenggan 13(2A)(a)(i) dan (ii)	Perkataan “demi” menggantikan “bagi”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 13(2A)(b)	1. Perkataan “dalam” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “di bawah Akta ini” menggantikan “di bawahnya”	perenggan 6(1)(iii)
	3. Perkataan “peraturan-peraturan” dan “kaedah-kaedah” menggantikan “peraturan” dan “aturan” masing-masing	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 13(2B)(a)	Perkataan “suai manfaat” menggantikan “mustahak”	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
perenggan 13(2B)(b)	Perkataan “sehingga” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
subseksyen 13(2c)	1. Perkataan “membantu” menggantikan “menolong”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “adalah” sebelum perkataan “melakukan” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “boleh,” dimasukkan selepas perkataan “kesalahan dan”	subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xiii)
	4. Perkataan “didenda tidak melebihi” menggantikan “boleh dikenakan denda tidak lebih daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
	5. Perkataan “didenda secara harian tidak melebihi” menggantikan “dikenakan denda harian tidak lebih daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
subseksyen 13(3)	1. Perkataan “dalam” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	2. Perkataan “maka peruntokan” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “terpakai” menggantikan “di-pakai”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “Warta” menggantikan “Warta Kerajaan”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxi)
seksyen 13A	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>berkenaan dengan</b> ” menggantikan “ <b>mengenai</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 13A(1)	Perkataan “Jika Pendaftar berpuas hati bahawa adalah perlu berbuat demikian demi kepentingan mana-mana pertubuhan berdaftar, atau demi kepentingan ketenteraman awam, kesejahteraan awam atau keselamatan awam atau selainnya demi kepentingan awam, Pendaftar boleh pada bila-bila masa, selepas memberi pertubuhan itu suatu peluang membuat representasi kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis—” menggantikan “Jika Pendaftar berpuas hati bahawa adalah perlu berbuat demikian bagi kepentingan mana-mana pertubuhan berdaftar, atau bagi kepentingan ketenteraman awam, keamanan atau keselamatan, atau selainnya bagi kepentingan awam, Pendaftar boleh pada bila-bila masa, setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu membuat bantahan kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis—”	perenggan 6(1)(xxa)
perenggan 13A(1)(a)	Perkataan “menghendaki pertubuhan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, mengadakan peruntukan dalam kaedah-kaedah atau perlembagaannya bahawa pemegang jawatan pertubuhan itu hendaklah merupakan warganegara, dan, seterusnya, menghendaki pertubuhan itu supaya memecat daripada jawatan semua orang, yang bukan warganegara, yang merupakan pemegang jawatan pertubuhan itu sebaik sebelum perintah itu dibuat; atau” menggantikan “menghendaki pertubuhan itu, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu, mengadakan peruntukan dalam kaedah-kaedah	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	atau perlembagaannya menetapkan bahawa pemegang-pemegang jawatan pertubuhan itu hendaklah warganegara Persekutuan, dan, oleh sebab itu, menghendaki pertubuhan itu supaya memecat semua orang yang, bukan warganegara Persekutuan, menjadi pemegang jawatan pertubuhan itu sebelum sahaja perintah itu dibuat; atau”	
perenggan 13A(1)(b)	1. Koma dimasukkan selepas perkataan “komunikasi”	perenggan 6(1)(xvi)
	2. Perkataan “apa-apa jua” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Koma dimasukkan selepas perkataan “urusan lain”	perenggan 6(1)(xvi)
	4. Koma selepas perkataan “organisasi” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	5. Perkataan “atau badan lain” menggantikan “atau mana-mana jua badan yang lain”	perenggan 6(1)(xxi)
	6. Perkataan “atau selainnya” menggantikan “mahupun sebaliknya”	perenggan 6(1)(xxa)
	7. Perkataan “di” dimasukkan selepas perkataan “selainnya”	perenggan 6(1)(xv)
	8. Perkataan “negara” menggantikan “negeri”	perenggan 6(1)(xxa)
	9. Noktah menggantikan perkataan “; atau” selepas perkataan “Malaysia”	perenggan 6(1)(xvi)
perenggan 13A(1)(c)	Perenggan (c) ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
subseksyen 13A(2)	Perkataan “Pendaftar boleh pada bila-bila masa, selepas memberi pertubuhan berdaftar suatu peluang untuk membuat representasi kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis menghendaki pertubuhan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, meminda kaedah-kaedah atau perlembagaannya supaya—” menggantikan “Pendaftar boleh pada bila-bila masa, setelah memberi peluang kepada pertubuhan berdaftar supaya membuat bantahan kepadanya, membuat perintah secara	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	bertulis menghendaki pertubuhan itu, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu, meminda kaedah-kaedah atau perlembagaannya supaya—”	
perenggan 13A(2)(a)	1. Perkataan “kaedah-kaedah atau perlembagaan itu” dimasukkan sebelum perkataan “menuruti”	perenggan 6(1)(xv)
	2. Perkataan “selaras dengan dan mengikut” menggantikan “sesuai dan selaras dengan,”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “peraturan-peraturan” menggantikan “peraturan”	perenggan 6(1)(iii)
	4. Perkataan “di bawah Akta ini” menggantikan “di bawahnya; atau”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
perenggan 13A(2)(b)	Perkataan “menghapuskan apa-apa ketaksaan atau kekaburan, atau memperuntukkan maksud yang lebih jelas dan tepat dalam mana-mana peruntukan; atau” menggantikan “menghapuskan apa-apa ketaksaan atau kesamaran yang terdapat dalamnya, atau menerangkan dengan lebih jelas dan tepat lagi makna dalam mana-mana peruntukannya; atau”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 13A(2)(c)	Perkataan “memperuntukkan apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Pendaftar perlu, munasabah atau suai manfaat untuk dikehendaki.” menggantikan “mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu, munasabah atau mustahak diadakan oleh Pendaftar.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
subseksyen 13A(3)	1. Koma selepas perkataan “subseksyen (1) atau (2)” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	2. Perkataan “dia” menggantikan “ia”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “ke” dimasukkan selepas perkataan “memasukkan”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “selepas membuat perintah itu” menggantikan “selepas itu”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “berhubung” menggantikan “berhubungan”	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Perkataan “suai manfaat untuk” menggantikan “mustahak”	perenggan 6(1)(xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	7. Perkataan “diberikan” menggantikan “diberi”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 13A(4)	1. Perkataan “atas” menggantikan “sebaik sahaja”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “yang” dimasukkan selepas perkataan “bertulis”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “masa” menggantikan “tempoh”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “kepada” menggantikan “bagi”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “dia” menggantikan “ia”	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Perkataan “memberikan” menggantikan “memberi”	perenggan 6(1)(xxa)
	7. Perkataan “patut dan wajar diberikan” menggantikan “wajar dan patut diberi”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 13A(5)	1. Perkataan “termasuklah” menggantikan “termasuk”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “perenggan 9A(7)(a) dan (b)” menggantikan “perenggan (a) dan (b) seksyen kecil (7) seksyen 9A”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 13A(7)	1. Perkataan “diberikan” menggantikan “diberi”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “adalah” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “boleh” dimasukkan selepas perkataan “kesalahan dan”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
	4. Perkataan “dipenjarakan” menggantikan “bolehlah dikenakan penjara”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
	5. Perkataan “tidak melebihi” menggantikan “tidak lebih daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
	6. Perkataan “didenda tidak melebihi” menggantikan “denda tidak lebih daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
seksyen 14	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Maklumat yang kena diberikan oleh pertubuhan, dsb.</b> ” menggantikan “ <b>Ma’lumat yang kena di-beri oleh pertubohan<sup>2</sup>, perintah Pendaftar supaya ma’lumat di-beri, Pendaftar meluluskan odit dan perintah sementara untuk pembubaran</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 14(1)	<p>Perkataan “Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah, mengemukakan kepada Pendaftar dalam masa enam puluh hari selepas mengadakan mesyuarat agung tahunannya atau jika tiada mesyuarat agung tahunan diadakan, dalam masa enam puluh hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar, mengemukakan kepada Pendaftar—</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	<p>(a) suatu salinan yang benar dan lengkap bagi apa-apa pindaan kepada kaedah-kaedah pertubuhan itu yang dibuat sejak tarikh pendaftaran atau tarikh penyata terakhir;</p> <p>(b) suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan dan bilangan anggota pertubuhan itu yang bermastautin atau yang berada di Malaysia pada tarikh penyata itu atau, jika pertubuhan itu tiada pemegang jawatan yang bermastautin atau yang berada di Malaysia, nama, alamat dan pekerjaan orang di Malaysia yang diberi kuasa untuk bertindak untuk atau bagi pihak pertubuhan itu dan bilangan anggotanya seperti yang disebut terdahulu bersama-sama dengan suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan bagi semua cawangan, jika ada, pertubuhan itu;</p> <p>(c) alamat atau tempat urusan pertubuhan itu;</p> <p>(d) akaun bagi tahun kewangan terakhir bagi pertubuhan itu bersama-sama dengan kunci kira-kira yang menunjukkan kedudukan kewangan pada penutup tahun kewangan terakhir bagi pertubuhan itu;</p> <p>(da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di</p>	

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

luar Malaysia yang dengannya pertubuhan itu mengikut apa-apa cara bersekutu atau bergabung;

- (db) perihal apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau kelebihan kewangan yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau apa-apa organisasi, pihak berkuasa, kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.” menggantikan “Tiap<sup>2</sup> pertubuhan berdaftar hendak-lah menghantar-kan kepada Pendaftar dalam masa enam puluh hari sa-lepas mengadakan meshuarat agong tahunan-nya atau sa-kira-nya tiada sa-suatu meshuarat agong di-adakan, dalam tempoh enam puluh hari selepas berakhirnya setiap tahun kalendar—
- (a) suatu salinan yang benar dan lengkap bagi apa<sup>2</sup> pindaan kepada atoran<sup>2</sup> pertubuhan itu yang di-buat semenjak tarikh pendaftaran atau semenjak tarikh penyata yang akhir;
- (b) suatu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang<sup>2</sup>-jawatan dan bilangan anggota<sup>2</sup> pertubuhan itu yang tinggal atau yang ada di-dalam Persekutuan pada tarikh penyata itu atau, sa-kira-nya pertubuhan itu tiada sa-orang jua pun pemegang-jawatan yang tinggal atau yang ada di-dalam Persekutuan, nama, ‘alamat dan pekerjaan orang atau orang<sup>2</sup> di-dalam Persekutuan yang berkuasa menjalankan kerja untok atau bagi pihak pertubuhan itu, dan bilangan anggota<sup>2</sup> sa-

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>bagaimana yang tersebut di-atas itu bersama dengan suatu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang<sup>2</sup>-jawatan bagi segala chawangan (jika ada) pertubuhan itu;</p> <p>(c) ‘alamat pertubuhan itu atau ‘alamat tempat urusan pertubuhan itu;</p> <p>(d) kira<sup>2</sup> bagi tahun kewangan yang akhir bagi pertubuhan itu, bersama dengan suatu kunchi kira<sup>2</sup> menunjukkan kedudukan kewangan pada penghujung tahun kewangan yang akhir bagi pertubuhan itu;</p> <p>(da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, di luar Persekutuan yang dengannya pertubuhan itu dengan apa-apa cara bersekutu atau bergabung;</p> <p>(db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan pekuniari yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau suatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia; dan</p> <p>(e) apa<sup>2</sup> lain ma’lumat sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Pendaftar dari sa-masa ka-semasa.”</p>	
subseksyen 14(2)	<p>Perkataan “Pendaftar boleh, pada bila-bila masa melalui notis yang ditandatangani sendiri olehnya, memerintahkan mana-mana pertubuhan berdaftar supaya memberikan kepadanya secara bertulis—</p> <p>(a) suatu salinan yang benar dan lengkap kaedah-kaedah mana-mana pertubuhan itu yang berkuat kuasa pada tarikh perintah itu;</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

- (b) suatu senarai yang benar dan lengkap pemegang jawatan dan anggota bagi mana-mana pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu yang bermastautin atau yang berada di Malaysia pada tarikh perintah itu;
- (c) suatu penyata yang benar dan lengkap bilangan mesyuarat yang telah diadakan oleh mana-mana pertubuhan itu atau cawangan pertubuhan itu di Malaysia dalam tempoh enam bulan sebaik sebelum perintah itu dengan menyatakan tempat mesyuarat itu diadakan;
- (d) akaun yang telah diaudit dengan sewajarnya;
- (da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, di luar Malaysia yang bergabung dengan pertubuhan itu dan butir-butir lain yang berhubungan dengan pertubuhan itu;
- (db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau kelebihan kewangan yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau apa-apa organisasi, pihak berkuasa, kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia dan butir-butir lain yang berhubungan dengan pertubuhan itu; atau
- (e) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar dari semasa ke semasa.” menggantikan “Pendaftar boleh, pada bila<sup>2</sup> masa dengan jalan notis yang di-tandatangani-nya, memerintah mana<sup>2</sup> pertubohan berdaftar supaya memberi kepada-nya dengan bertulis—

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(a) suatu salinan yang benar dan lengkap mengenai atoran <sup>2</sup> mana <sup>2</sup> pertubuhan itu yang berjalan kuatkuasa pada tarikh perintah itu;	
	(b) suatu senarai yang benar dan lengkap mengenai pemegang <sup>2</sup> -jawatan dan anggota <sup>2</sup> bagi mana <sup>2</sup> pertubuhan itu atau bagi mana <sup>2</sup> chawangan pertubuhan itu, yang tinggal atau yang ada di-dalam Persekutuan pada tarikh perintah itu;	
	(c) suatu penyata yang benar dan lengkap berkenaan dengan bilangan meshuarat <sup>2</sup> yang diadakan oleh pertubuhan itu atau chawangan-nya di-dalam Persekutuan dalam masa enam bulan sa-belum daripada perintah itu menyatakan tempat atau tempat <sup>2</sup> di-mana meshuarat <sup>2</sup> itu telah di-adakan;	
	(d) kira <sup>2</sup> yang telah sempurna di-odit;	
	(da) nama dan alamat mana-mana pertubuhan, persatuan, kesatuan sekerja atau mana-mana kumpulan orang lain, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, di luar Persekutuan yang bergabung dengan pertubuhan itu dan butir-butir lain yang berhubungan dengannya itu;	
	(db) perihalan apa-apa wang atau harta, apa-apa faedah atau keuntungan pekuniari yang diterima oleh pertubuhan itu daripada mana-mana orang yang lazimnya bermastautin di luar Malaysia atau suatu organisasi, pihak berkuasa, kerajaan, atau agensi mana-mana kerajaan, di luar Malaysia dan butir-butir lain yang berhubungan dengannya itu; atau	
	(e) apa <sup>2</sup> lain ma'alumat sa-bagaimana yang kehendaki oleh Pendaftar dari sa-masa ka-semasa.”	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 14(3)	Perkataan “Suatu perintah yang diberikan di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan masa, yang tidak kurang daripada tujuh hari, yang dalam masa itu maklumat itu hendaklah dibekalkan:” menggantikan “Sa-suatu perentah yang di-beri di-bawah sekshen-kechil (2) dalam sekshen ini hendak-lah menyatakan tempoh (yang tidak kurang daripada tujuh hari) ma’lumat itu di-kehendaki di-beri:”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 14(3) - Proviso	Perkataan “Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh menurut budi bicaranya, apabila permohonan dibuat kepadanya dan ditunjukkan sebab yang baik, memberikan pelanjutan masa.” menggantikan “Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, menurut budi-bichara-nya, apabila permohonan di-buat kapada-nya dengan menunjokkan sebab <sup>2</sup> yang chukup, membenarkan sa-suatu lanjutan masa.”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 14(4)	Perkataan “Bagi maksud seksyen ini, “telah diaudit dengan sewajarnya” ertinya telah diaudit oleh seorang juruaudit yang diluluskan oleh Pendaftar, yang boleh memberikan kelulusan secara amnya atau bagi mana-mana audit tertentu; dan juruaudit yang diluluskan itu hendaklah membuat laporan tentang akaun yang diperiksa olehnya mengikut apa-apa bentuk yang dikehendaki oleh Pendaftar.” menggantikan “Bagi maksud sekshen ini “telah sempurna di-odit” erti-nya telah di-odit oleh sa-orang juru odit yang diluluskan oleh Pendaftar, dan kelulusan itu boleh di-beri oleh Pendaftar pada ‘amnya atau untok sa-suatu odit yang tertentu; dan juru odit yang di-luluskan demikian itu hendak-lah membuat suatu penyata atas kira <sup>2</sup> yang telah di-pereksa oleh-nya mengikut bentok sabagai yang di-kehendaki oleh Pendaftar.”	perenggan 6(1)(iii), (xvi) dan (xxa)
subseksyen 14(5)	Perkataan “Jika butir-butir yang dikehendaki diberikan di bawah subseksyen (2) tidak diberikan dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, atau apa-apa	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>pelanjutan masa yang dibenarkan oleh Pendaftar, Pendaftar boleh membuat suatu perintah sementara bagi pembubaran pertubuhan itu.” menggantikan “Jika butir<sup>2</sup> yang di-kehendaki di-beri di-bawah seksyen-kechil (2) tidak di-beri dalam tempoh yang di-nyatakan dalam perintah itu, atau dalam tempoh sa-suatu lanjutan masa yang di-benarkan oleh Pendaftar, maka Pendaftar boleh-lah membuat suatu perintah sementara bagi membubarkan pertubuhan itu.”</p>	
subseksyen 14(6)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “diberikan” menggantikan “di-beri”</li> <li>2. Perkataan “diberikan sedemikian” menggantikan “ada-lah di-beri”</li> <li>3. Perkataan “maka” ditinggalkan</li> <li>4. Perkataan “boleh” menggantikan “boleh-lah”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxa)</p>
subseksyen 14(7)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Koma dimasukkan selepas perkataan “itu”</li> <li>2. Koma selepas perkataan “atau” ditinggalkan</li> <li>3. Perkataan “yang belum selesai” dimasukkan selepas perkataan “sesuatu rayuan”</li> <li>4. Perkataan “maka” ditinggalkan</li> <li>5. Perkataan “yang tersebut” ditinggalkan</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xvi) perenggan 6(1)(xvi) perenggan 6(1)(xv) perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxi)</p>
subseksyen 14(8)	<p>Perkataan “Sesuatu pertubuhan berdaftar yang, atas alasan kegagalannya mematuhi suatu perintah di bawah seksyen ini, telah dibatalkan pendaftarannya di bawah seksyen 13 tidak berhak memohon bagi pendaftaran sehingga perintah itu telah dipatuhi atau melainkan jika dibuktikan hingga memuaskan hati Pendaftar bahawa adalah mustahil untuk mematuhi perintah itu.” menggantikan “Sa-suatu pertubuhan berdaftar yang telah di-batal-kan pendaftaran-nya di-bawah seksyen 13 oleh kerana</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	ia tidak menurut sa-suatu perintah di-bawah sekshen ini tidak-lah berhak membuat permohonan untok pendaftaran sa-hingga perintah itu telah di-turut atau melainkan jika dibuktikan hingga memuaskan hati Pendaftar bahawa tak mungkin dapat menuruti perintah itu.”	
seksyen 15	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>membekalkan</b> ” menggantikan “ <b>memberi</b> ”	perenggan 6(1) dan (xxa)
subseksyen 15(1)	1. Perkataan “dalam Act ini” ditinggalkan 2. Perkataan “menguruskan atau membantu” menggantikan “mengurus atau menolong” 3. Perkataan “di Malaysia” menggantikan “di dalam Persekutuan”	perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 15(1) - Proviso	1. Perkataan “itu” selepas perkataan “pemegang jawatan” ditinggalkan 2. Perkataan “orang lain” menggantikan “mana <sup>2</sup> orang yang tersebut di atas” 3. Perkataan “terikat sedemikian” menggantikan “di-ikat demikian itu” 4. Perkataan “jika” dimasukkan selepas perkataan “melainkan” 5. Perkataan “diberikan” menggantikan “di-beri”	perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 15(1A)	1. Perkataan “telah terhenti” menggantikan “tidak lagi” 2. Perkataan “sesuatu” menggantikan “suatu” 3. Perkataan “menyerahkan” menggantikan “menyampaikan” 4. Koma dimasukkan selepas perkataan “pertubuhan berdaftar itu” 5. Koma selepas perkataan “atau” ditinggalkan 6. Perkataan “menghantarnya” menggantikan “menghantarkannya itu”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xvi) perenggan 6(1)(xvi) perenggan 6(1)(xxa)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	7. Perkataan “gagal berbuat demikian boleh” menggantikan “tidak berbuat demikian bolehlah”	perenggan 6(1)(xxa)
	8. Perkataan “didenda tidak melebihi” menggantikan “dikenakan denda tidak lebih daripada”	subperenggan 6(1)(iv)(b)
subseksyen 15(2)	Perkataan “Jika mana-mana pertubuhan berdaftar tidak mematuhi kesemua atau sebahagian daripada apa-apa perintah yang diberikan di bawah seksyen 14, setiap orang yang disebut dalam subseksyen (1) yang telah disampaikan dengan perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit melainkan jika dia membuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa dia telah menjalankan usaha yang wajar dan tidak dapat mematuhi perintah itu kerana sebab yang di luar kawalannya.” menggantikan “Jika mana <sup>2</sup> pertubuhan berdaftar tidak menurut kesemua atau mana <sup>2</sup> bahagian daripada apa <sup>2</sup> perintah yang di-beri di-bawah seksyen 14 dalam Act ini, maka tiap <sup>2</sup> sa-orang yang tersebut dalam seksyen-kecil (1) yang telah di-sampaikan perintah yang tersebut di-atas ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit melainkan jika ia menunjukkan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa ia telah menjalankan usaha yang samestinya dan telah tidak dapat menurut perintah itu kerana sebab <sup>2</sup> yang tidak dapat di-kawal-nya.”	perenggan 6(1)(iii) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)
subseksyen 15(3)	Perkataan “Jika apa-apa maklumat yang dibekalkan kepada Pendaftar bagi mematuhi suatu perintah yang diberikan di bawah seksyen 14 adalah palsu, tidak betul atau tidak lengkap tentang mana-mana butir yang material, orang yang telah membekalkan maklumat itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

melebihi dua ribu ringgit melainkan jika dia membuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa dia mempunyai sebab yang baik untuk mempercayai bahawa maklumat itu adalah benar, betul dan lengkap.” menggantikan “Jika apa<sup>2</sup> ma’lumat yang di-berikan kepada Pendaftar bagi menurut sa-suatu perintah yang di-beri di-bawah seksyen 14 ada-lah palsu, tidak betul atau tidak lengkap tentang mana<sup>2</sup> butir yang mustahak, maka orang yang memberikan ma’lumat itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabit-kan, boleh-lah dikenakan denda tidak lebeh daripada dua ribu ringgit melainkan jika ia menunjokkan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa ia ada sebab<sup>2</sup> yang chukup bagi memperchayai bahawa ma’lumat itu ada-lah benar, betul dan lengkap.”

subseksyen  
16(1)

Perkataan “Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pertikaian telah berlaku di kalangan anggota atau pemegang jawatan sesuatu pertubuhan berdaftar yang akibatnya Pendaftar tidak berpuas hati mengenai identiti orang yang telah dilantik dengan sepatutnya sebagai pemegang jawatan pertubuhan itu, Pendaftar boleh menyampaikan notis kepada pertubuhan itu yang menghendaki pertubuhan itu, dalam masa satu bulan dari tarikh notis itu disampaikan, supaya mengemukakan kepadanya keterangan mengenai penyelesaian pertikaian itu dan mengenai pelantikan yang sepatutnya bagi pemegang jawatan yang sah bagi pertubuhan itu atau permulaan prosiding yang telah diambil bagi menyelesaikan pertikaian itu.” menggantikan “Jika Pendaftar berpendapat bahawa sa-suatu pertikaian telah berlaku di-antara anggota<sup>2</sup> atau pemegang<sup>2</sup>-jawatan sa-suatu pertubuhan berdaftar dan oleh sebab itu Pendaftar tidak puashati tentang siapa-kah yang telah di-lantek dengan betul-nya sa-bagai pemegang-jawatan pertubuhan itu, maka Pendaftar boleh menyampaikan notis kepada pertubuhan

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>itu menghendaki pertubuhan itu, dalam masa sa-bulan dari tarikh notis itu di-sampaikan, supaya menunjokkan kapada-nya keterangan<sup>2</sup> mengenai penyelesaian sa-suatu pertikaian itu dan mengenai perlantekan yang betul di-buat bagi pemegang<sup>2</sup>-jawatan yang sah di-sisi undang<sup>2</sup> bagi pertubuhan itu atau mengenai langkah<sup>2</sup> pembicharaan yang telah di-ambil untuk menyelesaikan pertikaian itu.”</p>	
<p>subseksyen 16(2)</p>	<p>Perkataan “Jika mana-mana notis yang diperuntukkan dalam subseksyen (1) tidak dipatuhi hingga memuaskan hati Pendaftar dalam tempoh satu bulan atau apa-apa pelanjutan tempoh yang dibenarkan oleh Pendaftar, Pendaftar boleh mengambil langkah untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah seksyen 13.” menggantikan “Jika mana<sup>2</sup> notis sa-bagaimana yang di-peruntokkan oleh sekshen-kechil (1) tidak di-turut hingga memuaskan hati Pendaftar dalam tempoh sa-bulan atau dalam sa-suatu masa lanjutan yang di-benarkan oleh Pendaftar, maka Pendaftar boleh-lah mengambil langkah untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah seksyen 13.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>
<p>seksyen 17</p>	<p>Dalam nota bahu, perkataan “<b>Akta ini</b>” menggantikan “<b>sekshen 13 atau 16</b>”</p>	<p>perenggan 6(1)(xxi)</p>
<p>subseksyen 17(1)</p>	<p>Perkataan “Apabila sesuatu perintah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5 atau apabila Pendaftar menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan tempatan di bawah seksyen 7, atau apabila pendaftaran sesuatu pertubuhan berdaftar dibatalkan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, akibat yang berikut hendaklah berlaku:</p> <p>(a) harta pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta terletak hak sama ada pada Ketua Pengarah Insolvensi atau jika mana-mana pegawai lain, mengikut terma perintah di bawah seksyen 5, dilantik oleh Menteri bagi</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan itu, harta pertubuhan itu hendaklah dengan serta-merta terletak hak pada pegawai itu;

- (b) Ketua Pengarah Insolvensi atau pegawai lain itu hendaklah meneruskan penggulungan hal ehwal pertubuhan itu dan, setelah menyelesaikan dan mengadakan peruntukan bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan itu dan kos bagi penggulungan itu hendaklah membayarkan aset lebihan pertubuhan itu, jika ada—
- (i) ke dalam Kumpulan Wang Disatukan jika pendaftaran itu telah ditolak atau dibatalkan menurut kuasa perintah di bawah seksyen 5 atau atas alasan yang dinyatakan dalam perenggan 7(3)(a) atau subperenggan 13(1)(c) (ii) atau jika anggota pertubuhan itu meminta sedemikian, dan Menteri mengarahkan sedemikian supaya aset lebihan itu dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan; dan
  - (ii) dalam segala hal lain, kepada anggota pertubuhan mengikut kaedah-kaedah pertubuhan itu, atau jika tiada kaedah-kaedah sedemikian, maka Ketua Pengarah Insolvensi atau pegawai lain itu hendaklah menyediakan suatu skim bagi penggunaan aset lebihan itu untuk kelulusan Mahkamah Tinggi;
- (c) permohonan bagi kelulusan skim itu hendaklah dibuat melalui saman pemula dan boleh dipinda oleh Mahkamah mengikut cara yang difikirkannya patut mengikut hal keadaan kes itu;

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(d) apabila kelulusan Mahkamah terhadap skim atau skim yang dipinda itu diperoleh, aset lebihan itu, yang menjadi subjek skim itu hendaklah dipegang dan digunakan oleh Ketua Pengarah Insolvency atau pegawai lain itu mengikut terma dan bagi maksud yang ditetapkan dalam perintah Mahkamah itu; dan</p> <p>(e) bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan itu, Ketua Pengarah Insolvency atau pegawai lain itu hendaklah mempunyai segala kuasa yang terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvency melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebangkrapan bagi maksud penemuan dan penyelesaian harta seseorang penghutang, dan juga apa-apa kuasa yang melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat yang terletak hak pada pelikuidasi rasmi dan segala peruntukan undang-undang tersebut yang berhubungan dengan kebangkrapan dan penggulungan syarikat, setakat yang peruntukan itu berhubung dengan penemuan dan penyelesaian harta seseorang penghutang dan penggulungan sesuatu syarikat, hendaklah <i>mutatis mutandis</i>, terpakai bagi penggulungan hal ehwal pertubuhan itu di bawah Akta ini.” menggantikan “Apabila sa-suatu perintah di-buat oleh Menteri di-bawah seksyen 5 atau apabila Pendaftar menolak pendaftaran sa-suatu pertubuhan tempatan di-bawah seksyen 7, atau apabila pendaftaran sa-suatu pertubuhan berdaftar di-batalkan di-bawah mana-mana peruntukan Akta ini, maka hendaklah terbit akibat<sup>2</sup> yang berikut—</p>	

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

- (a) harta pertubuhan itu hendak-lah serta merta terletak di-tangan Pegawai Muflis atau, jika sa-kira-nya mana<sup>2</sup> pegawai lain, sa-bagaimana yang tersebut dalam perintah yang di-buat di-bawah seksyen 5, di-lantek oleh Menteri bagi maksud menyelesaikan urusan hal ehwal pertubuhan itu, maka harta pertubuhan itu hendak-lah serta merta terletak di-tangan pegawai itu;
- (b) Pegawai Muflis atau pegawai lain yang tersebut di-atas itu hendak-lah mengambil langkah bagi menyelesaikan urusan hal ehwal pertubuhan itu dan, sa-telah menunaikan dan mengadakan peruntukan bagi segala hutang dan tanggungan pertubuhan itu dan belanja<sup>2</sup> bagi menyelesaikan urusan itu, hendak-lah membayarkan harta pertubuhan yang lebeh itu, jika ada—
- (i) Kepada Kumpulan Wang Disatukan jika pendaftaran telah ditolak atau dibatalkan menurut kuasa suatu perintah di bawah seksyen 5 atau atas alasan-alasan yang dinyatakan dalam seksyen 7(3)(a) atau 13(1)(c) (ii) atau jika anggota-anggota pertubuhan itu meminta sedemikian, dan Menteri mengarahkan sedemikian supaya aset yang berlebihan itu dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan;
- (ii) dalam segala hal lain, kepada a n g g o t a - a n g g o t a pertubuhan mengikut kaedah-kaedah pertubuhan itu, atau jika tidak ada

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

kaedah-kaedah sedemikian, maka Pegawai Pemegang Harta atau mana-mana pegawai lain hendaklah menyediakan suatu skim bagi penggunaan aset yang lebih itu untuk kelulusan Mahkamah Tinggi;

- (c) permohonan untuk kelulusan rancangan itu hendaklah dibuat dengan jalan saman yang memulakan dan boleh dipinda oleh Mahkamah sebagaimana yang difikirkannya patut mengikut keadaan halnya;
- (d) apabila kelulusan Mahkamah tentang rancangan itu atau rancangan yang dipinda itu telah didapati, maka harta yang lebih itu yang menjadi perkara rancangan itu hendaklah dipegang dan digunakan oleh Pegawai Muflis atau oleh pegawai lain sebagaimana yang tersebut di atas mengikut syarat<sup>2</sup> dan bagi maksud<sup>2</sup> yang ditetapkan dalam perintah Mahkamah itu; dan
- (e) bagi maksud menyelesaikan urusan hal ehwal pertubuhan itu, Pegawai Muflis atau pegawai lain sebagaimana yang tersebut di atas adalah diberi segala kuasa yang terletak di tangan Pegawai Muflis menurut mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis berhubung dengan kemuflian bagi maksud mengetahui dan mendapati harta<sup>2</sup> sa-saorang yang berhutang, dan juga apa<sup>2</sup> kuasa sebagaimana yang terletak di tangan pembubar rasmi, menurut mana<sup>2</sup> undang<sup>2</sup> bertulis berhubung dengan sharikat<sup>2</sup> dan segala peruntukan undang<sup>2</sup> yang tersebut itu berhubung dengan kemuflian dan penyelesaian urusan sharikat<sup>2</sup> sa-takat mana peruntukan itu berhubung dengan mengetahui

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>dan mendapati harta<sup>2</sup> sa-saorang yang berhutang dan dengan penyelesaian urusan sa-suatu sharikat, hendak-lah <i>mutatis mutandis</i>, di-pakai bagi menyelesaikan hal ehwal pertubuhan itu di-bawah Act ini.”</p>	
subseksyen 17(2)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Koma selepas perkataan “boleh” ditinggalkan</li> <li>2. Perkataan “mana” selepas perkataan “setakat” ditinggalkan</li> <li>3. Perkataan “suai manfaat” menggantikan “patut”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p>
subseksyen 17(3)	<p>Perkataan “Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi boleh menghendaki atau membenarkan badan pengelola pertubuhan itu, yang merupakan badan pengelola yang wujud sebaik sebelum mula berkuat kuasanya subseksyen (1) berhubung dengan pertubuhan itu, atau mana-mana anggota badan pengelola itu, atau mana-mana orang yang telah ketika itu atau pada bila-bila masa dahulunya menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, untuk memberikan kepada Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi, apa-apa maklumat berhubung dengan harta, hal ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan itu, atau apa-apa perkara lain yang berhubung dengan pertubuhan itu, yang mungkin dikehendaki bagi maksud seksyen ini, dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (4), badan pengelola itu, atau anggota badan pengelola itu, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, tidaklah oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan olehnya menurut kehendak atau kebenaran itu melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dengan syarat perkara itu dilakukan selainnya menurut undang-undang.” menggantikan “Pendaftar atau Pegawai</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>



Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

Pemegang Harta boleh menghendaki atau membenarkan badan pengelola pertubuhan itu, yang merupakan badan pengelola yang wujud sebelum sahaja mula berkuatkuasanya subseksyen (1) berhubung dengan pertubuhan itu, atau mana-mana anggota badan pengelola itu, atau mana-mana orang yang telah ketika itu atau pada bila-bila masa dahulunya menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, supaya memberi kepada Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, mengikut mana yang berkenaan, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, apa-apa maklumat berhubung dengan harta, hal-ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan itu, atau apa-apa perkara lain yang berhubung dengan pertubuhan itu, yang mungkin dikehendaki bagi maksud-maksud seksyen ini, dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (4), badan pengelola itu, atau anggotanya, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, tidaklah oleh sebab apa-apa jua perkara yang dilakukan olehnya menurut kehendak atau pembenaran itu, melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dengan syarat perkara itu adalah sebaliknya dilakukan menurut undang-undang.”

subseksyen  
17(4)

Perkataan “Jika badan pengelola pertubuhan itu, atau mana-mana anggota tertentu badan pengelola itu, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, pada bila-bila masa sebelum mula berkuatkuasanya subseksyen (1) berhubung dengan pertubuhan itu, tidak mematuhi apa-apa kehendak Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen (3), atau melakukan apa-apa perkara di luar bidang, atau berlawanan dengan, apa-apa kebenaran Pendaftar atau Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen (3), setiap anggota badan

perenggan 6(1)(iii)  
dan subperenggan  
6(1)(iv)(b)

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

pengelola itu, atau anggota tertentu badan pengelola itu, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Jika badan pengelola pertubuhan itu, atau mana-mana anggotanya yang tertentu, atau mana-mana orang yang telah menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu pada bila-bila masa sebelum mula berkuatkuasanya subseksyen (1) berhubungan dengan pertubuhan itu, tidak mematuhi apa-apa kehendak Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (3), atau melakukan apa-apa jua perkara di luar bidang, atau yang berlawanan dengan, apa-apa pembenaran Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (3), setiap anggota badan pengelola itu, atau anggotanya yang tertentu itu, atau pemegang jawatan, anggota atau pekerja itu, mengikut mana yang berkenaan, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.”

subseksyen  
17(5)

1. Perkataan “disebut” menggantikan “tersebut”
2. Perkataan “perenggan 9A(7)(a), (b) dan (c)” menggantikan “perenggan (a), (b) dan (c) subseksyen (7) seksyen 9A”

perenggan 6(1)(iii)

perenggan 6(1)(iii)

subseksyen  
17(6)

Perkataan “Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa jika harta sesuatu pertubuhan terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi di bawah perenggan (1)(a), harta tiap-tiap cawangan pertubuhan itu, tidak kira sama ada ia merupakan suatu cawangan yang sah atau menyalahi undang-undang, hendaklah

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>juga terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi, dan peruntukan perenggan (1)(b), (c), (d) dan (e), dan subseksyen (2), (3), (4) dan (5), hendaklah dengan demikian itu terpakai bagi tiap-tiap cawangan itu dan hartanya.” menggantikan “Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa jika harta sesuatu pertubuhan terletak pada Pegawai Pemegang Harta di bawah perenggan (a) subseksyen (1), maka harta tiap-tiap cawangan pertubuhan itu, tidak kira sama ada ia suatu cawangan yang menurut undang-undang atau yang menyalahi undang-undang, hendaklah juga terletak pada Pegawai Pemegang Harta, dan peruntukan-peruntukan perenggan (b), (c), (d) dan (e) subseksyen (1), dan subseksyen (2), (3), (4) dan (5), hendaklah dengan demikian itu terpakai bagi tiap-tiap cawangan itu dan hartanya.”</p>	
<p>subseksyen 17(7)</p>	<p>Perkataan “Bagi maksud subseksyen (3), (4), (5) dan (6), “Ketua Pengarah Insolvensi” termasuklah, berhubung dengan suatu pertubuhan yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5, mana-mana pegawai lain yang, mengikut terma perintah itu, telah dilantik oleh Menteri bagi maksud penggulungan hal ehwal pertubuhan itu.” menggantikan “Bagi maksud-maksud subseksyen (3), (4), (5) dan (6), “Pegawai Pemegang Harta” termasuklah, berhubung dengan suatu pertubuhan yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 5, mana-mana pegawai lain yang, mengikut terma-perma perintah itu, telah dilantik oleh Menteri bagi maksud penggulungan hal-ehwal pertubuhan itu.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p>
<p>perenggan 17A(b)</p>	<p>Perkataan “perenggan 41(1)(c)” menggantikan “perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 41”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
perenggan 17A(c)	1. Perkataan “dengan cara apa jua pun” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “subseksyen 41(1)” menggantikan “subseksyen (1) seksyen 41”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 17A	1. Perkataan “maka” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “sebagaimana ia” menggantikan “seperti ia”	perenggan 6(1)(iii)
	3. Perkataan “subseksyen 17(3) dan (4)” menggantikan “subseksyen (3) dan (4) seksyen 17”	perenggan 6(1)(iii)
	4. Perkataan “subseksyen 17(6)” menggantikan “subseksyen (6) seksyen 17”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 17B	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Peletakhakan harta pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan pada pertubuhan berdaftar yang baharu</b> ” menggantikan “ <b>Perletakhakan pada pertubuhan berdaftar baru akan harta suatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 17B(1)	Dibahagikan kepada perenggan (a), (b) dan (c) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(iii), (xv) dan (xvi)
subseksyen 17B(2)	Perkataan “Permohonan itu hendaklah dibuat melalui saman pemula yang hendaklah diiklankan melalui penyiaran dalam <i>Warta</i> dan dalam dua surat khabar, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris, yang diedarkan di Malaysia, dan mana-mana orang yang mungkin terjejas atau terkilan dengan keputusan Mahkamah atas sifatnya sebagai anggota sama ada pertubuhan lama atau pertubuhan baharu atau sebagai seorang pemiutang pertubuhan lama boleh memohon kepada Mahkamah untuk hadir dan membuat representasi mengenainya mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [P.U. (A) 205/2012].” menggantikan “Permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara saman pemula yang	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	hendaklah diiklankan dengan menyiarkannya dalam <i>Warta</i> dan dalam dua akhbar, satu dalam akhbar bahasa kebangsaan dan satu lagi dalam akhbar Inggeris, yang beredar di Malaysia, dan mana-mana orang yang mungkin terjejas atau tidak puas hati dengan keputusan Mahkamah, atas sifatnya sebagai anggota pertubuhan lama atau pertubuhan baru atau sebagai pemiutang pertubuhan lama bolehlah memohon kepada Mahkamah untuk hadir dan membuat tuntutan mengenainya itu mengikut kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi.”	
subseksyen 17B(3)	Perkataan “Mana-mana orang yang merupakan anggota yang sah dalam pertubuhan lama sebaik sebelum pembatalan pendaftarannya dan yang bukan seorang anggota dalam pertubuhan baharu yang tidak membantah terhadap permohonan Ketua Pengarah Insolvensi hendaklah dilepaskan daripada segala liabiliti diri bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama dan semua cawangannya apabila perintah yang diminta oleh Ketua Pengarah Insolvensi itu dibuat.” menggantikan “Mana-mana orang yang telah menjadi anggota menurut undang-undang dalam pertubuhan lama sebelum sahaja pembatalan pendaftarannya yang bukan seorang anggota dalam pertubuhan baru yang tidak membantah terhadap permohonan Pegawai Pemegang Harta hendaklah terlepas daripada segala liabiliti persendirian bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama dan segala cawangannya bila sahaja perintah yang diminta oleh Pegawai Pemegang Harta itu dibuat.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 17B(5)	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="442 1437 895 1532">1. Perkataan “terkandung dalam perintah peletakhakan” menggantikan “termasuk di dalamnya”</li> <li data-bbox="442 1542 895 1685">2. Perkataan “pindahhakan, pemindahan hakmilik atau penyerahhakan” menggantikan “pindahhak, pindahmilik atau serahhak”</li> </ol>	perenggan 6(1)(xxa)  perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 17B(6)	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="442 1704 895 1770">1. Perkataan “Walau apa pun” menggantikan “Walaupun”</li> </ol>	perenggan 6(1)(iii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	2. Perkataan “menurut undang-undang” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “sebagaimana” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 17B(7)	1. Perkataan “maka” selepas perkataan “ubahan,” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	2. Perkataan “surat khabar” menggantikan “akhbar”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “akhbar” sebelum perkataan “bahasa kebangsaan” dan “Inggeris” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	4. Perkataan “bahasa” dimasukkan sebelum perkataan “Inggeris”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “diedarkan” menggantikan “beredar”	perenggan 6(1)(xxa)
	1. Perkataan “mengatasi” menggantikan “daripada”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 17B(9)	Perkataan “Segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang ada sebaik sebelum penyiaran dalam <i>Warta</i> keputusan Mahkamah yang meluluskan permohonan Ketua Pengarah Insolvensi di bawah subseksyen (1), hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada pertubuhan baharu dan boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesannya seolah-olah, sebagai ganti pertubuhan lama, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pertubuhan lama itu, pertubuhan baharu telah dinamakan dalam permohonan itu atau telah menjadi suatu pihak dalam permohonan itu.” menggantikan “Segala suratikatan, bon, perjanjian, suratcara dan perkiraan kerja yang ada sebaik sebelum sahaja penyiaran dalam <i>Warta</i> akan keputusan Mahkamah yang meluluskan permohonan Pegawai Pemegang Harta di bawah subseksyen (1), hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau yang memihak pertubuhan baru dan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesannya seolah-olah pertubuhan baru telah dinamakan di dalamnya atau telah menjadi satu pihak kepadanya dan bukan pertubuhan lama, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pertubuhan lama.”	
subseksyen 17B(10)	1. Perkataan “subseksyen 17(3), (4) dan (5)” menggantikan “subseksyen (3), (4) dan (5) seksyen 17”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “berhubung” menggantikan “berhubungan” di mana jua terdapat	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 18	1. Perkataan “atau” sebelum perkataan “pemegang jawatan” menggantikan koma	perenggan 6(1)(iii) dan (xvi)
	2. Perkataan “terkilan” menggantikan “mushkil”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Noktah bertindih menggantikan tanda pisah	perenggan 6(1)(xvi)
perenggan 18(c)	1. Perkataan “subseksyen” menggantikan “seksyen”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “yang hilang kelayakan untuk” menggantikan “berkelayakan”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 18(e)	Perkataan “sesuatu” menggantikan “suatu”	perenggan 6(1)(xxa)
perenggan 18(g)	1. Perkataan “yang melarang” menggantikan “melarangkan”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “orang-orang” sebelum perkataan “bukan warganegara” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “subseksyen” menggantikan “seksyen”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 18(h)	1. Perkataan “perlembagaan” menggantikan “perlembagaannya”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “subseksyen” menggantikan “seksyen”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 18(i)	1. Perkataan “seseorang” menggantikan “seorang”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “di bawah subseksyen 14(4)” ditukar tempat selepas perkataan “juruaudit”	perenggan 6(1)(xiii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	3. Perkataan “subseksyen” menggantikan “seksyen”	perenggan 6(1)(iii)
	4. Perkataan “tidak” menggantikan “tak dapat”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 18(j)	1. Perkataan “bagi” menggantikan “untuk”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “subseksyen” menggantikan “seksyen”	perenggan 6(1)(iii)
perenggan 18(l)	Koma menggantikan noktah	perenggan 6(1)(xvi)
seksyen 18A	1. Koma selepas perkataan “terpakai” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	2. Koma selepas perkataan “Bahagian III” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	3. Perkataan “didaftarkan” menggantikan “berdaftar”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “jika terdapat” menggantikan “jika ada terdapat”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “ketidakselarasan” menggantikan “ketakonsistenan” di mana jua terdapat	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Perkataan “di” sebelum perkataan “antara” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	7. Perkataan “dipakai” menggantikan “mengatasi”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 18B(1)	1. Perkataan “di bawah perlembagaan itu” menggantikan “di bawahnya”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “oleh sebab” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “di bawah perlembagaan” menggantikan “di bawahnya”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “orang tersebut” menggantikan “orang itu”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 18B(2)	1. Perkataan “maka,” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi) dan (xxi)
	2. Perkataan “menguatkuasakan” menggantikan “memberikan efek kepada”	perenggan 6(1)(xxi)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	3. Perkataan “secepat yang dapat dilaksanakan” menggantikan “seberapa segera yang praktis”	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 18c	Perkataan “di bawah perlembagaan itu” menggantikan “di bawahnya”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 18d-18j	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
Bahagian 2	1. Perkataan “BAHAGIAN II” menggantikan “BAHAGIAN 2”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “TERPAKAI” menggantikan “DI-PAKAI”	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 19	1. Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Bahagian I dan III</b> ” menggantikan “ <b>Bahagian 1 dan 3</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “terpakai” menggantikan “di-pakai”	perenggan 6(1)(xvi) dan (xxa)
	3. Perkataan “Bahagian I dan Bahagian III” menggantikan “Bahagian 1 dan Bahagian 3”	perenggan 6(1)(iii)
	4. Koma ditinggalkan selepas perkataan “‘pertubuhan berdaftar’ hendaklah’	perenggan 6(1)(xvi)
	5. Koma ditinggalkan selepas perkataan “Bahagian ini”	perenggan 6(1)(xvi)
	6. Perkataan “ungkapan” menggantikan “perkataan”	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 20	1. Perkataan “Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh terpakai bagi mana-mana orang, badan atau pertubuhan yang baginya *Akta Insurans 1963 [Akta 89] terpakai dan adalah diisytiharkan bahawa mana-mana pertubuhan faedah bersama yang telah didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan sebagai bukan suatu penanggung insurans bagi maksud *Akta Insurans 1963 dan bahawa peruntukan seksyen 67 Akta Setem 1949 [Akta 378] tidak terpakai bagi mana-mana pertubuhan faedah bersama itu.” menggantikan “Tiada-lah apa <sup>2</sup> jua pun dalam Act ini boleh di-pakai bagi mana <sup>2</sup> orang,	perenggan 6(1)(iii), (xix) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>badan atau pertubuhan yang bagi-nya Act Insuran, 1963 di-pakai dan dengan ini ada-lah di-tetap-kan bahawa mana<sup>2</sup> pertubuhan faedah bersama yang telah di-daftarkan di-bawah Act ini hendak-lah di-sifatkan sa-bagai bukan suatu penginsuran bagi maksud Act Insuran yang tersebut di-atas dan bahawa peruntukan seksyen 67 dalam Ordinance Setem, 1949 tidak-lah boleh di-pakai bagi mana<sup>2</sup> pertubuhan faedah bersama itu.”</p>	
	2. Catatan dimasukkan	perenggan 6(1)(vii)
seksyen 21	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>ke</b> ” dimasukkan selepas perkataan “ <b>Sekatan</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 21(1)	<p>Perkataan “Sesuatu pertubuhan faedah bersama tidak berhak didaftarkan di bawah seksyen 7 jika kaedah-kaedah pertubuhan faedah bersama itu mengadakan peruntukan bagi—</p> <p>(a) sesuatu faedah yang melebihi dua ribu ringgit bagi mana-mana satu hal;</p> <p>(b) kemasukan seseorang anggota atau peyuran yang berumur lebih daripada enam puluh tahun, melainkan jika anggota itu menginsuranskan seorang lain yang berumur tidak lebih daripada enam puluh tahun; atau</p> <p>(c) kemasukan seseorang anggota atau peyuran yang tidak tinggal di dalam kawasan sesuatu bandar di Malaysia yang pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya:</p> <p>Dengan syarat bahawa jika sesuatu pertubuhan faedah bersama ditubuhkan di suatu tempat kerja yang tertentu bagi faedah anggota atau peyurannya, pertubuhan itu berhak didaftarkan walaupun kaedah-kaedah pertubuhan itu mengadakan peruntukan bagi</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

kemasukan anggota atau peyuran yang tinggal di luar kawasan bandar yang pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya;

atau melainkan jika jadual caruman yang akan dibayar oleh anggota pertubuhan faedah bersama itu dan kaedah-kaedahnya yang mengawal faedah yang kena dibayar kepada anggotanya, jagaan, pelaburan dan penilaian berkala barang-barang, aset dan liabilitinya yang diperakui oleh seorang aktuari yang diluluskan oleh Menteri dihantar kepada Pendaftar bersama-sama dengan permohonan bagi pendaftaran.” menggantikan “Sa-suatu pertubuhan faedah bersama tidak-lah berhak didaftarkan di-bawah sekshen 7 jika atoran<sup>2</sup> pertubuhan faedah bersama itu mengadakan peruntukan untuk—

- (a) sa-suatu faedah lebeh daripada dua ribu ringgit bagi satu<sup>2</sup> hal;
- (b) kemasukan sa-saorang anggota atau peyuran yang berumur lebeh daripada enam puluh tahun, melainkan jika anggota itu adalah menginsurankan sa-orang lain yang berumur tidak lebeh daripada enam puluh tahun; atau
- (c) kemasukan anggota atau peyuran yang tidak tinggal di dalam kawasan sesuatu bandar di dalam Malaysia di mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya:

Dengan syarat bahawa jika sesuatu pertubuhan faedah bersama ditubuhkan di suatu tempat kerja yang tertentu bagi faedah anggota atau peyurannya, pertubuhan itu adalah berhak didaftarkan walaupun aturan pertubuhan itu mengadakan peruntukan bagi kemasukan anggota atau peyuran yang tinggal di luar kawasan bandar di mana pertubuhan itu bercadang hendak menjalankan urusannya;

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	atau melainkan jadual <sup>2</sup> charum yang akan di-bayar oleh anggota <sup>2</sup> pertubuhan faedah bersama itu dan atoran <sup>2</sup> -nya berkenaan dengan faedah <sup>2</sup> yang kena di-bayar kepada anggota <sup>2</sup> -nya, berkenaan dengan jagaan, pelaburan dan penilaian berkala akan barang <sup>2</sup> , harta dan tanggungan <sup>2</sup> -nya yang di-perakui oleh sa-orang akchuari yang di-luluskan oleh Menteri di-hantar kepada Pendaftar bersama dengan permohonan untuk pendaftaran.”	
subseksyen 21(2)	Koma dimasukkan selepas perkataan “ini”	perenggan 6(1)(xvi)
seksyen 22	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Keanggotaan orang belum dewasa</b> ” menggantikan “ <b>Keanggotaan bagi orang<sup>2</sup> yang belum chukup umur</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 22(1)	1. Perkataan “bagi” menggantikan “untuk” 2. Perkataan “di bawah” menggantikan “kurang daripada”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 22(2)	1. Perkataan “jika dia” menggantikan “sa-kira-nya ia” di mana jua terdapat 2. Perkataan “diberikan” menggantikan “di-beri” 3. Perkataan “akan” ditinggalkan 4. Perkataan “anggota” menggantikan “ahli”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 23	1. Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Sekatan ke atas penama</b> ” menggantikan “ <b>Sekatan atas orang yang di-namakan</b> ” 2. Perkataan “Tiada seorang pun anggota atau peyuran bagi sesuatu pertubuhan berdaftar boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima faedah yang diperuntukkan di bawah kaedah-kaedah pertubuhan itu seseorang selain suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua, menantu, saudara seibu dan sebapa,	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa) perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

saudara seibu atau sebapa, anak kepada saudara seibu dan sebapa atau anak kepada saudara seibu atau sebapa, bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa, bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa kepada anggota atau peyuran itu:

Dengan syarat bahawa seseorang anggota atau peyuran boleh menamakan mana-mana orang lain secara bertulis yang ditandatangani olehnya sendiri di hadapan dan diaku saksi oleh seorang Jaksa Pendamai atau seorang Majistret atau Pendaftar.” menggantikan “Tiada-lah sa-saorang anggota atau peyuran bagi sa-suatu pertubuhan berdaftar boleh menamakan, sa-bagai orang yang akan menerima faedah<sup>2</sup> yang di-peruntokkan di-bawah atoran<sup>2</sup> pertubuhan itu, sa-siapa jua lain daripada suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), chuchu, ibu, bapa, emak mertua, bapa mertua, menantu, saudara sa-ibu dan sa-bapa, saudara sa-ibu atau sa-bapa, anak kepada saudara sa-ibu dan sa-bapa atau anak kepada saudara sa-ibu atau sa-bapa, bapa atau ibu saudara sa-ibu dan sa-bapa, bapa atau ibu saudara sa-ibu atau sa-bapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara sa-ibu dan sa-bapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara sa-ibu atau sa-bapa kepada anggota atau peyuran itu:

Dengan syarat bahawa sa-saorang anggota atau peyuran boleh menamakan mana<sup>2</sup> orang lain dengan bertulis yang di-tandatangani olehnya sendiri di-hadapan dan di-saksikan oleh sa-orang Jaksa Pendamai atau sa-orang Mejisteret atau Pendaftar.”

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 24	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>bankrap</b>” menggantikan “<b>muflis</b>”</li> <li>2. Perkataan “Dalam hal yang berikut, iaitu:               <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) apabila seseorang pemegang jawatan pertubuhan berdaftar mati atau menjadi bankrap yang ada dalam milikannya oleh sebab jawatannya apa-apa wang atau harta yang dipunyai oleh pertubuhan itu; atau</li> <li>(b) jika apa-apa pelaksanaan, penahanan atau proses lain dikeluarkan atau apa-apa tindakan diambil terhadap pemegang jawatan itu atau terhadap hartanya,</li> </ol> </li> </ol>	perenggan 6(1)(xxa)

waris, wasi atau pentadbirnya atau Ketua Pengarah Insolvensi atau Bailif Mahkamah Tinggi atau orang lain yang melaksanakan proses itu atau pihak yang mengambil tindakan itu hendaklah, apabila dituntut secara bertulis oleh pemegang amanah pertubuhan berdaftar itu atau mana-mana dua orang daripada mereka itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pertubuhan berdaftar itu untuk membuat tuntutan itu, membayar wang itu dan menyerahkan harta itu kepada pemegang amanah pertubuhan berdaftar itu dahulu daripada membayar apa-apa hutang atau tuntutan lain terhadap harta pusaka pemegang jawatan itu.” menggantikan “Dalam hal<sup>2</sup> yang berikut, ia-itu—

- (a) apabila sa-saorang pemegang-jawatan pertubuhan berdaftar mati atau menjadi muflis dengan ada memileki oleh sebab jawatannya apa<sup>2</sup> wang atau harta yang di-punyai oleh pertubuhan itu; atau
- (b) sa-kira-nya apa<sup>2</sup> penglaksanaan, penahanan atau lain<sup>2</sup> perentahan di-keluarkan atau apa<sup>2</sup> tindakan di-jalankan terhadap pemegang-jawatan itu atau terhadap hartanya,

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	maka warith <sup>2</sup> -pesaka, wasi <sup>2</sup> atau pentadbir <sup>2</sup> -nya, atau Pegawai Muflis atau Belip Mahkamah Tinggi atau lain <sup>2</sup> orang yang melaksanakan perentahan itu atau pihak yang menjalankan tindakan itu hendak-lah, apabila dituntut dengan bertulis oleh pemegang <sup>2</sup> amanah pertubohan berdaftar itu atau oleh mana <sup>2</sup> dua orang daripada mereka itu atau oleh mana <sup>2</sup> orang yang di-beri kuasa oleh pertubohan berdaftar itu bagi membuat tuntutan itu, membayar wang itu dan menyerahkan harta itu kepada pemegang <sup>2</sup> amanah pertubohan berdaftar itu dahulu daripada membayar apa <sup>2</sup> hutang atau tuntutan lain terhadap harta pesaka pemegang-jawatan itu.”	perenggan 6(1)(iii), (xvi) dan (xxa)
subseksyen 25(1)	Perkataan “mempunyai seorang pemegang amanah atau lebih” menggantikan “ada sa-orang atau beberapa orang pemegang amanah”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 25(2)	1. Perkataan “Tiada seorang” menggantikan “Tiada-lah sa-saorang jua” 2. Perkataan “dia” menggantikan “ia ada-lah”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxi) perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 25(3)	1. Perkataan “dan melalui” menggantikan “serta menurut” 2. Perkataan “majoriti” menggantikan “lebehsuara”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 25(4)	1. Perkataan “yang” dimasukkan selepas perkataan “ketetapan” 2. Perkataan “sedemikian” menggantikan “demikian itu”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 26(1)	1. Perkataan “akaunnya” menggantikan “kira <sup>2</sup> nya” 2. Perkataan “bagi apa-apa” menggantikan “untuk sa-suatu”	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 26(2)	Perkataan “Juruaudit hendaklah mempunyai akses kepada semua buku dan akaun pertubuhan berdaftar itu dan hendaklah memeriksa penyata tahunan yang dikehendaki oleh Akta ini dan	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>menentukan penyata tahunan itu dengan membandingkannya dengan akaun dan baucar yang berhubungan dengan penyata tahunan itu dan hendaklah sama ada menandatangani penyata tahunan itu yang didapatinya betul, disokong dengan sewajarnya dan mengikut undang-undang dan kaedah-kaedah pertubuhan berdaftar itu atau hendaklah khasnya melaporkan kepada pertubuhan berdaftar itu perkara yang didapatinya tidak betul, tidak disokong, atau tidak mengikut undang-undang.” menggantikan “Juru odit ada-lah berhak melihat segala buku dan kira<sup>2</sup> pertubuhan berdaftar itu dan hendak-lah memeriksa penyata tahunan yang di-kehendaki oleh Act ini dan mengesahkan penyata tahunan itu dengan membandingkan-nya dengan kira<sup>2</sup> dan bauchar<sup>2</sup> berhubung dengan-nya dan hendak-lah sama ada menandatangani penyata tahunan itu yang di-dapati-nya betul, sempurna di-sokong serta mengikut undang<sup>2</sup> dan atoran<sup>2</sup> bagi pertubuhan berdaftar itu atau hendak-lah khas-nya menyatakan kepada pertubuhan berdaftar itu perkara<sup>2</sup> yang di-dapati-nya tidak betul, tidak di-sokong, atau tidak mengikut undang<sup>2</sup>.”</p>	
seksyen 27	Dalam nota bahu—	
	a. perkataan “ <b>bagi</b> ” dimasukkan selepas perkataan “ <b>Permintaan</b> ”	perenggan 6(1)(xxa)
	b. perkataan “ <b>dokumen</b> ” menggantikan “suratan <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 27(1)	Perkataan “kapada” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 27(2)	Perkataan “Tiap-tiap pertubuhan berdaftar hendaklah, jika diminta secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar, mengemukakan bagi pemeriksaannya—	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	(a) dokumen hakmilik bagi apa-apa harta yang dipegang oleh pertubuhan itu;	
	(b) semua buku akaun dan daftar keanggotaan pertubuhan itu; dan	



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(c) apa-apa minit prosiding pertubuhan itu atau rekod bertulis lain pertubuhan itu.” menggantikan “Tiap<sup>2</sup> pertubohan berdaftar hendak-lah, jika di-minta dengan bertulis oleh Perdaftar atau Penolong Pendaftar, menunjukkan untuk pemereksaan-nya—</p> <p>(a) suratan<sup>2</sup> hakmilk bagi apa<sup>2</sup> harta yang di-pegang oleh pertubuhan itu;</p> <p>(b) segala buku kira<sup>2</sup> dan buku keanggotaan pertubohan itu; dan</p> <p>(c) apa<sup>2</sup> minit perjalanan pertubohan itu atau lain<sup>2</sup> rekod bertulis pertubohan itu.”</p>	
subseksyen 27(3)	<p>1. Perkataan “secara bertulis kepada bank yang akaun” menggantikan “dengan bertulis kepada Bank di-mana kira<sup>2</sup>”</p> <p>2. Perkataan “menzahirkan” menggantikan “menyatakan”</p> <p>3. Perkataan “akaun pertubuhan itu dan dokumen” menggantikan “kira<sup>2</sup> pertubohan itu dan suratan<sup>2</sup>”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p>
seksyen 28	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>membekalkan</b>” menggantikan “<b>memberi</b>”</p> <p>2. Perkataan “menyerahkan” menggantikan “memberi”</p> <p>3. Perkataan “dibayar wang yang tidak melebihi” menggantikan “di-bayar-nya wang sa-banyak tidak lebeh daripada”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p>
seksyen 29	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>membekalkan</b>” menggantikan “<b>memberi</b>”</p> <p>2. Perkataan “membekalkan” menggantikan “memberi”</p> <p>3. Perkataan “ada” ditinggalkan</p>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
perenggan 29(b)	Perkataan “suatu kunci kira-kira atau dokumen lain yang telah diaudit dengan sewajarnya yang” menggantikan “kunchi kira <sup>2</sup> atau lain <sup>2</sup> suratan yang telah sempurna di-odit”	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 30	Perkataan “ada” sebelum perkataan “mempunyai” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 31(1)	1. Perkataan “Amaun” menggantikan “Jumlah”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “bagi” menggantikan “untok”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “apa-apa belanja lain” menggantikan “lain <sup>2</sup> belanja”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “apa-apa” menggantikan “sa-suatu”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “melalui” menggantikan “dengan jalan”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 31(2)	Perkataan “Segala yuran yang dibayar oleh anggota atau peyuran, di bawah kaedah-kaedah mana-mana pertubuhan berdaftar, dalam tempoh yang anggota atau peyuran itu memperoleh kelayakan bagi mendapat faedah yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah pertubuhan itu, setelah ditolak jumlah yang tidak melebihi peratus yang ditetapkan yang dibenarkan bagi pentadbiran dan apa-apa belanja lain, hendaklah dibayar ke dalam Bank Simpanan Nasional atau disimpan sebagai deposit dengan suatu bank daripada <i>Malaysia Exchange Banks Association</i> atas nama pertubuhan itu atau dengan kelulusan Pendaftar digunakan bagi memperoleh harta tak alih dan kumpulan wang itu hendaklah menjadi kumpulan wang rizab pertubuhan itu.” menggantikan “Segala yuran yang di-bayar oleh anggota atau peyuran, menurut atoran <sup>2</sup> mana <sup>2</sup> pertubuhan berdaftar, dalam masa anggota atau peyuran itu hendak memperoleh kelayakan untok mendapat faedah <sup>2</sup> yang di-peruntukkan oleh atoran <sup>2</sup> pertubuhan itu, sa-telah di-tolak jumlah yang tidak lebeh daripada peratus yang di-tetapkan dan di-benarkan untok pentadbiran	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 31(3)	<p>dan lain<sup>2</sup> perbelanjaan, hendak-lah di-masokkan ka-dalam Bank Simpanan Pejabat Pos atau di-simpan sa-bagai pertarohan dengan suatu bank daripada <i>Malaysia Exchange Banks Association</i> atas nama pertubohan itu atau dengan persetujuan Pendaftar di-gunakan bagi memperolehi harta yang tak boleh di-aleh dan kumpulan<sup>2</sup>-wang itu hendak-lah menjadi kumpulan<sup>2</sup>-wang chadang pertubohan itu.”</p> <p>Perkataan “Yuran yang diterima daripada anggota atau peyuran pertubuhan berdaftar, yang telah memperoleh kelayakan bagi mendapat faedah di bawah kaedah-kaedah pertubuhan itu, setelah ditolak jumlah yang tidak melebihi peratus yang ditetapkan yang dibenarkan bagi pentadbiran dan apa-apa belanja lain, hendaklah dibayar ke dalam suatu akaun asing atas nama pertubuhan itu dalam Bank Simpanan Nasional atau dalam suatu bank daripada <i>Malaysia Exchange Banks Association</i> dan pertubuhan itu boleh mengeluarkan wang daripada kumpulan wang ini bagi maksud membayar faedah yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah pertubuhan itu.” menggantikan “Yuran yang di-terima daripada anggota atau peyuran pertubuhan berdaftar, yang telah memperoleh kelayakan untuk mendapat faedah<sup>2</sup> di-bawah atoran<sup>2</sup> pertubohan itu, sa-telah di-tolak jumlah tidak lebeh daripada peratus yang di-tetapkan dan di-benarkan untuk pentadbiran dan lain<sup>2</sup> perbelanjaan, hendak-lah di-masokkan ka-dalam satu kira<sup>2</sup> asing atas nama pertubohan itu dalam Bank Simpanan Pejabat Pos atau dalam suatu bank daripada <i>Malaysia Exchange Banks Association</i> dan pertubohan itu boleh mengeluarkan wang daripada kumpulan<sup>2</sup>-wang ini bagi maksud membayar faedah<sup>2</sup> yang di-peruntokkan dalam atoran<sup>2</sup> pertubohan itu.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 31(4)	Perkataan “Lima puluh peratus daripada kumpulan wang pertubuhan berdaftar yang tidak dikehendaki dengan segera bagi membayar faedah bolehlah dilaburkan dalam sekuriti pemegang amanah, atau dengan kelulusan Pendaftar atas apa-apa syarat yang dikenakan olehnya, bagi membeli tanah.” menggantikan “Lima puluh peratus daripada kumpulan <sup>2</sup> -wang pertubohan berdaftar yang tidak segera di-kehendaki untuk membayar faedah <sup>2</sup> boleh-lah di-laborkan dalam chagaran <sup>2</sup> amanah, atau dengan persetujuan Pendaftar atas sharat <sup>2</sup> sa-bagaimana yang di-kenakan-nya, bagi membeli tanah.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 31(5)	Perkataan “Tiada pembayaran apa-apa wang yang kena dibayar akibat kematian seseorang boleh dibuat oleh pertubuhan itu kecuali apabila dikemukakan perakuan kematian asal atau suatu salinan terperaku perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Kematian atau, dalam hal seseorang yang mati di luar Malaysia, perakuan kematian yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di tempat orang itu mati:  Dengan syarat bahawa jika tiada penama telah dilantik, pembayaran bolehlah dibuat kepada wakil diri anggota atau peyuran yang mati itu apabila dikemukakan surat kuasa mentadbir atau probet wasiat anggota atau peyuran yang mati itu.” menggantikan “Tiada-lah apa <sup>2</sup> jua pembayaran wang yang kena di-bayar akibat kematian sa-saorang boleh di-buat oleh pertubohan itu kechuali apabila di-tunjokkan surat asal perakuan mati atau suatu salinan-nya yang di-perakui yang di-keluarkan oleh Pendaftar Mati atau, berkenaan dengan sa-saorang yang mati di-luar Persekutuan, surat perakuan mati yang di-keluarkan oleh pehak-berkuasa yang berkenaan di-tempat di-mana orang itu telah mati:	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	Dengan syarat bahawa jika sa-kiranya tiada sa-saorang yang di-namakan telah di-lantek, maka pembayaran bolehlah di-buat kepada wakil diri anggota atau peyuran yang mati itu apabila di-tunjokkan-nya surat-kuasa atau pengesahan surat-wasiat anggota atau peyuran yang mati itu.”	
subseksyen 31(6)	1. Koma dimasukkan selepas perkataan “seksyen ini”	perenggan 6(1)(xvi)
	2. Tanda petik ganda dimasukkan bagi perkataan “ <i>Malaysia Exchange Banks Association</i> ”	perenggan 6(1)(xvi)
seksyen 32	Dalam nota bahu—	
	a. koma dimasukkan selepas perkataan “ <b>dll.</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xvi)
	b. perkataan “ <b>terjejas</b> ” menggantikan “ <b>tersentuh</b> ”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 32(2)	Perkataan “Jika nama sesuatu pertubuhan berdaftar diubah, perubahan itu tidak boleh menjejaskan apa-apa hak atau obligasi pertubuhan berdaftar itu atau mana-mana anggota pertubuhan berdaftar itu, dan apa-apa prosiding undang-undang boleh diteruskan oleh atau terhadap pemegang amanah pertubuhan itu atau mana-mana pemegang jawatan yang boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya bagi pihak pertubuhan itu, walaupun ada perubahan nama itu.” menggantikan “Jika nama sa-suatu pertubohan berdaftar diubah, maka perubahan itu tidak-lah boleh menyentuh hak atau tanggungan pertubohan berdaftar itu atau hak atau tanggungan mana <sup>2</sup> anggota-nya, dan apa <sup>2</sup> pembicharaan di-sisi undang <sup>2</sup> boleh-lah di-teruskan oleh atau terhadap pemegang <sup>2</sup> amanah pertubohan itu atau oleh atau terhadap mana <sup>2</sup> pemegang-jawatan yang boleh menda’awa atau di-da’awa bagi pehak pertubohan itu, walau pun ada perubahan nama itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 35(1)	<p>Perkataan “Apabila permohonan dibuat oleh satu persepuluh daripada jumlah anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau jika berdasarkan apa-apa maklumat yang ada dalam milikannya yang didapati oleh Pendaftar itu suai manfaat untuk berbuat demikian, dia boleh—</p> <p>(a) melantik seorang inspektor atau inspektor-inspektor untuk memeriksa dan membuat laporan berkenaan dengan hal ehwal pertubuhan itu; atau</p> <p>(b) memanggil suatu mesyuarat khas pertubuhan itu.” menggantikan “Apabila permohonan di-buat oleh satu per sa-puluh daripada jumlah anggota<sup>2</sup> pertubohan berdaftar atau sa-kira-nya daripada ma’lumat yang ada dalam milek-nya Pendaftar itu berpendapat berfaedah berbuat demikian maka ia-nya boleh-lah—</p> <p>(a) melantek sa-orang atau beberapa orang Inspekter bagi memereksa dan membuat laporan berkenaan dengan hal ehwal pertubohan itu; atau</p> <p>(b) memanggil suatu meshuarat khas pertubohan itu.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 35(2)	<p>Perkataan “Permohonan yang dibuat oleh anggota di bawah seksyen ini hendaklah disokong oleh keterangan yang menunjukkan bahawa pemohon itu mempunyai sebab yang baik bagi menghendaki suatu pemeriksaan dijalankan atau suatu mesyuarat khas dipanggil, dan bahawa mereka tidak didorong oleh motif berniat jahat dalam permohonan mereka; dan Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya suatu notis mengenai permohonan itu diberikan kepada pertubuhan berdaftar itu.” menggantikan “Permohonan yang di-buat oleh anggota<sup>2</sup> di-bawah sekshen ini hendak-lah di-sokong dengan keterangan</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>me-nunjokkan bahawa pemohon<sup>2</sup> itu ada mempunyai sebab<sup>2</sup> yang chukup bagi menghendaki suatu pemereksaan di-jalankan atau suatu meshuarat khas di-panggil, dan bahawa mereka tidak di-dorong oleh tujuan<sup>2</sup> jahat dalam permohonan mereka; dan Pendaftar hendak-lah menyebabkan supaya suatu notis mengenai permohonan itu di-beri kepada pertubohan berdaftar itu.”</p>	
subseksyen 35(3)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “bagi kos” menggantikan “untuk belanja<sup>2</sup> untuk”</li> <li>2. Perkataan “mana-mana” menggantikan “sa-saorang”</li> <li>3. Perkataan “sa-belum” selepas perkataan “inpektor atau” ditinggalkan</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p>
subseksyen 35(4)	<p>Perkataan “Segala belanja bagi dan bersampingan dengan atau bagi memulakan apa-apa pemeriksaan atau mesyuarat hendaklah dibayar oleh anggota yang membuat permohonan bagi pemeriksaan atau mesyuarat itu atau daripada kumpulan wang pertubuhan itu atau oleh anggota atau pemegang jawatan atau bekas anggota atau bekas pemegang jawatan pertubuhan itu mengikut apa-apa kadar yang diarahkan oleh Pendaftar.” menggantikan “Segala perbelanjaan berkenaan atau bersangkutan dengan atau bagi memulakan sesuatu pemereksaan atau meshuarat itu hendak-lah di-bayar oleh anggota<sup>2</sup> yang membuat permohonan itu atau daripada kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubohan itu atau oleh anggota<sup>2</sup> atau pemegang<sup>2</sup>-jawatan atau bekas anggota<sup>2</sup> atau bekas pemegang<sup>2</sup>-jawatan pertubohan itu mengikut sesuatu kadar sa-bagaimana yang diarah oleh Pendaftar.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>
subseksyen 35(5)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “kesemua” menggantikan “segala”</li> <li>2. Perkataan “dokumen” menggantikan “suratan”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	3. Perkataan “dikemukakan” menggantikan “di-tunjokkan”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “pekhidmatnya” menggantikan “kaki-tangan-nya”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “mengendalikan sumpah itu dengan sewajarnya” menggantikan “mentadbirkan sumpah itu mengikut sa-mesti-nya”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 35(6)	1. Perkataan “dibincangkan” menggantikan “di-binchang”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “hendaklah dalam segala hal mempunyai kuasa” menggantikan “ada-lah berkuasa dalam segala hal”	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “mana-mana” menggantikan “apa <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xv)
subseksyen 36(1)	Perkataan “Sesuatu pertubuhan berdaftar boleh tamat atau dibubarkan mengikut mana-mana cara yang berikut:	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	(a) apabila berlaku mana-mana peristiwa yang ditetapkan oleh kaedah-kaedahnya sebagai terjumlah kepada tamatnya pertubuhan itu;	
	(b) dengan persetujuan tiga perempat daripada anggota pertubuhan itu yang dinyatakan melalui tandatangan mereka pada suatu surat cara pembubaran;	
	(c) oleh Pendaftar yang membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di bawah seksyen 13 atau membubarkannya di bawah seksyen 37.” menggantikan “Sesuatu pertubuhan berdaftar boleh tamat atau di-bubarkan dengan apa <sup>2</sup> jalan yang berikut—	
	(a) apabila berlaku sa-suatu peristiwa yang di-tetapkan oleh atoran <sup>2</sup> -nya sa-bagai terjumlah kepada tamat-nya pertubuhan itu;	
	(b) dengan persetujuan tiga perempat daripada anggota <sup>2</sup> pertubuhan itu yang di-nyatakan dengan tandatangan <sup>2</sup> mereka pada suatu suratchara pembubaran;	



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(c) dengan Pendaftar membatalkan pendaftaran pertubuhan itu di-bawah sekshen 13 atau membubarkannya di-bawah sekshen 37.”	
seksyen 37	Perkataan “Jika sesuatu pertubuhan berdaftar ditamatkan melalui suatu surat cara pembubaran, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	(a) surat cara itu hendaklah menyatakan—	
	(i) liabiliti dan aset pertubuhan berdaftar itu secara terperinci;	
	(ii) bilangan anggota dan peyuran dan jenis kepentingan mereka dalam pertubuhan itu; dan	
	(iii) penguntukan atau pembahagian yang dicadangkan mengenai kumpulan wang dan harta pertubuhan itu, melainkan jika penguntukan atau pembahagian itu dinyatakan dalam surat cara pembubaran sebagai terpulang kepada Pendaftar bagi menetapkannya;	
	(b) suatu akuan berkanun yang dibuat oleh salah seorang pemegang amanah atau oleh tiga orang anggota dan setiausaha pertubuhan itu bahawa peruntukan Akta ini telah dipatuhi hendaklah dihantar kepada Pendaftar bersama-sama dengan surat cara pembubaran itu;	
	(c) surat cara itu tidak boleh mengarahkan atau mengandungi apa-apa peruntukan bagi pembahagian atau penguntukan kumpulan wang pertubuhan itu atau apa-apa bahagiannya, selain bagi maksud melaksanakan tujuan pertubuhan itu sebagaimana	

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

yang ditetapkan dalam kaedah-kaedahnya, melainkan jika tuntutan tiap-tiap anggota atau orang yang menuntut apa-apa bantuan, anuiti atau faedah lain daripada kumpulan wangnya ditunaikan dengan sewajarnya terlebih dahulu atau peruntukan yang cukup ada dibuat bagi menunaikan tuntutan itu;

- (d) surat cara pembubaran itu hendaklah didaftarkan mengikut cara diperuntukkan dalam Akta ini bagi pendaftaran pindaan kaedah-kaedah, dan hendaklah mengikat semua anggota pertubuhan itu; dan
- (e) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya pembubaran itu disiarkan dalam *Warta* dan jika dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran itu dalam *Warta*, seseorang anggota atau peyuran atau orang lain yang mempunyai kepentingan mengenai atau yang ada apa-apa tuntutan ke atas kumpulan wang pertubuhan itu tidak memulakan apa-apa prosiding untuk mengetepikan pembubaran pertubuhan itu, dan oleh itu pembubaran itu tidak diketepikan, pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah dibubarkan dari tarikh penyiaran itu dalam *Warta*; dan persetujuan yang perlu dalam surat cara pembubaran itu hendaklah disifatkan telah didapati dengan sewajarnya tanpa bukti mengenai tandatangan dalamnya.” menggantikan “Jika sa-suatu pertubuhan berdaftar ditamatkan dengan suatu suratchara pembubaran, maka peruntukan yang berikut hendaklah di-pakai—

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(a) suratchara itu hendak-lah menyatakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) tanggungan dan harta pertubohan berdaftar itu satu per satu;</li> <li>(ii) bilangan anggota<sup>2</sup> dan peyuran<sup>2</sup> dan jenis kepentingan mereka dalam pertubohan itu; dan</li> <li>(iii) peruntokan dan pembahagian yang di-chadangkan mengenai kumpulan<sup>2</sup>-wang dan harta pertubohan itu, melainkan jika peruntokan dan pembahagian itu di-nyatakan di-dalam suratchara pembubaran sa-bagai terpulang kepada Pendaftar bagi menetapkan-nya;</li> </ul>	
	<p>(b) suatu surat akuan yang di-buat oleh salah sa-orang daripada pemegang<sup>2</sup> amanah atau oleh tiga orang anggota dan setia-usaha pertubohan itu yang peruntokan Act ini telah di-turut hendak-lah di-hantarkan kepada Pendaftar bersama dengan suratchara pembubaran itu;</p>	
	<p>(c) suratchara itu tidak-lah boleh mengarahkan atau mengandongi apa<sup>2</sup> peruntokan berkenaan dengan pembahagian atau peruntokan kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubohan itu atau apa<sup>2</sup> bahagian daripada-nya kechuali bagi maksud melaksanakan tujuan<sup>2</sup> pertubohan itu sa-bagaimana yang di-tetapkan di-dalam atoran<sup>2</sup>-nya, melainkan jika tuntutan tiap<sup>2</sup> orang anggota atau orang yang menuntut bantuan, bayaran tahunan atau lain<sup>2</sup> faedah daripada kumpulan<sup>2</sup>-wang-nya di-tunaikan dengan</p>	

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

sempurna-nya dahulu atau melainkan jika peruntukan yang chukup ada di-buat berkenaan dengan menunaikan tuntutan<sup>2</sup> itu;

- (d) suratchara pembubaran itu hendaklah di-daftarkan mengikut chara yang di-peruntokkan di-dalam Act ini berkenaan dengan pendaftaran pindaan<sup>2</sup> bagi atoran<sup>2</sup>, dan hendaklah mengikati semua anggota pertubohan itu; dan
- (e) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya pembubaran itu di-siarkan di-dalam *Warta Kerajaan* dan jika dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran itu di-dalam *Warta Kerajaan*, sa-saorang anggota atau peyuran atau lain<sup>2</sup> orang yang ada mempunyai kepentingan atau yang ada apa<sup>2</sup> tuntutan atas kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubohan itu tidak memukakan apa<sup>2</sup> langkah-pembhicarakan bagi membatalkan pembubaran pertubohan itu, dan dengan hal yang demikian pembubaran itu tidak di-batalkan, maka pertubohan itu hendaklah di-sifatkan sebagai telah di-bubarkan dari tarikh penyiaran di-dalam *Warta Kerajaan* itu; dan persetujuan<sup>2</sup> yang perlu di-dalam suratchara pembubaran itu hendaklah di-sifatkan sa-bagai telah didapati dengan sempurna-nya dengan tidak payah di-buktikan dengan tandatangan<sup>2</sup> di-dalam-nya.”

subseksyen  
38(1)

Perkataan “Jika didapati oleh Pendaftar daripada apa-apa maklumat dalam milikannya bahawa kumpulan wang sesuatu pertubuhan berdaftar yang mempunyai dua ribu anggota atau lebih tidak mencukupi untuk menunaikan tuntutan yang ada ke atasnya atau bahawa kadar caruman yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah pertubuhan itu tidak mencukupi untuk menampung

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

faedah yang dijamin, Pendaftar boleh memerintahkan pertubuhan itu supaya melantik seorang juruaudit atau aktuari yang akan diluluskan olehnya untuk menyasat hal ehwal atau sebahagian daripada hal ehwal pertubuhan itu, tetapi Pendaftar hendaklah memberikan tidak kurang daripada satu bulan notis terlebih dahulu secara bertulis kepada pertubuhan yang hal ehwalnya akan disiasat.” menggantikan “Jika Pendaftar berpendapat daripada apa<sup>2</sup> ma’lumat di-dalam milek-nya bahawa kumpulan<sup>2</sup>-wang sa-suatu pertubuhan berdaftar yang ada mempunyai dua ribu atau lebih anggota<sup>2</sup> tidak mencukupi untuk menunaikan tuntutan<sup>2</sup> yang ada atas-nya itu atau bahawa kadar<sup>2</sup> charum yang di-tetapkan di-dalam atoran<sup>2</sup> pertubuhan itu tidak mencukupi untuk menunaikan faedah<sup>2</sup> yang di-janjikan itu, maka Pendaftar boleh memerintah pertubuhan itu melantik sa-orang juru odit atau akchuari yang akan di-luluskan oleh-nya bagi menyasat hal ehwal atau sa-bahagian daripada hal ehwal pertubuhan itu, akan tetapi Pendaftar itu hendak-lah memberi tidak kurang daripada sa-bulan notis terlebih dahulu dengan bertulis kepada pertubuhan yang hal ehwal-nya akan di-siasat itu.”

subseksyen  
38(2)

Perkataan “Jika apabila penyiasatan dijalankan didapati oleh Pendaftar bahawa kumpulan wang pertubuhan itu tidak mencukupi untuk menunaikan tuntutan yang ada ke atasnya atau bahawa kadar caruman yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah pertubuhan itu tidak mencukupi untuk menampung faedah yang dijamin, Pendaftar boleh, jika dianggapnya suai manfaat untuk berbuat demikian, memerintahkan pertubuhan itu dibubarkan dan hal ehwalnya digulung dan hendaklah mengarahkan cara apa aset pertubuhan itu akan dibahagikan atau diuntukkan:

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh menggantung perintahnya selama tempoh yang difikirkannya perlu untuk membolehkan pertubuhan itu membuat apa-apa perubahan atau penyesuaian mengenai caruman dan faedah yang akan, menurut hematnya, mengelakkan keperluan bagi membuat perintah pembubaran.” menggantikan “Jika apabila penyiasatan di-jalankan Pendaftar berpendapat bahawa kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubuhan itu tidak menchukupi untuk menunaikan tuntutan<sup>2</sup> yang ada atas-nya atau bahawa kadar<sup>2</sup> charum yang ditetapkan di-dalam atoran<sup>2</sup> pertubuhan itu tidak menchukupi untuk menunaikan faedah<sup>2</sup> yang di-janjikan, maka Pendaftar boleh, jika di-fikirkan-nya berfaedah berbuat demikian, memerintah supaya pertubuhan itu di-bubarkan dan hal ehwal-nya di-selesaikan dan hendaklah mengarahkan bagaimana harta pertubuhan itu akan di-bahagi<sup>2</sup>kan atau di-peruntukkan:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh menggantung perentah-nya selama tempoh sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya perlu bagi membolehkan pertubuhan itu membuat apa<sup>2</sup> perubahan atau penyesuaian mengenai charum<sup>2</sup> dan faedah<sup>2</sup> yang akan, menurut hemat-nya, mengelakkan perentah pembubaran daripada perlu di-buat.”

- |                     |    |   |                     |
|---------------------|----|---|---------------------|
| subseksyen<br>38(3) | 1. | Perkataan “hendaklah mempunyai” menggantikan “ada-lah di-beri”    | perenggan 6(1)(xxa) |
|                     | 2. | Perkataan “autoriti” menggantikan “kebenaran”                     | perenggan 6(1)(xxa) |
|                     | 3. | Perkataan “penalti” menggantikan “hukum <sup>2</sup> ”            | perenggan 6(1)(xxa) |
|                     | 4. | Perkataan “dalam hal” menggantikan “yang mengenai”                | perenggan 6(1)(xxa) |
|                     | 5. | Perkataan “di bawah seksyen 40” menggantikan “menurut sekshen 40” | perenggan 6(1)(xxa) |

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 38(4)	Perkataan “Tiap-tiap perintah di bawah seksyen ini, sama ada bagi pembubaran atau pembahagian kumpulan wang, hendaklah mengikat pertubuhan yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat dan ke atas semua anggota dan peyuran pertubuhan itu dan ke atas semua orang yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas kumpulan wang pertubuhan itu dan hendaklah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti suatu keputusan dalam sesuatu pertikaian di bawah seksyen 40.” menggantikan “Tiap <sup>2</sup> perintah di-bawah sekshen ini, sama ada berkenaan dengan pembubaran atau pembahagian kumpulan <sup>2</sup> -wang, hendak-lah terikat atas pertubohan yang berkenaan dengan-nya perintah itu di-buat dan atas semua orang yang ada mempunyai apa <sup>2</sup> tuntutan atas kumpulan <sup>2</sup> -wang pertubohan itu dan hendak-lah di-kuatkuasakan sama seperti suatu keputusan dalam sa-suatu pertikaian di-bawah sekshen 40.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 38(5)	Perkataan “Belanja bagi penyiasatan dan penyiaran perintah bagi pembubaran di bawah seksyen ini hendaklah dibayar daripada kumpulan wang pertubuhan itu sebelum apa-apa pengumuman lain dibuat daripada kumpulan wang itu.” menggantikan “Perbelanjaan <sup>2</sup> bagi penyiasatan dan bagi menyiarkan perintah berkenaan dengan pembubaran di-bawah sekshen ini hendak-lah di-bayar daripada kumpulan <sup>2</sup> -wang pertubohan itu sebelum apa <sup>2</sup> peruntukan lain di-buat daripada-nya.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 38(6)	Perkataan “Tiap-tiap perintah bagi pembubaran hendaklah, dalam masa dua puluh satu hari selepas perintah itu dibuat, disiarkan dalam <i>Warta</i> dan jika dalam masa tiga bulan dari tarikh penyiaran perintah itu, seseorang anggota atau peyuran atau orang yang mempunyai kepentingan mengenai atau yang mempunyai apa-apa tuntutan ke atas kumpulan wang pertubuhan itu tidak	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

memulakan apa-apa prosiding untuk mengetepikan pembubaran pertubuhan itu yang disebabkan oleh perintah itu, dan pembubaran itu tidak diketepikan, pertubuhan itu hendaklah disifatkan telah dibubarkan mulai dari tarikh penyiaran perintah itu.” menggantikan “Tiap<sup>2</sup> perintah berkenaan dengan pembubaran hendak-lah, dalam masa dua puluh satu hari sa-lepas perintah itu di-buat, di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* dan jika dalam masa tiga bulan dari penyiaran perintah itu, sa-saorang anggota atau peyuran atau sa-saorang yang ada mempunyai apa<sup>2</sup> kepentingan atau apa<sup>2</sup> tuntutan atas kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubuhan itu tidak memulakan apa<sup>2</sup> langkah-pembicharaan bagi membatalkan pembubaran pertubuhan itu yang di-sebabkan oleh perintah itu, dan oleh demikian itu pembubaran tidak di-batalkan, maka pertubuhan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah di-bubarkan mulai dari tarikh penyiaran perintah itu.”

seksyen 39

Dalam nota bahu, perkataan “**Notis prosiding untuk mengetepikan pembubaran**” menggantikan “**Notis mengenai langkah-pembicharaan bagi membatalkan pembubaran**”

perenggan 6(1)(iii)

subseksyen 39(1)

Perkataan “Jika seseorang menjalankan apa-apa prosiding untuk mengetepikan pembubaran sesuatu pertubuhan berdaftar, dia hendaklah memberikan notis mengenai prosiding itu kepada Pendaftar tidak kurang daripada tujuh hari sebelum prosiding itu dimulakan.” menggantikan “Jika sa-saorang menjalankan apa<sup>2</sup> langkah-pembicharaan bagi membatalkan pembubaran sa-suatu pertubuhan berdaftar, maka ia hendaklah memberi notis mengenai langkah-pembicharaan itu kepada Pendaftar tidak kurang daripada tujuh hari sa-belum langkah-pembicharaan itu di-mulakan.”

perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

subseksyen 39(2)

1. Perkataan “yang mengetepikan” menggantikan “membatalkan”

perenggan 6(1)(xxa)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	2. Perkataan “maka” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxa)
	3. Perkataan “memberikan” menggantikan “memberi”	perenggan 6(1)(xxa)
seksyen 40	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>mengenai</b> ” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 40(1)	Perkataan “Sesuatu pertikaian antara— (a) seseorang anggota atau peyuran atau seseorang yang menuntut melalui seseorang anggota atau seseorang peyuran atau di bawah kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan berdaftar dengan pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu; dan  (b) mana-mana orang yang terkilan yang terhenti menjadi anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana orang yang menuntut melalui orang yang terkilan itu, dengan pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu,  hendaklah diputuskan mengikut cara yang diarahkan oleh kaedah-kaedah pertubuhan berdaftar itu; dan keputusan yang diberikan sedemikian hendaklah mengikat dan konklusif ke atas semua pihak tanpa rayuan, dan tidak boleh dibawa kepada mana-mana mahkamah atau ditahan melalui injunksi, dan permohonan bagi penguatkuasaan keputusan itu boleh dibuat kepada Mahkamah Sesyen.” menggantikan “Sa-suatu pertikaian di-antara—  (a) sa-saorang anggota atau peyuran atau sa-saorang yang menuntut melalui sa-saorang anggota atau sa-saorang peyuran atau menurut atoran <sup>2</sup> sa-suatu pertubohan berdaftar dengan pertubohan itu atau sa-saorang pemegang-jawatan-nya; dan	perenggan 6(1)(iii), (xvi) dan (xxa)

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

(b) mana<sup>2</sup> orang yang mushkil yang tidak lagi menjadi anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana<sup>2</sup> orang yang menuntut melalui orang yang mushkil itu, dengan pertubuhan itu atau sa-saorang pemegang-jawatan-nya,

hendak-lah di-putuskan mengikut chara yang di-arahkan menurut atoran<sup>2</sup> pertubuhan berdaftar itu; dan keputusan yang di-beri demikian itu hendak-lah terikat dan menjadi mu'tamad atas segala pehak dengan tiada hak merayu, dan tidak boleh di-bawa kapada mana<sup>2</sup> Mahkamah atau di-tahan dengan jalan *injunction*; dan permohonan untok penglaksanaan-nya boleh-lah di-buat kapada Mahkamah Seshen di-dalam Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu atau sa-sabuah Mahkamah Majisteret Kelas Pertama di-dalam Negeri<sup>2</sup> Sabah dan Sarawak."

subseksyen  
40(2)

Perkataan "melalui" menggantikan "dengan jalan"

perenggan 6(1)(xxa)

subseksyen  
40(3)

Perkataan "Pendaftar yang kepadanya sesuatu pertikaian dirujukkan hendaklah sama ada olehnya sendiri atau oleh mana-mana Penolong Pendaftar, mendengar dan memutuskan pertikaian itu dan hendaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan supaya belanja bagi memutuskan pertikaian itu dibayar sama ada daripada kumpulan wang pertubuhan itu atau oleh mana-mana pihak dalam pertikaian itu sebagaimana yang difikirkannya patut; dan pemutusannya atau perintahnya hendaklah mempunyai kesan yang sama dan boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama seperti suatu keputusan yang dibuat mengikut cara yang diarahkan oleh kaedah-kaedah pertubuhan itu." menggantikan "Pendaftar yang kapada-nya sa-satu pertikaian dirujokkan hendak-lah sama ada oleh-nya sendiri atau oleh sa-saorang Penolong Pendaftar, membichara dan memutuskan pertikaian itu dan ada-lah berkuasa memerintah supaya perbelanjaan<sup>2</sup> bagi memutuskan pertikaian itu di-bayar sama ada

perenggan 6(1)(iii),  
(xvi) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	daripada kumpulan <sup>2</sup> -wang pertubahan itu atau oleh mana <sup>2</sup> pihak dalam pertikaian itu sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut; dan keputusan atau perintah-nya ada-lah berkuatkuasa dan boleh di-kuatkuasakan sama saperti suatu keputusan yang di-buat mengikut chara yang di-arahkan oleh atoran <sup>2</sup> pertubahan itu.”	
subseksyen 40(4)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “mengendalikan” menggantikan “mentadbirkan”</li> <li>2. Perkataan “semua” menggantikan “segala” di mana jua terdapat</li> <li>3. Perkataan “dokumen yang berhubungan” menggantikan “suratan berhubong”</li> <li>4. Perkataan “dipersoalkan itu dikemukakan” menggantikan “di-persoal di-tunjokkan”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p>
Bahagian 3	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “BAHAGIAN III” menggantikan “BAHAGIAN 3”</li> <li>2. Perkataan “PERUNTUKAN PELBAGAI YANG TERPAKAI BAGI PERTUBUHAN SECARA AMNYA” menggantikan “PELBAGAI PERUNTOKAN YANG DI-PAKAI BAGI PERTUBOHAN<sup>2</sup> AM-NYA”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>
subseksyen 41(1)	<p>Perkataan “Bagi maksud Akta ini, mana-mana pertubahan yang berikut adalah menjadi suatu pertubahan yang menyalahi undang-undang, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) sesuatu pertubahan atau sesuatu cawangan yang telah diisytiharkan sebagai menyalahi undang-undang oleh Menteri di bawah seksyen 5;</li> <li>(b) sesuatu pertubahan atau sesuatu cawangan yang tidak didaftarkan di bawah seksyen 7;</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(c) sesuatu cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar, jika cawangan itu telah ditubuhkan dengan melanggar subseksyen 12(1), atau terus wujud dengan melanggar proviso kepada subseksyen 12(3);</p> <p>(d) sesuatu pertubuhan atau sesuatu cawangan pertubuhan itu yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah seksyen 2A, 13, 14 atau 16.” menggantikan “Bagi maksud<sup>2</sup> Act ini mana<sup>2</sup> daripada pertubohan<sup>2</sup> yang berikut ada-lah menjadi suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup>, ia-itu—</p> <p>(a) sa-suatu pertubohan atau sa-suatu chawangan-nya yang telah diishtiharkan sa-bagai menyalahi undang<sup>2</sup> oleh Menteri di-bawah sekshen 5;</p> <p>(b) sa-suatu pertubohan atau sa-suatu chawangan-nya yang tidak di-daftarkan di-bawah sekshen 7;</p> <p>(c) sesuatu cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar, jika cawangan itu telah ditubuhkan berlanggaran dengan subseksyen (1) seksyen 12, atau terus wujud berlanggaran dengan proviso kepada subseksyen (3) seksyen 12;</p> <p>(d) sa-suatu pertubohan atau sa-suatu chawangan-nya yang pendaftarannya telah di-batalkan di-bawah seksyen 2A, 13 atau 16.”</p>	
subseksyen 41(2)	<p>1. Perkataan “maka” ditinggalkan di mana jua terdapat</p> <p>2. Perkataan “seperti yang disebut terdahulu” ditinggalkan</p>	<p>perenggan 6(1)(xxi)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p>
seksyen 42	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>Penalti ke atas pemegang jawatan, dsb., pertubuhan yang menyalahi undang-undang</b>” menggantikan “<b>Seksaan<sup>2</sup> bagi pemegang-jawatan, dsb. pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup></b>”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii), (xvi) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>2. Perkataan “Mana-mana pemegang jawatan dan mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> pemegang-jawatan dan mana<sup>2</sup> orang yang mengurus atau menolong dalam pengurusan mana<sup>2</sup> pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada lima tahun atau denda tidak lebeh daripada lima belas ribu ringgit atau kedua<sup>2</sup>-nya.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)</p>
seksyen 43	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>Penalti ke atas anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang</b>” menggantikan “<b>Seksaan<sup>2</sup> bagi anggota pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup></b>”</p> <p>2. Perkataan “Mana-mana orang yang menjadi atau bertindak sebagai seorang anggota bagi sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau menghadiri sesuatu mesyuarat bagi sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau yang membayar wang atau memberikan apa-apa bantuan kepada atau bagi maksud sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> orang yang menjadi atau yang menjalankan kerja sa-bagai sa-orang anggota bagi sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> atau menghadiri sa-suatu meshuarat</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxa) dan (xxi)</p>

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> itu atau mana<sup>2</sup> orang yang membayar wang atau memberi apa<sup>2</sup> bantuan kepada atau bagi maksud<sup>2</sup> sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada tiga tahun atau denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau kedua<sup>2</sup>-nya.”

seksyen 44

1. Dalam nota bahu, perkataan “**premis**” menggantikan “**bangunan**” perenggan 6(1)(xxa)
2. Perkataan “Mana-mana orang yang dengan diketahuinya membenarkan sesuatu mesyuarat bagi sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau bagi anggota sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, diadakan di mana-mana rumah, bangunan atau tempat yang dipunyai atau dihuni atau dikawal olehnya, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> orang yang dengan mengetahui membenarkan sa-suatu meshuarat bagi sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup>, atau bagi anggota<sup>2</sup> sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> di-adakan di-mana<sup>2</sup> rumah, bangunan atau tempat yang dipunyai atau di-dudoki oleh-nya, atau yang ia berkuasa mengawal ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada tiga tahun atau denda tidak lebeh daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua<sup>2</sup>-nya.” subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxa) dan (xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 45	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Penalti kerana menghasut, dsb., seseorang supaya menjadi seorang anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang</b> ” menggantikan “ <b>Seksaan kerana menghasut, dsb. sa-saorang supaya menjadi sa-saorang anggota pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup></b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 45(1)	Perkataan “Mana-mana orang yang menghasut, mendorong atau mengajak seorang lain supaya menjadi seorang anggota, atau supaya membantu dalam pengurusan, sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Mana <sup>2</sup> orang yang menghasut, mendorong atau mengajak sa-orang lain supaya menjadi sa-orang anggota, atau supaya menolong dalam pengurusan sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang <sup>2</sup> ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada empat tahun atau denda tidak lebeh daripada lima belas ribu ringgit atau kedua <sup>2</sup> nya.”	perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 45(2)	Perkataan “Mana-mana orang yang menggunakan apa-apa kekerasan, ugutan atau intimidasi terhadap mana-mana orang lain bagi mendorong orang lain itu supaya menjadi seorang anggota, atau supaya membantu dalam pengurusan, sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Mana <sup>2</sup> orang yang menggunakan apa <sup>2</sup> kekerasan, ugutan kepada sa-saorang lain atau menakutkan-nya bagi mendorong-nya supaya menjadi sa-orang anggota atau supaya menolong dalam pengurusan sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang <sup>2</sup>	subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan (xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada lima tahun atau denda tidak lebeh daripada lima belas ribu ringgit atau kedua <sup>2</sup> -nya.”	
seksyen 46	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>Penalti kerana mendapatkan yuran atau bantuan untuk pertubuhan yang menyalahi undang-undang</b>” menggantikan “<b>Seksaan kerana mendapatkan yuran atau bantuan untok pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup></b>”</p> <p>2. Perkataan “Mana-mana orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan daripada mana-mana orang lain apa-apa yuran atau bantuan bagi maksud sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> orang yang mendapatkan atau menchuba mendapatkan daripada sa-saorang lain apa<sup>2</sup> yuran atau bantuan bagi maksud sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada tiga tahun atau denda tidak lebeh daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua<sup>2</sup>-nya.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)</p>
seksyen 47	<p>1. Dalam nota bahu, koma dimasukkan selepas perkataan “<b>dsb.</b>”</p> <p>2. Perkataan “Mana-mana orang yang mencetak, menyiarkan, mempamerkan, menjual atau mendedahkan untuk jualan, atau menghantarkan melalui pos atau yang, tanpa kuasa atau sebab yang sah, ada dalam milikannya apa-apa</p>	<p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxa) dan (xxi)</p>



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>pelekat, surat khabar, buku, pekeliling, pernyataan bergambar atau apa-apa dokumen atau tulisan lain atau yang dikeluarkan atau yang nampaknya dikeluarkan oleh atau bagi pihak atau bagi kepentingan sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya, dan apa-apa buku, terbitan berkala, risalah, poster, perisytiharan, surat khabar, surat atau apa-apa dokumen atau tulisan lain yang berkenaan dengannya orang itu telah disabitkan hendaklah dilucuthakkan.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> orang yang menchetak, menyiarkan, menunjukkan, menjual atau mendedahkan untok jualan, atau menghantarkan melalui pos atau yang dengan tiada mempunyai kuasa atau sebab yang sah di-sisi undang<sup>2</sup> ada dalam milek-nya apa<sup>2</sup> pelekat, akhbar, buku, pekeliling, pernyataan bergambar atau apa<sup>2</sup> jua suratan atau tulisan lain atau yang di-keluarkan atau yang nampak-nya di-keluarkan oleh atau bagi pihak atau bagi kepentingan sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada dua tahun atau denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau kedua<sup>2</sup>-nya, dan apa<sup>2</sup> jua buku, majallah, risalah, poster, perishtiheran, akhbar, surat atau apa<sup>2</sup> lain suratan atau tulisan yang berkenaan dengan-nya orang itu telah di-thabitkan hendak-lah di-rampas.”</p>	
seksyen 48	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>suatu</b> ” ditinggalkan	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
subseksyen 48(1)	1. Perkataan “jua” dan “dengan cara apa jua pun” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	2. Perkataan “pemegang jawatan pertubuhan itu” menggantikan “pemegang jawatannya” di mana jua terdapat	perenggan 6(1)(iii)
	3. Perkataan “cawangan pertubuhan itu” menggantikan “cawangannya”	perenggan 6(1)(iii)
	4. Perkataan “berhubung” menggantikan “berhubungan”	perenggan 6(1)(iii)
	5. Perkataan “melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya” menggantikan “adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada lima belas ribu ringgit”	subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 48(2)	1. Perkataan “sesuatu” dimasukkan selepas perkataan “oleh”	perenggan 6(1)(iii) dan (xv)
	2. Perkataan “cawangan pertubuhan itu” menggantikan “cawangannya”	perenggan 6(1)(iii)
seksyen 49	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Liabiliti pemegang jawatan pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan</b> ” menggantikan “ <b>Tanggungan pemegang-jawatan pertubuhan yang pendaftaran-nya telah di-batalkan di-bawah seksyen 13</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 49(1)	Perkataan “Jika pendaftaran mana-mana pertubuhan, selain suatu pertubuhan yang merupakan suatu parti politik, telah dibatalkan di bawah seksyen 2A, atau perenggan 13(1)(b) atau subperenggan 13(1)(c)(i), (ii), (iii), (iv), (vi), (vii), (viii) atau (ix), atau di bawah seksyen 16, mana-mana pemegang jawatan bagi pertubuhan pada masa pembatalan itu yang selepas daripada masa itu menjadi atau, selepas habis tempoh tiga puluh hari dari pembatalan itu, terus menjadi pemegang jawatan bagi mana-mana pertubuhan lain tanpa kebenaran	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>secara bertulis Pendaftar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit atau kedua-duanya.” menggantikan “Jika pendaftaran mana<sup>2</sup> pertubuhan, selain daripada suatu pertubuhan yang ia adalah suatu parti politik yang di-batalkan di-bawah seksyen 2A, atau perenggan (b) atau perenggan-perenggan kecil (i), (ii), (iii), (iv), (vi), (vii), (viii) atau (ix) perenggan (c) seksyen kecil (1) seksyen 13, atau di bawah seksyen 16, maka sa-saorang pemegang-jawatan bagi pertubuhan pada masa pembatalan itu yang sa-lepas daripada masa itu menjadi atau, selepas habis tempoh tiga puluh hari dari pembatalan itu, terus menjadi sa-orang pemegang-jawatan bagi mana<sup>2</sup> pertubuhan lain dengan tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Pendaftar ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada lima tahun atau denda tidak lebeh daripada lima belas ribu ringgit atau kedua<sup>2</sup>-nya.”</p>	
<p>subseksyen 49(2)</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perkataan “perenggan 13(1)(b),” menggantikan “perenggan (b) seksyen-kecil (1) seksyen 13”</li> <li>Perkataan “habis” menggantikan “tamat”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xvi)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p>
<p>seksyen 50</p>	<p>Dalam nota bahu, perkataan “<b>Bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain bagi pertubuhan</b>” menggantikan “<b>Bendera, lambang, lenchana atau lain<sup>2</sup> tanda bagi pertubuhan</b>”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p>
<p>subseksyen 50(1)</p>	<p>Perkataan “Tiada pertubuhan boleh menggunakan sebagai untuknya sendiri apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain tanpa kelulusan oleh Pendaftar.” menggantikan</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	“Tiada-lah sa-suatu jua pertubohan boleh memakai sa-bagai untok-nya sendiri apa <sup>2</sup> bendera, lambang, lenchana atau lain <sup>2</sup> tanda melainkan jika bendera, lambang, lenchana atau lain <sup>2</sup> tanda itu telah diluluskan oleh Pendaftar.”	
subseksyen 50(2)	Perkataan “Pendaftar boleh mengenakan syarat-syarat yang membolehkan bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain itu dipamerkan.” menggantikan “Pendaftar boleh menyatakan sharat <sup>2</sup> yang boleh membenarkan bendera, lambang, lenchana atau lain <sup>2</sup> tanda itu di-tunjokkan.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 50(3)	Perkataan “Mana-mana orang atau pertubuhan yang mempamerkan apa-apa bendera, simbol, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain yang tidak mendapat kelulusan Pendaftar atau dengan melanggar mana-mana syarat yang dikenakan oleh Pendaftar melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.” menggantikan “Mana <sup>2</sup> orang atau pertubohan yang menunjokkan apa <sup>2</sup> bendera, lambang, lenchana atau lain <sup>2</sup> tanda yang tiada mendapat kelulusan oleh Pendaftar atau dengan melanggar mana <sup>2</sup> sharat yang di-kenakan oleh Pendaftar ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada tiga bulan atau denda tidak lebeh daripada tiga ribu ringgit.”	perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 51	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Liabiliti pemegang jawatan berkenaan dengan kesalahan oleh pertubuhan</b> ” menggantikan “ <b>Tanggungan pemegang-jawatan berkenaan dengan kesalahan<sup>2</sup> oleh pertubohan</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 51(1)	1. Dibahagikan kepada perenggan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(iii), (xii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	2. Perkataan “atau” selepas perkataan “tiap-tiap pemegang jawatan pertubuhan itu” menggantikan “dan”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 51(2)	Perkataan “Mana-mana pemegang jawatan atau orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan pertubuhan itu boleh didakwa di bawah seksyen ini, walaupun dia mungkin tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan itu.” menggantikan “Mana <sup>2</sup> pemegang-jawatan atau orang yang mengurus atau menolong dalam pengurusan pertubuhan itu boleh-lah di-da’awa di-bawah sekshen ini, walau pun boleh jadi ia tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 51(3)	Perkataan “Dalam mana-mana pendakwaan di bawah subseksyen (1) terhadap seseorang pemegang jawatan atau mana-mana orang yang menguruskan atau membantu dalam pengurusan sesuatu pertubuhan, apa-apa dokumen yang ditemui dalam milikan seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu atau seseorang yang membantu dalam pengurusan pertubuhan itu atau dalam milikan seseorang anggota pertubuhan itu atau yang ditemui dalam mana-mana tempat yang dipajak, disewa, dipinjam, digunakan atau dikawal oleh pertubuhan itu adalah menjadi keterangan <i>prima facie</i> tentang kandungan dokumen itu bagi maksud membuktikan bahawa apa-apa jua telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan oleh atau bagi pihak pertubuhan itu.” menggantikan “Dalam apa <sup>2</sup> penda’awaan di-bawah sekshen-kechil (1) terhadap sa-saorang pemegang-jawatan atau mana <sup>2</sup> orang yang mengurus atau yang menolong dalam pengurusan sa-suatu pertubuhan, apa <sup>2</sup> surat yang di-dapati dalam milek sa-saorang pemegang-jawatan pertubuhan itu atau dalam milek sa-saorang yang menolong dalam pengurusan pertubuhan itu atau dalam milek sa-saorang anggota pertubuhan itu atau yang di-dapati di-	perenggan 6(1)(iii), (xxa) dan (xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	dalam mana <sup>2</sup> tempat yang di-pajak, di-sewa, di-pinjam, di-gunakan atau di-kelolai oleh pertubuhan itu hendaklah menjadi keterangan <i>prima facie</i> mengenai kandongan-nya bagi maksud membuktikan bahawa sa-suatu telah di-lakukan atau berupa telah di-lakukan oleh atau bagi pehak pertubuhan itu.”	
sekseyen 52	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Pertubuhan yang menggunakan upacara kongsi gelap disifatkan sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang</b> ” menggantikan “ <b>Pertubuhan yang menggunakan upacara <i>Triad</i> di-sifatkan sa-bagai pertubuhan yang menyalahi undang</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subsekseyen 52(1)	Perkataan “Tiap-tiap pertubuhan, sama ada ia didaftarkan atau tidak, yang menggunakan upacara kongsi gelap hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang.” menggantikan “Tiap <sup>2</sup> pertubuhan, sama ada ia-nya di-daftarkan atau tidak, yang menggunakan upacara <i>Triad</i> , hendak-lah di-sifatkan sa-bagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang <sup>2</sup> .”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subsekseyen 52(2)	Perkataan “Bagi maksud subsekseyen (1), upacara kongsi gelap ertinya apa-apa upacara yang biasanya digunakan oleh pertubuhan kongsi gelap, apa-apa upacara yang begitu menyerupai mana-mana upacara itu dan mana-mana bahagian daripada upacara itu.” menggantikan “Bagi maksud sekshen-kechil (1) upacara <i>Triad</i> erti-nya apa <sup>2</sup> upacara yang biasa-nya di-gunakan oleh Pertubuhan <sup>2</sup> <i>Triad</i> , apa <sup>2</sup> upacara yang sa-hampir <sup>2</sup> menyerupai sa-suatu upacara itu dan sa-suatu bahagian daripada upacara itu.”	perenggan 6(1)(iii), (xvi) dan (xxa)
subsekseyen 52(3)	Perkataan “Mana-mana orang yang menjadi atau bertindak sebagai anggota sesuatu pertubuhan kongsi gelap atau menghadiri mesyuarat pertubuhan itu atau didapati memiliki, atau ada dalam jagaan atau	perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>kawalannya, apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan kongsi gelap sama ada pertubuhan itu ditubuhkan di Malaysia atau tidak, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> orang yang menjadi atau menjalankan kerja sa-bagai sa-orang anggota sa-suatu pertubuhan <i>Triad</i> atau yang menghadhiri sa-suatu meshuarat-nya atau yang di-dapati ada dalam milek-nya, atau ada dalam jagaan atau kawalan-nya apa<sup>2</sup> buku, kira<sup>2</sup>, tulisan, senarai anggota<sup>2</sup>, meteri, panji<sup>2</sup> atau tanda bagi, atau berhubong dengan, sa-suatu pertubuhan <i>Triad</i> sama ada pertubuhan itu di-tubuhkan di-dalam Persekutuan atau tidak, ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah dikenakan penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada lima tahun atau denda tidak lebeh daripada lima belas ribu ringgit.”</p>	
seksyen 53	<p>Dalam nota bahu, perkataan “<b>Penalti kerana salah guna wang atau harta pertubuhan berdaftar</b>” menggantikan “<b>Seksaan kerana menggunakan sa-chara salah wang atau harta pertubuhan berdaftar</b>”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 53(1)	<p>Perkataan “Jika, atas aduan yang dibuat oleh seseorang anggota suatu pertubuhan berdaftar atau oleh Pendaftar, ditunjukkan dengan memuaskan hati Mahkamah Sesyen bahawa mana-mana pemegang jawatan atau anggota pertubuhan itu ada dalam milikan atau kawalannya apa-apa harta pertubuhan itu selain mengikut kaedah-kaedah pertubuhan itu, atau telah menahan secara menyalahi undang-undang atau telah dengan sengaja menggunakan apa-apa wang pertubuhan itu bagi maksud selain yang dinyatakan atau diarahkan dalam kaedah-kaedah pertubuhan itu dan yang dibenarkan oleh Akta ini, Mahkamah itu hendaklah, jika</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

difikirkannya perlu untuk keadilan hal itu, memerintahkan pemegang jawatan atau anggota itu supaya menyerahkan segala harta itu kepada pemegang amanah pertubuhan itu serta membayar kepada mereka itu wang yang ditahan secara menyalahi undang-undang atau yang digunakan secara tidak sepatutnya itu.” menggantikan “Jika, atas aduan yang di-buat oleh sa-saorang anggota sa-suatu pertubuhan berdaftar, atau oleh Pendaftar, Mahkamah Seshen di-dalam Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu atau sa-sabuaah Mahkamah Majisteret Kelas Pertama di-dalam Negeri<sup>2</sup> Sabah dan Sarawak di-beritahu hingga memberi puashati-nya bahawa sa-saorang pemegang-jawatan atau anggota pertubuhan itu ada dalam milek atau kawalan-nya apa<sup>2</sup> jua harta pertubuhan itu dengan apa<sup>2</sup> jalan, lain daripada yang mengikut atoran<sup>2</sup> pertubuhan itu, atau telah menahan sa-chara yang menyalahi undang<sup>2</sup> atau telah bersengaja menggunakan apa<sup>2</sup> wang pertubuhan itu bagi maksud<sup>2</sup>, lain daripada maksud<sup>2</sup> yang di-nyata atau di-arahkan dalam atoran<sup>2</sup> pertubuhan itu dan yang di-benarkan oleh Act ini, maka Mahkamah itu hendak-lah, jika di-fikirkan-nya perlu untuk ke’adilan hal itu, memerintah pemegang-jawatan atau anggota itu supaya menyerahkan segala harta itu kepada pemegang<sup>2</sup> amanah pertubuhan itu serta membayar kepada mereka itu wang yang di-tahan sa-chara menyalahi undang<sup>2</sup> atau yang di-gunakan sa-chara tidak sa-betul-nya itu.”

subseksyen  
53(2)

Perkataan “Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) selain aduan yang dibuat oleh Pendaftar tidak boleh dilayani melainkan jika Mahkamah itu berpuas hati bahawa pengadu itu ialah, pada tarikh aduan itu, seorang anggota bagi pertubuhan berdaftar yang berkenaan dengan hartanya aduan itu dibuat.” menggantikan “Sa-suatu aduan yang di-buat di-bawah sekshen-kechil (1),

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	lain daripada aduan yang di-buat oleh Pendaftar, tidak-lah boleh di-layani melainkan jika Mahkamah itu puashati bahawa pengadu itu ada-lah, pada tarikh aduan itu, sa-orang anggota bagi pertubuhan berdaftar yang berkenaan dengan harta-nya aduan itu di-buat.”	
subseksyen 53(3)	Perkataan “Mana-mana orang yang terikat dengan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) yang tidak mematuhi terma perintah itu dan arahan yang diberikan dalam perintah itu dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.” menggantikan “Mana <sup>2</sup> orang yang terikat oleh sa-suatu perentah yang di-buat di-bawah sekshen-kechil (1) yang tidak menurut syarat <sup>2</sup> -nya dan arahan <sup>2</sup> yang di-beri di-dalam-nya dalam masa yang di-nyatakan dalam perentah itu ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit.”	perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 53(4)	Perkataan “Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidaklah menjejaskan atau menghalang sesuatu pendakwaan, atau prosiding sivil, terhadap mana-mana pemegang jawatan atau anggota itu.” menggantikan “Sa-suatu perentah yang di-buat bawah sekshen-kechil (1) tidak-lah menyentoh atau menahan sa-suatu penda’awaan atau pembicharaan civil terhadap mana <sup>2</sup> pemegang-jawatan atau anggota itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 53A	1. Dalam nota bahu—	
	a. perkataan “ <b>mempamerkan</b> ” menggantikan “ <b>menunjukkan</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
	b. perkataan “ <b>telah</b> ” dimasukkan sebelum perkataan “ <b>dibatalkan</b> ”	perenggan 6(1)(iii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 53A	2. Perkataan “Mana-mana orang yang mempamerkan atau menggunakan apa-apa perakuan pendaftaran atau salinan perakuan pendaftaran sesuatu pertubuhan yang perakuan pendaftarannya telah dibatalkan dengan mengetahui bahawa perakuan pendaftaran itu telah dibatalkan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.” menggantikan “Mana-mana orang yang menunjukkan atau menggunakan mana-mana perakuan pendaftaran atau salinan perakuan pendaftaran sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan dengan mengetahui bahawa perakuan pendaftaran itu telah dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit.”	perenggan 6(1)(iii) dan subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xxi)
seksyen 54	1. Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Hukuman bagi fraud, akuan palsu dan penggelapan</b> ” menggantikan “ <b>Seksaan bagi tipuan, akuan palsu dan salah-guna</b> ”  2. Dibahagikan kepada perenggan (a) dan (b) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)  perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b) dan perenggan 6(1)(xii) dan (xxiv)
seksyen 54A	Perkataan “Mana-mana orang yang memberi Pendaftar, atau Penolong Pendaftar, apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang sama ada dia mengetahui atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.” menggantikan “Mana-mana orang yang memberi Pendaftar, atau seseorang Penolong Pendaftar, apa-apa maklumat atau dokumen yang dikehendaki di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di	perenggan 6(1)(iii), subperenggan 6(1)(iv)(b), perenggan 6(1)(xv) dan perenggan 6(1)(xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>bawahnya yang dia sama ada mengetahui atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit.”</p>	
seksyen 55	Perkataan “Dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini—	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	<p>(a) jika dibuktikan bahawa sesuatu kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan wujud, hendaklah dianggap bahawa kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan itu ialah suatu pertubuhan mengikut pengertian Akta ini melainkan jika dibuktikan sebaliknya;</p> <p>(b) tidaklah perlu bagi pihak pendakwa membuktikan bahawa suatu pertubuhan mempunyai nama atau bahawa ia telah ditubuhkan atau biasanya dikenali dengan suatu nama yang tertentu; dan</p> <p>(c) jika suatu pertubuhan dikatakan sebagai suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, beban pembuktian yang ia ialah suatu pertubuhan berdaftar, atau yang ia bukan suatu pertubuhan tempatan, hendaklah terletak ke atas orang yang dipertuduh itu.” menggantikan “Dalam apa<sup>2</sup> pembicharaan di-bawah Act ini—</p> <p>(a) jika di-buktikan bahawa sa-suatu kelab, sharikat, perkongsian atau persatuan ada-lah wujud, maka hendak-lah di-anggap bahawa kelab, sharikat, perkongsian atau persatuan itu ada-lah suatu pertubohan dalam erti Act ini melainkan jika akas-nya di-buktikan;</p> <p>(b) maka tidak-lah perlu bagi pehak penda’awa membuktikan bahawa sa-suatu pertubohan mempunyai sa-suatu nama atau bahawa ia-nya telah di-tubohkan atau ada-lah biasa-nya di-kenali dengan sa-suatu nama yang tertentu;</p>	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(c) jika sa-kiranya di-tudoh bahawa sa-suatu pertubohan ada-lah suatu pertubohan yang menyalahi undang <sup>2</sup> maka tanggungan bagi membuktikan yang ia-nya ada-lah suatu pertubohan berdaftar, atau yang ia-nya bukan-nya suatu pertubohan tempatan, hendaklah terletak ka-atas orang yang di-pertudohkan itu.”	
seksyen 56	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Anggapan mengenai keanggotaan, dsb., pertubuhan</b> ” menggantikan “ <b>Di-anggap menjadi anggota, dsb., pertubuhan</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 56(1)	Perkataan “Jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, atau yang berupa berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan didapati ada dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu ialah anggota pertubuhan itu, dan pertubuhan itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah wujud pada masa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran itu didapati sedemikian.” menggantikan “Jika apa <sup>2</sup> buku, kira <sup>2</sup> , tulisan, senarai anggota <sup>2</sup> , meteri, panji <sup>2</sup> atau tanda bagi, atau berhubung dengan, atau yang berupa berhubung dengan sa-suatu pertubohan di-dapati ada di-dalam milek, jagaan atau di-bawah kawalan mana <sup>2</sup> orang, maka hendaklah di-anggap, sa-hingga akas-nya di-buktikan, bahawa orang itu ada-lah sa-orang anggota pertubohan itu, dan pertubohan itu hendaklah di-anggap, sa-hingga akas-nya di-buktikan, sa-bagai telah ada wujud pada masa buku, kira <sup>2</sup> , tulisan, senarai anggota <sup>2</sup> , meteri, panji <sup>2</sup> atau tanda itu di-dapati demikian itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 56(2)	Perkataan “Jika apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, meterai, sepanduk atau lambang kebesaran bagi, atau yang berhubungan dengan, mana-mana pertubuhan didapati—	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
	(a) ada dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan mana-mana orang, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa orang itu membantu dalam pengurusan pertubuhan itu; dan	
	(b) tersembunyi dalam mana-mana premis hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, bahawa yang tersebut itu ada dalam milikan penghuni premis itu.” menggantikan “Jika apa <sup>2</sup> buku, kira <sup>2</sup> , tulisan, senarai anggota <sup>2</sup> , meteri, panji <sup>2</sup> atau tanda bagi, atau berhubung dengan, sa-suatu pertubohan di-dapati—	
	(a) ada di-dalam milek, jagaan untuk di-bawah kawalan mana <sup>2</sup> orang, maka hendak-lah di-anggap, sa-hingga akas-nya di-buktikan, bahawa orang itu ada-lah menolong dalam pengurusan pertubohan itu;	
	(b) tersembunyi dalam mana <sup>2</sup> bangunan, maka hendak-lah di-anggap, sa-hingga akas-nya di-buktikan, bahawa yang tersebut itu ada di-dalam milek penduduk bangunan itu.”	
subseksyen 56(3)	Perkataan “Apabila didapati oleh Mahkamah bahawa ada sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana tempat yang dimasuki atau digeledah di bawah mana-mana kuasa yang sah yang diberikan oleh atau di bawah Akta ini sebaik sebelum atau pada masa kemasukan itu, digunakan oleh atau bagi maksud sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, mana-mana orang yang dijumpai di tempat tersebut pada masa pengeledahan itu atau yang	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

## Peruntukan

## Butir-butir pindaan

## Kuasa yang meminda

didapati meninggalkan tempat itu sebaik sebelum atau pada masa kemasukan itu, hendaklah, melainkan jika dia memberikan penjelasan yang memuaskan hati mengenai sebab bagi kehadirannya di tempat tersebut, dianggap sebagai seorang anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang.” menggantikan “Apabila Mahkamah berpendapat bahawa ada sebab<sup>2</sup> yang menasabah bagi mengshaki bahawa sa-suatu tempat yang di-masoki atau di-geledah menurut sa-suatu kuasa yang sah di-sisi undang<sup>2</sup> di-bawah atau yang di-beri oleh Act ini telah, sa-jurus sa-belum atau pada masa kemasukan itu, di-gunakan oleh atau bagi maksud<sup>2</sup> sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup>, maka mana<sup>2</sup> orang yang di-jumpai di-tempat yang tersebut itu pada bila<sup>2</sup> jua dalam masa penggeledahan itu atau yang di-dapati meninggalkan tempat itu sa-jurus sa-belum atau pada masa kemasukan itu hendak-lah, melainkan jika ia menerangkan dengan memberi puas hati sebab<sup>2</sup>nya ia berada di-tempat yang tersebut itu, di-anggap sa-bagai sa-orang anggota pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup>.”

seksyen 57

Dalam nota bahu, perkataan “**pakar**” dimasukkan selepas perkataan “**Keterangan**”

perenggan 6(1)(xxiv)

subseksyen 57(1)

Perkataan “Dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, tidaklah boleh menjadi apa-apa bantahan terhadap kebolehterimaan keterangan pakar bahawa pakar itu bukan atau tidak pernah menjadi anggota bagi mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang.” menggantikan “Dalam apa<sup>2</sup> penda’awaan di-bawah Act ini, maka tidak-lah boleh menjadi apa<sup>2</sup> bantahan terhadap kemasukan keterangan pakar atas alasan bahawa pakar itu bukan-nya atau tidak pernah menjadi sa-orang anggota bagi mana<sup>2</sup> pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup>.”

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 57(2)	Perkataan “Dalam apa-apa pendakwaan di bawah Akta ini, Mahkamah boleh merujuk, bagi maksud keterangan, mana-mana buku yang berikut:	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

*Thian Ti Hwui, the Hung-League  
or Heaven-Earth League,  
by G. Schlegel;*

*The Triad Society,  
by W. Stanton;*

*The Hung Society or the Society  
of Heaven and Earth,  
by J. S. M. Ward and W. G. Stirling;*

*Triad Societies in Hong Kong,  
by W. P. Morgan,*

dan mana-mana buku atau artikel lain yang diterbitkan mengenai perkara pertubuhan pada amnya yang menyalahi undang-undang atau pertubuhan tertentu yang menyalahi undang-undang, yang difikirkan oleh Mahkamah sebagai autoriti mengenai perkara yang dengannya ia berhubung.” menggantikan “Dalam apa<sup>2</sup> penda’awaan di-bawah Act ini, Mahkamah boleh melihat, bagi maksud<sup>2</sup> keterangan, mana<sup>2</sup> jua daripada buku<sup>2</sup> yang berikut—

*Thian Ti Hwui, the Hung-League  
or Heaven-Earth League, by G.  
Schlegel;*

*The Triad Society, by W. Stanton;*

*The Hung Society or the Society  
of Heaven and Earth, by J. S. M.  
Ward and W. G. Stirling;*

*Triad Societies in Hong Kong, by  
W. P. Morgan,*

dan lain<sup>2</sup> buku atau karangan yang diterbitkan atas perkara pertubohan<sup>2</sup> pada ‘am-nya yang menyalahi undang<sup>2</sup> atau pertubohan<sup>2</sup> tertentu yang menyalahi undang<sup>2</sup>, yang di-fikirkan oleh Mahkamah sa-bagai petua atas perkara yang terkandung di-dalam-nya.”

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 58	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>Perlindungan pemberi maklumat</b>” menggantikan “<b>Perlindungan bagi pemberi rahsia</b>”</li> <li>2. Perkataan “Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini—               <ol style="list-style-type: none"> <li>(a) tiada saksi boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama dan alamat mana-mana pemberi maklumat di bawah Akta ini atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui; dan</li> <li>(b) jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa jua prosiding sivil atau jenayah di bawah Akta ini mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui, Mahkamah atau Majistret hendaklah menyebabkan supaya semua petikan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui tetapi tidak lebih daripada itu:</li> </ol> </li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Dengan syarat bahawa jika dalam mana-mana prosiding jenayah di bawah Akta ini Mahkamah berpuas hati setelah siasatan penuh dijalankan tentang kes itu, bahawa penguatkuasaan dengan sepenuhnya peruntukan seksyen ini mungkin menyebabkan salah laksana keadilan, Mahkamah boleh menghendaki pengemukaan maklumat yang asal dan boleh membenarkan sesuatu siasatan dan boleh menghendaki penzahiran sepenuhnya kepada Mahkamah berkenaan



Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

dengan pemberi maklumat itu.”  
menggantikan “Kechuali sa-bagaimana yang di-peruntokkan kemudian daripada ini—

- (a) tiada-lah sa-saorang jua saksi terpaksa atau boleh di-benar menyatakan nama dan ‘alamat sa-saorang pemberi rahsia di-bawah Act ini atau pun menyatakan apa<sup>2</sup> hal yang mungkin membawa kepada pemberi rahsia itu di-ketahui; dan
- (b) jika apa<sup>2</sup> buku, surat atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh di-pereksa dalam apa<sup>2</sup> jua pembicharaan civil atau jenayah di-bawah Act ini mengandongi apa<sup>2</sup> chatitan yang ada memberi nama atau sifat<sup>2</sup> sa-saorang pemberi rahsia atau yang mungkin membawa kepada-nya diketahui, maka Mahkamah atau Mejistret hendaklah menyebabkan supaya segala chatitan itu di-tutup supaya tidak dapat di-lihat atau di-padamkan ha-nya sa-takat mana yang perlu untok memperlindungi pemberi rahsia itu daripada dapat diketahui:

Dengan syarat bahawa jika dalam mana<sup>2</sup> pembicharaan jenayah di-bawah Act ini Mahkamah ada-lah puashati, sa-telah siasatan di-jalankan sa-penoh-nya berkenaan hal itu, bahawa menguatkuasakan dengan sa-penoh-nya peruntokan<sup>2</sup> sekshen ini mungkin menyebabkan ke’adilan terpesong, maka Mahkamah boleh-lah menghendaki supaya ma’lumat yang asal di-tunjokkan dan boleh membenarkan siasatan dan boleh menghendaki supaya segala hal dikatakan kepada Mahkamah berkenaan dengan pemberi rahsia itu.”

seksyen 59

1. Dalam nota bahu, perkataan “**Pelucuthakan**” menggantikan “**Perampasan**”

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>2. Perkataan “Apa-apa buku, akaun, tulisan, sepanduk, lambang kebesaran atau harta lain yang dipunyai oleh mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang hendaklah, atas perintah Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret, dilucuthakkan dan diberikan kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar bagi pelupusan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut.” menggantikan “Apa<sup>2</sup> buku, kira<sup>2</sup>, tulisan, panji<sup>2</sup>, tanda atau lain<sup>2</sup> harta yang di-punyai oleh mana<sup>2</sup> pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> hendak-lah, atas perentah Yang di-Pertua Mahkamah Seshen atau sa-saorang Mejisteret, di-rampas dan di-berikan kapada Pendaftar atau kapada sa-orang Penolong Pendaftar untok apa<sup>2</sup> jua yang di-fikirkan-nya patut di-buat ka-atas-nya.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 60	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>yang tertentu</b>” dimasukkan selepas perkataan “<b>didaftarkan</b>”</p> <p>2. Perkataan “Tiap-tiap kesalahan terhadap peruntukan seksyen 9A dan 13A, seksyen 42 hingga 49 termasuk kedua-duanya dan seksyen 52 hendaklah disifatkan sebagai yang boleh ditangkap dan yang tidak boleh dijamin di bawah undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah dan hendaklah juga disifatkan sebagai yang kena didaftarkan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran penjenayah.” menggantikan “Tiap<sup>2</sup> kesalahan terhadap peruntokan<sup>2</sup> seksyen 9A dan 13A, sekshen 42 hingga 49, termasuk kedua<sup>2</sup> sekshen itu, dan sekshen 52 hendak-lah di-sifatkan sa-bagai yang boleh di-tangkap dan yang tidak boleh di-jamin di-bawah undang<sup>2</sup> berhubong dengan peratoran jenayah dan hendak-lah juga di-sifatkan sa-bagai yang kena di-daftarkan di-bawah undang<sup>2</sup> berhubong dengan pendaftaran penjenayah<sup>2</sup>.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 61	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Keizinan untuk pendakwaan</b> ” menggantikan “ <b>Persetujuan untok menda’awa</b> ”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 61(1)	Perkataan “Kecuali dalam hal orang yang dipertuduh di bawah peruntukan seksyen 13A, 45 dan 52 dan orang yang ditangkap di bawah peruntukan seksyen 65 dan subseksyen 66(5), pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya:	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Dengan syarat bahawa seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan sedemikian boleh ditangkap, atau waran bagi menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dan mana-mana orang itu boleh direman dalam jagaan atau dengan jaminan, walaupun keizinan Pendakwa Raya untuk memulakan pendakwaan bagi kesalahan itu belum diperolehi, tetapi kes itu tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga keizinan itu telah diperolehi.” menggantikan “Kechuali mengenai orang<sup>2</sup> yang dipertuduhkan di-bawah peruntukan<sup>2</sup> sekshen 13A, 45 dan 52 dan orang<sup>2</sup> yang di-tangkap di-bawah peruntukan<sup>2</sup> sekshen 65 dan sekshen-kechil (5) dalam sekshen 66 dalam Act ini, sa-suatu penda’awaan di-bawah Act ini tidak boleh di-bawa kechuali oleh atau dengan persetujuan Penda’awa Raya:

Dengan syarat bahawa sa-saorang yang di-pertuduhkan atas sa-suatu kesalahan itu boleh-lah di-tangkap, atau waran untok menangkap-nya boleh-lah di-keluar dan di-laksanakan, dan mana<sup>2</sup> orang yang tersebut itu boleh-lah di-tahan dalam jagaan atau di-benarkan jamin, walau pun persetujuan Penda’awa Raya untok membawa penda’awaan atas kesalahan itu belum di-dapati, tetapi hal itu tidak boleh di-da’awa sa-lanjut-nya sa-hingga persetujuan itu telah di-dapati.”

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 61(2)	Perkataan “Apabila seseorang dibawa ke hadapan Mahkamah di bawah seksyen ini sebelum Pendakwa Raya memberikan keizinan kepada pendakwaan itu pertuduhan itu hendaklah diterangkan kepada orang itu tetapi dia tidak boleh diminta membuatakuan, dan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan tatacara jenayah hendaklah diubahsuaikan dengan sewajarnya.” menggantikan “Apabila sa-saorang di-bawa ka-hadapan Mahkamah di-bawah sekshen ini sa-belum Penda’awa Raya memberi persetujuan kapada penda’awaan itu, pertudohan itu hendak-lah di-huraikan kapada orang itu tetapi ia tidak boleh di-minta membuat apa <sup>2</sup> akuan dan peruntukan undang <sup>2</sup> yang pada masa itu berkuatkuasa berhubong dengan peratoran jenayah hendak-lah terubah demikian itu.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 62	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>Penyampaian</b>” menggantikan “<b>Menyampaikan</b>”</li> <li>2. Perkataan “Tiap-tiap saman, notis atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini, atau di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sah dan sempurna, jika disampaikan atau ditinggalkan kepada orang yang dimaksudkan untuk disampaikan itu atau, dalam hal dia tidak dapat dijumpai, jika ditinggalkan di tempat urusan atau tempat tinggalnya yang akhir diketahui, oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Pendaftar atau, dalam hal penyampaian sesuatu notis atau perintah kepada pertubuhan, dengan menghantar notis atau perintah itu melalui pos berdaftar kepada alamat berdaftar pertubuhan itu.” menggantikan “Tiap<sup>2</sup> saman, notis atau lain<sup>2</sup> suratan yang di-keluarkan di-bawah Act ini, atau di-bawah peratoran<sup>2</sup> yang</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>di-buat di-bawah ini, hendak-lah di-sifatkan telah di-sampaikan dengan sah dan sempurna-nya, jika di-sampaikan atau di-tinggalkan kepada orang yang di-maksud hendak di-sampaikan itu atau, sa-kiranya tidak dapat di-jumpai, jika di-tinggalkan di-tempat urusan atau tempat tinggal-nya yang akhir di-ketahui, oleh mana<sup>2</sup> orang yang di-beri kuasa bagi maksud itu boleh Pendaftar atau, dalam hal penyampaian sa-suatu notis atau perintah kepada pertubohan, dengan jalan menghantar notis atau perintah itu dengan pos berdaftar kepada ‘alamat berdaftar pertubohan itu.’”</p>	
seksyen 63	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="444 773 895 833">1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>untuk</b>” dimasukkan selepas “<b>Kuasa</b>”</li> <li data-bbox="444 852 895 1705">2. Perkataan “Pendaftar, seseorang Penolong Pendaftar atau seseorang Pegawai Pendaftaran boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana pertubuhan menjalankan aktiviti yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedahnya, dan selepas memberikan notis kepada mana-mana pemegang jawatan, masuk ke mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai disenggarakan atau digunakan oleh mana-mana pertubuhan berdaftar atau mana-mana anggotanya sebagai suatu tempat mesyuarat atau tempat urusan, dan boleh mengegedah tempat itu dan memeriksa semua buku, akaun, minit mesyuarat dan dokumen lain yang disimpan oleh pertubuhan itu.” menggantikan “Pendaftar, seorang Penolong Pendaftar atau seorang Pegawai Pendaftaran boleh, jika dia mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa mana-mana pertubuhan ada menjalankan aktiviti yang</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau mana-mana daripada kaedah-kaedahnya, dan selepas memberi notis kepada mana-mana pemegang-jawatan, memasuki mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab bagi mempercayai diselenggarakan atau digunakan oleh mana-mana pertubuhan berdaftar atau mana-mana anggotanya sebagai suatu tempat mesyuarat atau tempat urusan, dan boleh menggeledah tempat itu dan memeriksa semua buku, akaun, minit mesyuarat dan dokumen-dokumen lain yang disimpan oleh pertubuhan itu.”

subseksyen  
64(1)

Perkataan “Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen 3(1A) dan diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar, yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana pertubuhan berdaftar digunakan bagi maksud yang memudaratkan keamanan awam, kebajikan, keadaan baik atau kemoralan di Malaysia, boleh masuk, sama ada dengan atau tanpa bantuan dan dengan menggunakan kekerasan bagi maksud itu, jika perlu, ke mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai digunakan sebagai tempat mesyuarat atau tempat urusan bagi pertubuhan itu, dan boleh memeriksa tempat itu dan mana-mana orang yang dijumpai di dalamnya atau yang didapati lari dari tempat itu bagi mendapat keterangan bahawa pertubuhan itu digunakan bagi maksud seperti yang disebut terdahulu.” menggantikan “Pendaftar atau sa-saorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen-kecil (1A) seksyen 3 dan diberi kuasa dengan sempurnanya secara bertulis oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar, yang ada sebab mempercayai bahawa mana<sup>2</sup> pertubuhan berdaftar

perenggan 6(1)(iii)  
dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>ada-lah di-gunakan bagi maksud<sup>2</sup> yang memudzaratkan keamanan awam, kebajikan, ketenteraman atau akhlak di-dalam Persekutuan, boleh memasoki, sama ada dengan pertolongan atau tidak, dan dengan menggunakan kekerasan bagi maksud itu, jika perlu, mana<sup>2</sup> tempat yang ia ada sebab memperchayai ada-lah di-gunakan sa-bagai tempat meshuarat atau tempat urusan bagi pertubohan itu, dan boleh memereksa tempat itu dan mana<sup>2</sup> orang yang di-jumpai di-dalamnya atau di-dapati lari daripada tempat itu untok mendapat keterangan bahawa pertubohan itu ada-lah di-gunakan bagi sa-suatu maksud sa-bagaimana yang tersebut di-atas.”</p>	
<p>subseksyen 64(2)</p>	<p>Perkataan “Pendaftar, atau seseorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain, yang masuk ke mana-mana tempat di bawah subseksyen (1), boleh menyita dan menahan apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, sepanduk, meterai, lambang kebesaran, lambang atau barang lain yang dipunyai oleh pertubuhan berdaftar itu yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mungkin dikehendaki berkenaan dengan prosiding selanjutnya di bawah Akta ini.” menggantikan “Pendaftar, atau seseorang Penolong Pendaftar, atau mana-mana pegawai lain, yang memasuki mana-mana tempat di bawah seksyen-kecil (1) boleh menyita dan menahan apa-apa buku, kira-kira, tulisan, senarai anggota, panji-panji, meterai, tanda, lambang atau barang lain yang dipunyai oleh pertubuhan berdaftar itu yang dia ada sebab untuk percaya mungkin dikehendaki berkenaan dengan prosiding selanjutnya di bawah Akta ini.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>
<p>seksyen 65</p>	<p>Dalam nota bahu, perkataan “<b>untuk masuk</b>” menggantikan “<b>memasoki</b>”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>
<p>subseksyen 65(1)</p>	<p>Perkataan “Mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau ke atas boleh, dengan atau tanpa bantuan dengan menggunakan kekerasan, jika perlu, masuk ke mana-mana rumah</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

kediaman atau bangunan lain, atau ke mana-mana tempat yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu mesyuarat bagi mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau bagi orang yang menjadi anggota sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang, sedang diadakan, atau bahawa apa-apa buku, akaun, tulisan, senarai anggota, sepanduk, meterai, lambang kebesaran, lambang atau barang lain yang dipunyai oleh mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang disembunyikan, disimpan atau diletakkan, dan menangkap atau menyebabkan supaya ditangkap semua orang yang dijumpai di dalam rumah itu dan menggeledah rumah, bangunan atau tempat itu, dan menyita atau menyebabkan supaya disita semua buku, akaun, tulisan, sepanduk, senarai anggota, meterai, lambang kebesaran, lambang dan barang lain yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai dipunyai oleh mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau dengan apa-apa cara berkaitan dengannya.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> pegawai polis yang berpangkat Inspekter atau atas daripada itu boleh, sama ada dengan pertolongan atau tidak dengan menggunakan kekerasan, jika perlu, memasoki mana<sup>2</sup> rumah-kediaman atau lain<sup>2</sup> bangunan, atau mana<sup>2</sup> tempat yang di-dalam-nya, ia ada sebab memperchayai bahawa suatu meshuarat bagi sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup>, atau bagi orang<sup>2</sup> yang menjadi anggota sa-suatu pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup>, sedang di-adakan, atau bahawa apa<sup>2</sup> buku, kira<sup>2</sup>, tulisan, senarai anggota<sup>2</sup>, panji<sup>2</sup>, meteri, tanda, senjata atau lain<sup>2</sup> barang yang di-punyai oleh mana<sup>2</sup> pertubohan yang menyalahi undang<sup>2</sup> ada di-semunyikan, di-simpan atau di-letakkan, dan menangkap atau menyebabkan supaya di-tangkap semua orang yang di-jumpai di-dalam rumah itu dan menggeledah rumah, bangunan atau tempat itu, serta mengambil atau



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 65(2)	<p>menyebabkan supaya di-ambil segala buku, kira<sup>2</sup>, tulisan, panji<sup>2</sup>, senarai anggota<sup>2</sup>, meteri, tanda, senjata dan lain<sup>2</sup> barang yang ia ada sebab yang menasabah bagi memperchayai di-punyai oleh mana<sup>2</sup> pertubuhan yang menyalahi undang<sup>2</sup> atau sa-bagai berhubung dengan apa<sup>2</sup> jalan jua dengan-nya.”</p> <p>Perkataan “Semua orang yang ditangkap sedemikian dan segala barang yang disita boleh ditahan dalam jagaan dan dibawa ke hadapan Majistret untuk diperlakukan mengikut undang-undang.” menggantikan “Semua orang yang ditangkap demikian itu dan segala barang yang di-ambil demikian itu boleh di-tahan dalam jagaan dan di-bawa ka-hadapan Mejisteret untok di-ambil tindakan mengikut undang<sup>2</sup>.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
seksyen 66	<p>Dalam nota bahu, perkataan “<b>untuk memanggil saksi</b>” menggantikan “<b>bagi menyaman supaya hadir</b>”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 66(1)	<p>Perkataan “Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar boleh memanggil supaya hadir di hadapannya mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai boleh memberikan apa-apa maklumat tentang wujudnya atau operasi mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang, atau pertubuhan yang disyaki menyalahi undang-undang, atau tentang operasi mana-mana pertubuhan berdaftar.” menggantikan “Pendaftar atau sa-saorang Penolong Pendaftar boleh menyaman supaya hadir di-hadapan-nya mana<sup>2</sup> orang yang ia ada sebab memperchayai boleh memberi apa<sup>2</sup> ma’lumat tentang wujud-nya atau perjalanan sa-suatu pertubuhan yang menyalahi undang<sup>2</sup>, atau pertubuhan yang di-shaki menyalahi undang<sup>2</sup>, atau tentang perjalanan sa-suatu pertubuhan berdaftar.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
subseksyen 66(2)	<p>Perkataan “Orang yang dipanggil supaya hadir itu hendaklah hadir pada waktu dan di tempat yang dinyatakan dalam saman itu, dan mengemukakan segala</p>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>dokumen dalam jagaan, milikan atau kuasanya yang berhubungan dengan pertubuhan itu atau pertubuhan yang disyaki itu, dan menjawab dengan benar semua soalan yang ditanya kepadanya oleh Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar.” menggantikan “Orang yang di-saman supaya hadir itu hendak-lah hadir pada waktu dan tempat yang di-nyatakan di-dalam saman itu, dan menunjokkan segala suratn dalam jagaan, milek atau kuasa-nya berhubong dengan pertubohan itu atau pertubohan yang di-shaki itu, dan menjawab dengan benar-nya segala soal yang di-tanya kapada-nya oleh Pendaftar atau sa-saorang Penolong Pendaftar.”</p>	
subseksyen 66(3)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkataan “mengendalikan” menggantikan “mentadbirkan”</li> <li>2. Perkataan “secara bersumpah” menggantikan “atas sumpah”</li> <li>3. Perkataan “dipanggil” menggantikan “di-saman”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa)</p>
subseksyen 66(4)	<p>Perkataan “Jika mana-mana orang yang dipanggil supaya hadir oleh Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar di bawah seksyen ini tidak mematuhi tanpa sebab yang sah apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh subseksyen (2) atau memberi maklumat yang dipercayai oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu sebagai palsu, Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu boleh, jika difikirkannya berfaedah untuk mengenal orang itu pada masa hadapan, memerintahkan supaya fotograf dan cap jari orang itu diambil pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat dan mengikut cara yang difikirkan patut oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu. Pendaftar itu boleh melupuskan fotograf dan cap jari itu, menurut budi bicaranya yang mutlak, sebagaimana yang dianggapnya patut.” menggantikan “Jika mana<sup>2</sup> orang yang di-saman supaya hadir oleh Pendaftar atau sa-saorang Penolong Pendaftar di-</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>bawah seksyen ini tidak menurut, dengan tiada apa<sup>2</sup> sebab yang sah di-sisi undang<sup>2</sup>, apa<sup>2</sup> kewajipan yang di-tanggongkan ka-atas-nya menurut seksyen-kecil (2) atau pun memberi ma'alumat yang Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu perchaya sa-bagai palsu, maka Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu, boleh jika di-fikirkan-nya berfaedah untuk mengenal orang itu pada masa hadapan, mengeluarkan perintah supaya gambar dan chap jari orang itu di-ambil pada suatu masa dan tempat dan mengikut chara sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Pendaftar atau Penolong Pendaftar itu. Pendaftar itu boleh membuat apa<sup>2</sup>, menurut budibichara-nya yang mutlak, sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut kapada gambar dan chap jari itu.”</p>	
<p>subseksyen 66(5)</p>	<p>Perkataan “Mana-mana orang yang enggan mematuhi perintah itu atau menghalang pematuhan perintah itu boleh ditangkap dan ditahan dalam jagaan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seribu ringgit.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> orang yang tidak menurut perintah itu atau yang menggalang perintah itu di-turut boleh di-tangkap dan di-tahan dalam jagaan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan denda tidak lebeh daripada seribu ringgit.”</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)</p>
<p>subseksyen 66(6)</p>	<p>Perkataan “Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang dipanggil supaya hadir di hadapan Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar di bawah seksyen ini boleh menyebabkan dia ditangkap atau pendakwaan jenayah dibuat terhadapnya, atau dijadikan bukti terhadapnya dalam apa-apa prosiding jenayah, kecuali dalam pendakwaan kerana tidak memberikan jawapan dengan benar di bawah seksyen ini.” menggantikan “Tiada-lah apa<sup>2</sup> jua kenyataan yang di-buat oleh sa-saorang yang di-saman supaya hadir di-hadapan Pendaftar atau sa-saorang Penolong Pendaftar di-bawah peruntukan seksyen ini boleh mengenakan ia di-tangkap atau penda'awaan jenayah di-jalankan ka-</p>	<p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	atas-nya, atau di-jadikan bukti terhadap-nya dalam apa <sup>2</sup> pembicharaan jenayah, kechuali dalam sa-suatu penda'awaan kerana tidak memberi jawapan yang sa-benar-nya di-bawah sekshen ini.”	
subseksyen 67(1)	Perkataan “melaksanakan” menggantikan “menguatkuasakan”	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 67(2)	Perkataan “Khususnya, dan tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi atau berkenaan dengan kesemua atau mana-mana perkara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) menetapkan cara pendaftaran bagi pertubuhan di bawah Akta ini;</li> <li>(b) melarang penggunaan oleh pertubuhan berdaftar lencana dan lambang kebesaran yang menyalahi undang-undang atau yang tidak diingini;</li> <li>(c) menetapkan borang yang boleh digunakan bagi menjalankan peruntukan Akta ini;</li> <li>(d) menetapkan maklumat yang kena diberikan kepada Pendaftar;</li> <li>(e) menetapkan fi yang boleh dilevikan di bawah Akta ini;</li> <li>(f) menetapkan apa-apa jua yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini;</li> <li>(g) menetapkan peratus daripada jumlah yuran atau apa-apa pendapatan lain yang diterima yang boleh dipotong oleh sesuatu pertubuhan faedah bersama bagi pentadbiran dan belanja lain.” menggantikan “Khusus-nya dan dengan tidak menyentoh keluasan kuasa<sup>2</sup> yang di-beri oleh sekshen-kechil (1), Menteri boleh membuat peratoran<sup>2</sup> untok atau berkenaan dengan segala atau mana<sup>2</sup> jua daripada hal<sup>2</sup> yang berikut—</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) menetapkan chara pendaftaran bagi pertubohan<sup>2</sup> di-bawah Act ini;</li> </ul>	perenggan 6(1)(iii) dan subperenggan 6(1)(iv)(c)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(b) melarang penggunaan, oleh pertubuhan<sup>2</sup> berdaftar, lenchana<sup>2</sup> dan tanda<sup>2</sup> yang menyalahi undang<sup>2</sup> atau yang tidak di-ingini;</p> <p>(c) menetapkan borang<sup>2</sup> yang boleh di-gunakan untok menjalankan peruntukan<sup>2</sup> Act ini;</p> <p>(d) menetapkan ma'alumat yang kena di-berikan kepada Pendaftar;</p> <p>(e) menetapkan bayaran yang boleh di-pungut di-bawah Act ini;</p> <p>(f) menetapkan apa<sup>2</sup> jua yang boleh di-tetapkan di-bawah Act ini;</p> <p>(g) menetapkan peratus daripada jumlah yuran atau apa-apa pendapatan lain yang di-terima yang boleh di-potong oleh sa-suatu pertubuhan faedah bersama untok pentadbiran dan lain<sup>2</sup> perbelanjaan.”</p>	
subseksyen 67(3)	<p>Perkataan “Mana-mana peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bahawa pelanggaran mana-mana peraturan-peraturan merupakan suatu kesalahan terhadap peraturan-peraturan itu dan boleh mengadakan penalti bagi mana-mana kesalahan itu dengan suatu denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit dan dengan suatu tempoh pemenjaraan yang tidak melebihi enam bulan.” menggantikan “Mana<sup>2</sup> peratoran yang tersebut itu boleh mengadakan peruntukan bahawa perlanggaran mana<sup>2</sup> peratoran ada-lah suatu kesalahan terhadap peratoran itu dan boleh mengadakan peruntukan seksaan untok mana<sup>2</sup> kesalahan itu, dengan suatu denda yang tidak lebeh daripada dua ribu ringgit dan dengan suatu tempoh penjara yang tidak lebeh daripada enam bulan.”</p>	perenggan 6(1)(iii) dan subperenggan 6(1)(iv)(b)
subseksyen 68(1)	<p>Perkataan “Ordinan Pertubuhan 1949 bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu [<i>P.T.M. No. 28 tahun 1949</i>], Ordinan Pertubuhan 1957 bagi Sarawak [<i>Ord. Swk. 12 tahun 1957, Swk. Bab 107</i>] dan Ordinan Pertubuhan 1961 bagi</p>	subperenggan 6(1)(i) (aa) dan perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>Sabah [<i>Ord. Sabah 24 tahun 1961</i>] dimansuhkan.” menggantikan “Ordinance Pertubohan, 1949 [<i>P.T.M. 28 tahun 1949</i>] bagi Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu, Ordinance Pertubohan, 1957 [<i>Sarawak 12 tahun 1957 Bab 107</i>] bagi Sarawak dan Ordinance Pertubohan, 1961 [<i>Sabah 24 tahun 1961</i>] bagi Sabah ada-lah dimansokhkan:</p> <p>Dengan syarat bahawa mana<sup>2</sup> pertubohan, lain daripada sa-suatu pertubohan faedah bersama, jika telah di-daftarkan atau di-kechualikan daripada pendaftaran di-bawah peruntokan<sup>2</sup> Ordinance yang dengan ini di-mansokhkan itu hendak-lah, terta'alok kepada sekshen-kechil (2), di-sifatkan sa-bagai pertubohan berdaftar di-bawah peruntokan Act ini.”</p>	
subseksyen 68(2)	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
seksyen 69	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
seksyen 70	<ol style="list-style-type: none"> <li>Dalam nota bahu, perkataan “<b>untuk</b>” menggantikan “<b>bagi</b>”</li> <li>Perkataan “secara” menggantikan “dengan”</li> <li>Perkataan “kesemua” menggantikan “segala”</li> <li>Perkataan “jua” ditinggalkan</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxa)</p> <p>perenggan 6(1)(xxi)</p>
Jadual 1	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perkataan “JADUAL PERTAMA” menggantikan “JADUAL 1”</li> <li>Perkataan “Perenggan 7(3)(e)” menggantikan “Sekshen 7(3)(f)”</li> <li>Kurungan siku menggantikan kurungan</li> <li>Perkataan “PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH-KAEDAH PERTUBUHAN” menggantikan “PERLEMBAGAAN DAN ATORAN<sup>2</sup> PERTUBOHAN<sup>2</sup>”</li> </ol>	<p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(iii)</p> <p>perenggan 6(1)(xvi)</p> <p>perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)</p>

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
perenggan 1	<p>Perkataan “Perkara yang peruntukan baginya dikehendaki dibuat dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah bagi tiap-tiap pertubuhan tempatan atau cawangan pertubuhan tempatan adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) nama dan tempat urusan berdaftar atau alamat pos berdaftar bagi pertubuhan itu;</li> <li>(b) <i>(Dipotong oleh Akta A557)</i>;</li> <li>(c) perihalan yang tepat mengenai reka bentuk dan warna apa-apa bendera, lambang, lencana atau lambang kebesaran lain yang digunakan oleh pertubuhan;</li> <li>(d) matlamat atau tujuan yang kerananya pertubuhan itu ditubuhkan, atau yang ia berusaha hendak meneruskan, atau yang kerananya kumpulan wangnya atau mana-mana daripadanya boleh digunakan;</li> <li>(e) kelayakan keanggotaan, termasuk butir-butir mengenai apa-apa sekatan atau batasan yang boleh dikenakan tentang bilangan, had umur, jantina, agama, bangsa, kerakyatan, tempat tinggal, suku bangsa atau nama keluarga bagi orang yang boleh diterima menjadi anggota pertubuhan itu;</li> <li>(f) kaedah pelantikan atau pemilihan anggota;</li> <li>(g) penubuhan dan kaedah pelantikan jawatankuasa atau badan pengelola dan jawatan, kuasa dan fungsi pemegang jawatan bagi pertubuhan dan jika berkenaan, cawangan pertubuhan itu;</li> <li>(gg) bahawa, jika dikehendaki oleh Pendaftar, pemegang jawatan pertubuhan dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan fungsi eksekutif dalam pertubuhan itu hendaklah warganegara;</li> </ul>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(h) punca yang daripadanya pertubuhan akan mendapat pendapatannya, termasuk kadar dan kaedah pembayaran apa-apa fi masuk dan yuran berkala sebagaimana yang diputuskan;	
	(i) kuasa atau kuasa-kuasa bagi perbelanjaan daripada kumpulan wang pertubuhan;	
	(j) penyimpanan akaun pendapatan dan perbelanjaan pertubuhan dan penyiaran akaun itu kepada anggotanya setiap tahun;	
	(k) pelantikan seorang juruaudit atau lebih;	
	(l) kuorum yang dikehendaki untuk menjalankan urusan dalam mana-mana mesyuarat pertubuhan atau badan pengelolanya; dan	
	(m) cara bagaimana perlembagaan atau kaedah-kaedah pertubuhan boleh dipinda.” menggantikan “Perkara <sup>2</sup> yang peruntukan baginya di-kehendaki di-buat dalam perlembagaan atau atoran <sup>2</sup> bagi tiap <sup>2</sup> pertubohan tempatan atau chawangan-nya ia-lah seperti berikut—	
	(a) nama dan tempat urusan berdaftar atau ‘alamat pos berdaftar bagi pertubohan;	
	(b) ( <i>Dipotong oleh Akta A557</i> );	
	(c) butir <sup>2</sup> yang betul mengenai sifat reka-bentuk dan warna apa <sup>2</sup> bendera, lambang, lenchana atau lain <sup>2</sup> tanda yang di-gunakan oleh pertubohan;	
	(d) maksud <sup>2</sup> atau tujuan <sup>2</sup> yang kerananya pertubohan di-tubuhkan, atau yang ia berusaha hendak menchapai, atau yang kerananya kumpulan <sup>2</sup> -wang-nya atau mana <sup>2</sup> daripada-nya boleh di-gunakan;	



Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	(e) kelayakan <sup>2</sup> keanggotaan, termasuk butir <sup>2</sup> mengenai apa <sup>2</sup> sekatan atas batasan yang boleh di-kenakan tentang bilangan, had umur, jantina, ugama, bangsa, tempat tinggal, suku bangsa atau nama baka bagi orang <sup>2</sup> yang boleh di-benarkan menjadi anggota pertubohan;	
	(f) kaedah perlantekan atau pemilehan bagi anggota <sup>2</sup> ;	
	(g) penubohan dan kaedah perlantekan jawatan-kuasa atau badan pengelola dan jawatan <sup>2</sup> , kuasa <sup>2</sup> dan kerja <sup>2</sup> pemegang <sup>2</sup> -jawatan bagi pertubohan dan chawangan <sup>2</sup> -nya jika ada;	
	(gg) bahawa, jika di-kehendaki oleh Pendaftar, pemegang <sup>2</sup> -jawatan pertubohan dan tiap <sup>2</sup> pegawai yang menjalankan tugas <sup>2</sup> pemerintah dalam pertubohan itu hendak-lah warganegara <sup>2</sup> persekutuan.	
	(h) puncha <sup>2</sup> yang daripada-nya pertubohan akan mendapat pendapatan-nya, termasuk kadar <sup>2</sup> dan kaedah membayar apa <sup>2</sup> bayaran masok dan yuran berkala sa-bagaimana yang di-putuskan;	
	(i) kuasa atau kuasa <sup>2</sup> berkenaan dengan perbelanjaan daripada kumpulan <sup>2</sup> -wang pertubohan;	
	(j) penyimpanan kira <sup>2</sup> pendapatan dan perbelanjaan pertubohan dan penyiaran kira <sup>2</sup> itu kepada anggota <sup>2</sup> -nya tiap <sup>2</sup> tahun;	
	(k) perlantekan sa-orang atau beberapa orang juru odit;	
	(l) chukupbilang yang di-kehendaki untuk menjalankan urusan dalam mana <sup>2</sup> meshuarat pertubohan atau badan pengelola-nya; dan	
	(m) chara bagaimana perlembagaan atau atoran <sup>2</sup> pertubohan boleh di-pinda.”	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
perenggan 2	1. Perkataan “ialah” menggantikan “adalah”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “maka” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
	3. Perkataan “kaedah-kaedah pertubuhan itu” menggantikan “atoran <sup>2</sup> -nya”	perenggan 6(1)(xxa)
	4. Perkataan “disebut satu persatu” menggantikan “di-senaraikan”	perenggan 6(1)(xxa)
	5. Perkataan “dalam” menggantikan “di-dalam”	perenggan 6(1)(xxa)
	6. Perkataan “memperuntukkan” menggantikan “mengadakan peruntukan”	perenggan 6(1)(xxa)
subperenggan 2(a)	1. Perkataan “fungsi eksekutif dalam” menggantikan “kerja <sup>2</sup> tadbiran di-dalam”	perenggan 6(1)(xxa)
	2. Perkataan “Persekutuan” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxi)
perenggan 3	Perkataan “Jika mana-mana pertubuhan berdaftar membuat peruntukan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedahnya bagi penubuhan cawangan ia hendaklah juga sebagai tambahan membuat peruntukan dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah itu berkenaan dengan kaedah dan cara bagaimana penubuhan cawangan itu akan diluluskan oleh pertubuhan itu atau badan pengelolanya.” menggantikan “Jika mana <sup>2</sup> pertubuhan berdaftar membuat peruntukan dalam perlembagaan atau atoran <sup>2</sup> -nya berkenaan dengan penubuhan chawangan <sup>2</sup> , maka ia-nya hendak-lah juga membuat peruntukan di-dalam-nya berkenaan dengan kaedah dan chara bagaimana penubuhan chawangan <sup>2</sup> itu akan diluluskan oleh pertubuhan itu atau badan pengelola-nya.”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
Jadual 2	1. Perkataan “JADUAL KEDUA” menggantikan “JADUAL 2”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Perkataan “Perenggan 7(3)(e)” menggantikan “Sekshen 7(3)(f)”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	3. Kurungan siku menggantikan kurungan	perenggan 6(1)(xvi)
	4. Perkataan “PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH-KAEDAH PERTUBUHAN FAEDAH BERSAMA” menggantikan “PERLEMBAGAAN DAN ATORAN <sup>2</sup> PERTUBUHAN FAEDAH BERSAMA”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)
Jadual 2	Perkataan “Perkara yang peruntukan baginya mesti dibuat dalam perlembagaan atau kaedah-kaedah bagi tiap-tiap pertubuhan faedah bersama adalah seperti yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) nama pertubuhan dan tempat bagi urusan pertubuhan itu;</li> <li>(b) segala tujuan pertubuhan itu dan syarat-syarat yang mana-mana anggota atau peyuran berhak mendapat apa-apa faedah;</li> <li>(c) cara membuat, mengubah, meminda dan membatalkan kaedah-kaedah:                         <p style="margin-left: 40px;">Dengan syarat bahawa tiada perubahan boleh dibuat yang akan mengurangkan faedah yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah itu tanpa mendapat persetujuan daripada tiga perempat daripada jumlah bilangan anggota atau peyuran yang didapati dengan cara undi kertas;</p> </li> <li>(d) pemilihan dan pemecatan pemegang jawatan, termasuk setiausaha, bendahari, pemegang amanah dan pemegang jawatan lain bagi pertubuhan itu;</li> <li>(e) pembekalan suatu salinan kaedah-kaedah pertubuhan kepada tiap-tiap anggota atau peyuran;</li> <li>(f) jagaan dan pelaburan kumpulan wang pertubuhan dan jawatan pemegang jawatan yang bertanggungjawab baginya dan pengauditan tahunan atau berkala akaun pertubuhan;</li> </ul>	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	<p>(g) pemeriksaan buku dan daftar nama bagi anggota atau peyuran pertubuhan oleh mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam kumpulan wang pertubuhan;</p> <p>(h) penyimpanan daftar berserta butir-butir mengenai umur, nama dan alamat mana-mana anggota atau peyuran dan penama, jika ada, bagi anggota atau peyuran pertubuhan;</p> <p>(i) bilangan minimum bagi kuorum untuk mesyuarat agung dan mesyuarat jawatankuasa, bilangan minimum bagi mesyuarat agung tidak kurang daripada tiga kali jumlah bilangan anggota jawatankuasa dan bagi mesyuarat jawatankuasa tidak kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan anggota jawatankuasa; dan</p> <p>(j) cara memutuskan pertikaian antara—</p> <p>(i) seseorang anggota atau peyuran atau seseorang yang menuntut melalui seseorang anggota atau peyuran atau di bawah kaedah-kaedah sesuatu pertubuhan berdaftar dengan pertubuhan atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu; dan</p> <p>(ii) mana-mana orang yang terkilan yang telah berhenti menjadi seorang anggota sesuatu pertubuhan berdaftar atau mana-mana orang yang menuntut melalui orang yang terkilan itu dengan pertubuhan itu atau seseorang pemegang jawatan pertubuhan itu.” menggantikan “Perkara<sup>2</sup></p>	

Peruntukan                      Butir-butir pindaan                      Kuasa yang meminda

yang peruntokan bagi-nya mesti di-buat dalam perlembagaan atau atoran<sup>2</sup> bagi tiap<sup>2</sup> Pertubuhan Faedah Bersama ia-lah—

- (a) nama pertubuhan dan tempat untuk urusan pertubuhan;
- (b) segala tujuan pertubuhan dan syarat<sup>2</sup> sa-saorang ahli atau peyuran berhak mendapat apa<sup>2</sup> faedah;
- (c) chara membuat, mengubah, meminda dan membatalkan atoran<sup>2</sup>:

Dengan syarat bahawa tiada apa<sup>2</sup> perubahan boleh di-buat yang akan mengurangkan faedah<sup>2</sup> yang di-peruntokkan oleh atoran<sup>2</sup> itu dengan tidak mendapat persetujuan daripada tiga per empat daripada jumlah bilangan anggota<sup>2</sup> atau peyuran<sup>2</sup>. yang di-dapati dengan jalan undi kertas;

- (d) pemilehan dan pemberhentian kerja pemegang<sup>2</sup>-jawatan, ter-masok setia-usaha, bendahari, pemegang amanah dan lain<sup>2</sup> pemegang-jawatan bagi pertubuhan;
- (e) pemberian salinan atoran<sup>2</sup> pertubuhan kepada tiap<sup>2</sup> anggota atau peyuran;
- (f) jagaan dan pelaboran kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubuhan dan jawatan pemegang<sup>2</sup>-jawatan yang bertanggung-jawab kerana-nya dan pengoditan tahunan atau berkala kira<sup>2</sup> pertubuhan;
- (g) pemereksaan buku<sup>2</sup> dan daftar nama<sup>2</sup> bagi anggota<sup>2</sup> atau bagi peyuran<sup>2</sup> pertubuhan oleh mana<sup>2</sup> orang yang ada mempunyai kepentingan dalam kumpulan<sup>2</sup>-wang pertubuhan;
- (h) penyimpanan daftar berserta butir<sup>2</sup> mengenai umur, nama dan alamat sa-saorang anggota atau peyuran dan orang yang di-namakan (jika ada) bagi anggota atau peyuran pertubuhan;

Peruntukan

Butir-butir pindaan

Kuasa yang meminda

- (i) sa-kecil<sup>2</sup> bilangan bagi chukupbilang untuk meshuarat<sup>2</sup> agong dan meshuarat<sup>2</sup> jawatan-kuasa, ia-itu sa-kecil<sup>2</sup> bilangan untuk meshuarat<sup>2</sup> agong ia-lah tidak boleh kurang daripada tiga kali jumlah bilangan ahli<sup>2</sup> jawatan-kuasa dan untuk meshuarat<sup>2</sup> jawatan-kuasa ia-lah tidak boleh kurang daripada setengah daripada jumlah bilangan ahli<sup>2</sup> jawatan-kuasa; dan
- (j) chara memutuskan pertikaian di-antara—
- (i) sa-saorang anggota atau peyuran atau sa-saorang yang menuntut melalui sa-saorang anggota atau sa-saorang peyuran atau menurut atoran<sup>2</sup> sa-suatu pertubohan berdaftar dengan pertubohan atau sa-saorang pemegang-jawatan-nya; dan
- (ii) mana<sup>2</sup> orang yang mushkil yang telah berhenti menjadi sa-orang anggota sa-suatu pertubohan berdaftar atau mana<sup>2</sup> orang yang menuntut melalui orang yang mushkil itu dengan pertubohan atau sa-saorang pemegang-jawatan-nya.”

Tarikh  
Perkenan  
Diraja

Ditinggalkan

perenggan 6(1)(xxiv)

